



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	5 - 6
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 72 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen)	7
Soalan No. 74 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa)	8
Soalan No. 75 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	9
Soalan No. 76 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey)	10
SESI PENGGULUNGAN PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2018	
Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	11
YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	18
YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	27
Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan.	38
PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2018 DIBACAKAN KALI KEDUA	47
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	51

Kandungan	Muka Surat
Pembentangan Rang Undang-Undang penubuhan Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017 oleh Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh)	52
Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) menyokong dan membahaskan Rang Undang-Undang	56
SESI PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG PENUBUHAN PERBADANAN TAMAN NEGERI (BOTANI) PULAU PINANG 2017	
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	56
Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Dr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	57
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mencadangkan pindaan di bawah Klausa 9e Peraturan 63(2)	58
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	59
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	60
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	62
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	63
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	69
PENGGULUNGAN USUL RANG UNDANG-UNDANG	
Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam penggulungan Rang Undang-Undang Penubuhan Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017	72
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) memberi ulasan atas pindaan terhadap Falas 9(1)(e)	77

Kandungan	Muka Surat
PEMBENTANGAN USUL DARI AHLI KAWASAN PULAU BETONG (YB. DATUK SR DR HAJI MUHAMAD FARID BIN HAJI SAAD)	79
Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) mengambil bahagian dalam perbahasan usul	81
YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam perbahasan usul.	83
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam perbahasan usul.	88
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam perbahasan usul.	89
Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam perbahasan usul.	89
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam perbahasan usul.	90
Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam perbahasan usul.	91
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam perbahasan usul	91
YB. Timbalan Ketua Menteri I membuat penggulungan di atas perbahasan pindaan usul.	92
Notis Penangguhan oleh Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu)	93
Ucapan Balas ke atas Notis Penangguhan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri II	94
UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	94

PENYATA RASMI

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua, Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
20.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
21.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
22.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
23.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
24.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Teh Lai Heng	Komtar
26.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
27.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
28.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
33.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man	Permatang Pasir
2	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

"Bacaan Doa".

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin silakan Yang Berhormat Bukit Tengah untuk kemukakan Soalan Lisan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

YB. Yang di-Pertua Dewan, soalan saya Soalan Nombor 72.

No. 72. Bilakah Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 dijangka akan berkuat kuasa sepenuhnya? Sejauh manakah pengenalpastian kawasan lapang yang akan diserahkan kepada Perbadanan ini?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Kawasan Bukit Tengah. Soalannya ialah mengenai Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017. Rang Undang-Undang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas pada Mei 2017 dan digazetkan pada 28 September 2017.

Tadi ialah di pada Mei dia diluluskan pada Mei 2017 dan digazetkan pada 28 September 2017. Senarai kawasan lapang dan stadium yang berpotensi untuk diperbadankan sedang diselaraskan dengan kerjasama semua Jabatan Kerajaan yang berkaitan. Senarai tersebut akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan sebelum perbadanan ini dikuatkuasakan sepenuhnya. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Soalan tambahan. Sebenarnya soalan asal adalah berkenaan dengan tarikh enakmen ini berkuat kuasa sepenuhnya. Adakah EXCO telah menetapkan ataupun menjangka tarikh berkuatkuasanya enakmen ini?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Belum, kerana sekarang kita dalam *consultation* dengan beberapa *department* dan agensi umpamanya MPSP, MBPP manakah stadium atau manakah kawasan lapang yang mereka setuju nak serahkan kepada perbadanan ini. Ini mengikut kehendaklah juga Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat *consultation* jadi ini memakamkan masa yang agak panjang.

Kita masih belum tentukan bila akan dia dilaksanakan secara penuh. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Adakah bermaksudnya selepas mengenal pasti kesemua kawasan lapang atau stadium yang akan diserahkan kepada perbadanan ini barulah enakmen ini akan berkuat kuasa sepenuhnya. Adakah maksud ini Padang Lalang?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Cadangan saya ialah kita mesti mewujudkan jawatan-jawatan dan sekurang-kurangnya menggajikan seorang yang profesional untuk *set up the whole structure and mechanism*. Jadi saya rasa yang *next step* untuk menggaji seorang sama ada CEO ka atau COO ka untuk mulakan operasinya. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih seterusnya saya ingin persilakan YB. Bayan Lepas, YB. Bayan Lepas tak ada dalam Dewan saya nak minta seterusnya YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan saya ialah Soalan 74.

- No. 74. Banjir kilat yang berlaku pada 15 September 2017 berpunca daripada kegagalan hutan berperanan sebagai kawasan tadahan hujan. Adakah kerajaan negeri berinisiatif untuk memantau projek pembangunan di kawasan cerun bukit? Adakah kerajaan negeri ada rancangan untuk menjalankan sistem perparitan yang mapan untuk menampung kuantiti air hujan yang luar biasa?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih dan Selamat Pagi kepada Dato' Yang di-Pertua akhirnya sampai soalan banjir yang terakhir. Terima kasih kepada YB. Batu Uban. Antara usaha Kerajaan Negeri dalam memantau projek pembangunan di cerun bukit adalah seperti berikut:-

- (i) mengambil tindakan dengan mengeluarkan Notis di bawah Seksyen 70 (A) Akta Jalan Parit dan Bangunan iaitu Notis Menghenti Menghendaki Kerja Tanah Diberhentikan bagi mana-mana pembangunan yang tidak mematuhi kehendak atau syarat-syarat kelulusan pelan.
- (ii) semua projek pembangunan di cerun bukit hendaklah dilaksanakan mengikut Laporan Geoteknikal yang disediakan oleh Jurutera Perunding Geoteknikal dan yang dilulus oleh Jawatankuasa Pembangunan Tanah Bukit Berisiko.
- (iii) semua projek pembangunan di cerun bukit hendaklah mematuhi *Safety Guideline For Hillside Development 2012*.
- (iv) semua projek pembangunan di cerun bukit hendaklah mematuhi kaedah kawalan aliran air larian permukaan dengan penyediaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) mengikut kaedah MSMA Edisi Kedua.
- (v) sistem air sedia ada di cerun bukit hendaklah tidak diusik atau diubah alih bagi semua projek pembangunan di cerun bukit.
- (vi) memastikan aspek penyelenggaraan ke atas sistem saliran dilakukan secara berjadual bagi projek-projek pembangunan yang dalam pembinaan atau yang telah siap.
- (vii) mempertingkatkan pemantauan dengan menggunakan *drone* dan pemasangan CCTV di lokasi-lokasi yang strategik di samping mempertingkatkan masa pemantauan.

Dan (b), antara perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam mengadakan sistem perparitan yang mampan bagi menampung kuantiti air yang luar biasa adalah seperti berikut:-

Pelaksanaan Projek Tebatan Banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang merupakan agensi utama yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini bersama dengan PBT, JKR dan lain-lain agensi untuk mengawal dan mengurus masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minima. Dan menyediakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam bagi semua daerah ianya sedang dihasilkan oleh JPS untuk dijadikan rujukan kepada semua agensi dan pemaju dalam merancang dan melaksanakan sistem saliran dengan lebih berkesan di Negeri Pulau Pinang. Sekian.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan banjir belum habis lagi. Ada lagi dua tambah saya ada bangkit suatu hal pembinaan satu di Halaman Bukit Gambir yang pertama kali apabila hujan lebat 4 hari bulan dan 5 hari bulan bulan ini ada air banjir masuk ke tempat kediaman...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat tanya soalan yang bersangkutan-paut dengan pertanyaan asal.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Adakah cadangan untuk berhenti kerja ini dan siasat semula?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Majlis Bandaraya Pulau Pinang memang ada tindakan untuk menangani masalah yang berbangkit dan saya akan mengarahkan MBPP melaksanakan cadangan Yang Berhormat untuk melihat projek ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Ingin saya seterusnya mempersilakan Soalan 75, sila.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Ya, Dato' Yang di-Pertua, soalan saya Nombor 75.

No. 75. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tidak dapat menampung bilangan pelancong dan ketibaan penerbagan yang kian bertambah sama ada dari domestik atau antarabangsa. Apakah perancangan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih pada Yang Berhormat dari Sungai Pinang beliau bertanya tentang sama ada Kerajaan Negeri atau Persekutuan ada rancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa di Pulau Pinang? Saya pasti YB. Sungai Pinang sudah tahu jawabannya kan. Sama ada perlu masih jawab atau tidak tak apalah saya cuba ya.

YB. Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil peluang mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan dalam setiap *platform* yang sesuai agar Kerajaan Persekutuan dapat menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedia ada di Bayan Lepas untuk menampung sehingga kapasiti sehingga 10 juta penumpang satu (1) tahun berbanding dengan kapasiti sedia ada hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang satu (1) tahun.

Cadangan pembesaran ini telah dipohon oleh Kementerian Pengangkutan melalui *Rolling Plan* RMK11. Y.A.B Perdana Menteri yang juga dalah Menteri Kewangan ketika membentangkan bajet untuk tahun 27 hari bulan Oktober tahun ini telah mengumumkan kelulusan bagi Bajet 2018 untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, Lapangan Kapal Terbang Antarabangsa Pulau Pinang direka bentuk untuk menampung kapasiti 6.5 juta penumpang satu (1) tahun dan diunjurkan *target* ini hanya akan dicapai pada 2020 tetapi buat masa sekarang iaitu tahun ini dari Januari ke Ogos purata penumpang yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa adalah 582,346 penumpang dalam satu (1) bulan. Jadi kalau kita mengambil kira 12 bulan dia akan mencecah sehingga 9,888,000 penumpang pada akhir tahun ini. *That means around seven (7) million at the end of this year. So,* ini kita sudah mencapai satu kapasiti maksimum tiga (3) tahun sebelum 2020. Kalau kita berbanding dengan tahun-tahun yang lepas iaitu kalau kita ambil *January to August* untuk tahun ini berbanding dengan masa yang sama 2016 ia adalah satu peningkatan 8.4%, *8.4% compare to last year* ada tinggi. Kalau kargo, kargo juga dia ada *variance* tahun ini dengan tahun yang lepas masa yang sama *January to August* dia sudah *up by 3.8%....*(dengan izin). 3.8% jadi angka-angka ini sudah tentu menunjukkan bahawa Lapangan Kapal Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini memang telah mencapai satu tahap yang maksimum di mana Yang Amat Berhormat pun selalu ada mengatakan sekiranya tidak lagi dinaik taraf maka Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ini akan menjadi satu macam pasar malam. Di mana penuh dengan gerai-gerai, penuh dengan penumpang-penumpang dan ia sangat tidak sesuai untuk menaikkan reputasi Negeri Pulau Pinang ini sekian sahaja. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bagan Jermal saya nak persilakan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan saya 76.

- No. 76. Kelajuan internet penting untuk aktiviti dan aplikasi yang meningkatkan efisiensi dan kecekapan. Namun kelajuan internet di Pulau Tikus, Persiaran Gurney dan Mr Erskine masih terhad dan perkhidmatan fiber optik seperti TIME masih belum disempurnakan lagi. Adakah usaha kerajaan untuk mempercepatkan kesediaan kelajuan internet yang paling cepat untuk kawasan Pulau Tikus?

YB Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila jawab.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, kita sudah sampai kepada soalan yang terakhir juga. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Tikus, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan dengan pihak penyedia perkhidmatan bagi mempercepatkan kesediaan kelajuan internet di seluruh negeri Pulau Pinang melalui pemasangan fiber optik yang kebanyakannya dipasang dan dimiliki oleh pihak TM, Telekom Malaysia dan TIME. Untuk makluman, fiber optik milik TIME telah tersedia di kawasan Pulau Tikus. Namun, pemasangannya tertumpu kepada premis atau bangunan bertingkat seperti pangsapuri, kondominium dan bangunan komersial. Kemudahan tersebut masih belum diperluaskan ke rumah jenis sesebuah. Rancangan pemasangan fiber optik adalah tertakluk kepada pihak syarikat perkhidmatan itu sendiri kerana melibatkan kos yang tinggi dan perlu diambil kira permintaan berbanding dengan kos pelaksanaan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Mungkin Yang Berhormat boleh bagi penjelasan. Setahu saya Telekom Malaysia, TM masih belum melaksanakan fiber optik di kawasan Pulau Tikus dan juga di pusat Bandar George Town. Adakah nasihat Yang Berhormat juga sekarang bahawa siapa yang inginkan kelajuan yang lebih cepat maka mereka perlu menyediakan perkhidmatan fiber optik di luar kawasan ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih, pihak TM memang dalam usaha memperluaskan perkhidmatan ini dengan mengganti kabel-kabel *copper* yang ada di negeri Pulau Pinang dan itupun melibatkan kos dan kawasan yang amat luas. Sebab sebelum ini memang kabel-kabel yang adalah berjenis *copper* sahaja dan untuk menukar kepada fiber optik ianya memerlukan perbelanjaan dan perancangan yang rapi. Pihak Kerajaan Negeri melalui Kerajaan Tempatan memang dalam rundingan dengan syarikat penyedia perkhidmatan ini dan pada satu ketika PDC TS, *Telecommunication Services* juga telah menjalankan kajian dan sudahpun mendapat kerjasama semua syarikat pembekal dan menyempurnakan *fiber mapping* di Negeri Pulau Pinang. Memandangkan isu-isu yang berada di PDC TS telah pun selesai maka Bahagian KT bersama PDC TS akan meneruskan usaha untuk memastikan Negeri Pulau Pinang dapat di *fiberised* dengan cara meluas. Syarikat-syarikat ini pun tidak mahu melabur dengan begitu banyak, kalau dapat perkongsian fiber optik ini dengan *common ducting* dan sebagainya maka inilah satu *way forward* bagi Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Namun Yang Berhormat, *common ducting*, *common trenching* ini telah pernah saya terima sebagai jawapan di Dewan ini dua, tiga tahun lepas. Ini adalah usaha yang telah lama kita rancangkan tetapi masih belum dilaksanakan lagi. Impaknya adalah bahawa kadangkala keseluruhan Gurney Plaza, Gurney Paragon boleh menggunakan perkhidmatan *credit card*. Ada *set up-set up* yang ingin berlokasi di One Stop Midland sebab sewa dia rendah tetapi mereka tidak boleh kerana *internet* yang rendah. Ada impak besar kepada ekonomi Pulau Tikus maka saya memerlukan jawapan bilakah jangka masa dan apakah tindakan-tindakan *immediate* dan *medium term* yang akan dijalankan kerana kita memang tidak boleh tahan lagi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB Pulau Tikus. Untuk kes yang khusus ini kita akan mengatur perbincangan dengan syarikat pembekal untuk lihat bagaimana fiber optik di kawasan-kawasan tertentu dapat diperbaiki. *Common ducting* cuma boleh dimulakan pada ketika ini di Greenfill Development iaitu di Batu Kawan khususnya sudah mula, PDC sebagai pemaju di kawasan itu dan juga sudahpun membina *ducting* ini, sudah mula menyewa *common ducting* ini kepada syarikat-syarikat telekomunikasi. Itu bermula di Batu Kawan sebab ianya satu kawasan pembangunan yang baru. Bagi Brownfill Development maka ianya akan menimbulkan banyak cabaran dari segi menyediakan *common ducting* kepada syarikat-syarikat supaya mereka dapat berkongsi *common ducting* mereka itu dengan memasang fiber optic dalam *common ducting*. Itu akan mengambil masa lagi, saya tidak dapat janji bilakah seluruh Negeri Pulau Pinang akan menggunakan *common ducting* untuk pemasangan fiber optik tetapi ini agenda kita dan kita akan terus berusaha.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Maka dengan jawapan kepada soalan lisan yang terakhir, tamatlah sesi untuk Soalan Lisan. Silakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada Soalan-soalan Lisan yang telah dijawab tadi akan diletak di atas meja Ahli-ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan di dalam Penyata Rasmi. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih kepada semua Soalan-soalan Lisan dan kepada semua Ahli-ahli EXCO yang telah pun menjawab. Saya ingin membawa Dewan seterusnya ke Sesi Penggulungan yang bersambung dari semalam. Dipersilakan YB. Padang Kota dan saya ingin mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada YB. Padang Kota. Tetapi, tetapi masa untuk penggulungan tetap jaga. Sila.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih atas ucapan harijadi atau hari lahir saya yang ke 59. Saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membuat penggulungan ke atas isu-isu yang dibangkitkan di bawah portfolio yang dipengerusikan oleh saya iaitu Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir. Saya percaya antara isu-isu yang dibangkitkan telah pun dijawab dalam sesi soal jawab ataupun oleh rakan EXCO saya yang telah buat penggulungan atas isu-isu yang berkaitan dengan portfolio masing-masing, jadi saya tidak bercadang untuk mengulangi perkara-perkara yang sedemikian.

Sebelum saya memulakan penggulungan saya pada pagi ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, rakan-rakan EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan, Ketua-ketua Jabatan, agensi-agensi Kerajaan, para sukarelawan serta semua pihak dan komuniti di luar lapangan yang telah berganding bahu untuk mengatasi bencana banjir yang telah dialami oleh penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga mengambil maklum cadangan-cadangan yang bernas yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sekalian bagi mengatasi masalah banjir pada masa hadapan.

Saya juga ingin merakam ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan mengemukakan banyak cadangan. Kerajaan Negeri akan meneliti dan membuat kajian kebolehlaksanaan ke atas setiap cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

YB. Dato' Yang di-Pertua, ramai yang mendakwa ketidakcekapan sistem penyampaian maklumat yang telah menyebabkan kerugian yang besar kepada rakyat Pulau Pinang. Untuk makluman YB. Telok Ayer Tawar dan Dewan yang mulia ini di Negeri Pulau Pinang sememangnya sudah ada sistem penyampaian maklumat secara *online* iaitu *Penang Alert* dan Public Info Banjir. Manakala Sistem Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara atau PRABN yang diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan boleh memberi ramalan banjir lebih awal iaitu tujuh (7) hari sebelum banjir dijangka akan berlaku dan amaran banjir seawal dua hari berbanding dengan sekarang iaitu amaran enam (6) jam sebelum banjir.

PRABN Pulau Pinang dijadualkan akan dilaksanakan bermula pada bulan Jun tahun 2018 sehingga 2022 melibatkan enam (6) lembangan sungai iaitu Sungai Pinang, Sungai Kerian, Sungai Muda, Sungai Juru, Sungai Perai dan Sungai Jawi. Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan sistem penyampaian maklumat adalah sentiasa dikemaskini dan penyebaran maklumat kepada penduduk secara berkesan bagi mengurangkan kerugian harta benda awam ke tahap yang minima. Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan kerajaan sentiasa memantau dan turun padang bagi mengkaji keperluan Pulau Pinang dalam projek-projek tebatan banjir. Akan tetapi peruntukan untuk rancangan tebatan banjir yang berskala besar adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Berikutan kejadian banjir baru-baru ini, Kerajaan Negeri sekali lagi telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan iaitu kepada Perdana Menteri sendiri bagi menyelesaikan masalah banjir di Negeri Pulau Pinang. Sebanyak 13 projek dengan peruntukan RM1billion telah dibentangkan kepada Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke tempat kejadian pada 7 November yang lalu iaitu hari Selasa minggu lepas. Projek-projek mitigasi banjir yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- (i) RTB Teluk Kumbar RM8 juta;
- (ii) Telok Bahang RM6juta;
- (iii) Pondok Upeh RM5 juta;
- (iv) Sungai Junjung di SPT RM30 juta;
- (v) Parit 4 di JPS, SPT RM10 juta;
- (vi) Parit Raja Uda di SPU RM32 juta;
- (viii) Sungai Kechil, SPS RM12 juta;
- (ix) Kawasan Perindustrian Perai, SPT RM50 juta;
- (x) Lembangan Sungai Perai, SPT RM70 juta;
- (xi) Lembangan Sungai Juru di SPT RM80 juta;
- (xii) Lembangan Sungai Jawi, SPS RM40 juta, Bayan Lepas, Barat Daya RM153 juta; dan yang besar sekali
- (xiii) Lembangan Sungai Pinang, Daerah Timur Laut RM504 juta iaitu kalau RM150 juta ini dilaksanakan masih ada projek yang bernilai RM504 juta yang perlu diteruskan di cabang-cabang sungai Sungai Pinang.

Pelaksanaan projek-projek ini akan memberi impak yang besar dalam menangani masalah banjir di negeri ini. Justeru, saya amat berharap Kerajaan Persekutuan akan mempertimbangkan permohonan ini dan memberi keutamaan dan meluluskan projek-projek mitigasi banjir ini. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau dan menyediakan setiap rumah pam dan pintu air supaya ia berfungsi dengan berkesan termasuk membersihkan sampah yang tersangkut di perangkap sampah. JPS juga telah menjadualkan 3 pusingan kerja atau *shift* bagi menjaga rumah pam serta telah menambah dua orang pekerja bagi rumah-rumah pam. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan penyelesaian kepada masalah banjir di Pulau Pinang merangkumi Pelan Tindakan Jangka Pendek dan Pelan Tindakan Jangka Panjang. Bagi Pelan Tindakan Jangka Pendek Kerajaan Negeri melalui agensi pelaksanaan telah melaksanakan kerja-kerja kecemasan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan juga Pusat. JPS juga menggunakan peruntukan MARRIS bagi pembaikan Rumah Pam Saliran serta menjalankan kerja-kerja pembersihan sampah-sampah di dalam sungai. Bagi Pelan Tindakan Jangka Panjang pula, beberapa projek tebatan banjir telah dirancang dan akan dilaksanakan secara berfasa. Antaranya, RTB Sungai Pinang dengan RM150 juta di bawah peruntukan Persekutuan.

High Impact Project di bawah peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM150 juta untuk melaksanakan sembilan projek tebatan banjir dan ketiga tujuh (7) projek tebatan banjir di bawah peruntukan Caruman Perparitan Kerajaan Negeri sebanyak RM55 juta.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan mengadakan perbincangan bersama syarikat-syarikat utiliti bagi membincang isu pengalihan lintasan utiliti di kawasan sungai dan parit yang mengalami *back flow* akibat dari utiliti yang dibina tidak mengikut garis panduan JPS. Kempen Kesedaran Alam Sekitar akan dipergiatkan lagi oleh Kerajaan Negeri. Daripada kejadian banjir baru-baru ini, sistem saliran dan sungai yang tersekat disebabkan sampah sarap yang dibuang oleh orang yang tidak bertanggungjawab yang

mengambil jalan mudah membuang sampah domestik yang menyebabkan aliran tidak lancar serta menyebabkan rumah-rumah pam tidak berfungsi dengan berkesan merupakan salah satu punca banjir.

Justeru, adalah penting bagi mendidik penduduk setempat tentang kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar terutamanya sungai. Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan untuk mengenakan denda yang lebih tinggi terhadap individu atau syarikat yang membuang sampah ke dalam sungai. Jawatankuasa Khas Taskforce Pencemaran Sungai telah ditubuhkan dan Kerajaan Negeri akan memastikan penguatkuasaan lebih ketat melalui akta sedia ada. Satu lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Ops Lumpur juga telah ditubuhkan bagi menjalankan pemantauan bersepadu terhadap pematuan pemaju terhadap garis panduan sedia ada. Seperti Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang merangkumi *Erosion Sediment Control Plan* atau ESCP. Satu lagi langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ialah menjalankan Kajian Pelan Induk Saliran atau *Drainage Master Plan* bagi semua daerah di Pulau Pinang dan sehingga hari ini, dua (2) kajian telah siap iaitu bagi Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Barat Daya.

Walau bagaimanapun Pelan Induk Saliran Barat Daya perlu dikaji semula memandangkan ia telah lama disiapkan. Pelan Induk Saliran ini akan menjadi garis panduan kepada JPS dan PBT dalam merancang sistem saliran dan meluluskan pembangunan baru dalam kawasan masing-masing. Ia juga merupakan garis panduan kepada pemaju dan jurutera perunding dalam merancang pembangunan baru. Kesemua program jangka pendek dan jangka panjang JPS akan disenaraikan dalam penyediaan deraf Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 yang sedang disediakan.

YB. Telok Ayer Tawar telah membangkitkan isu berkaitan lesen hiburan yang diluluskan oleh MPSP walaupun pihak PBT...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Mohon sebelum pergi ke tajuk lain. Masih berkenaan dengan Pelan Induk Perparitan Saliran. Bolehkah saya, bolehkah kita dimaklumkan perancangan ini untuk berapa tahun ke hadapan? Atas keperluan saliran untuk Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya tiada maklumat berhubung dengan perkara ini, saya rasa ini untuk 20 hingga 30 tahun dan dua (2) pun sudah siap dan tiga (3) lagi masih dalam kajian oleh juru perunding yang dilantik dan akan disiapkan dalam sedikit masa lagi. Balik ke isu lesen hiburan iaitu yang diluluskan walaupun pihak PDRM tidak menyokong permohonan tersebut. Contohnya pusat snooker di sebelah SMK Telok Ayer Tawar. YB. Dato' Ketua Pembangkang juga telah membangkitkan isu pusat snooker yang sama ini. Untuk makluman Dewan, hasil semakan MPSP mendapati pusat snooker tersebut adalah Pusat Snooker Power Ball yang mempunyai lesen premis dan lesen hiburan yang sah dan disokong oleh pihak PDRM. Bagi lesen hiburan awam yang diluluskan tanpa sokongan PDRM ianya adalah berdasarkan ulasan keseluruhan jabatan lain. Antara ulasan yang dikemukakan adalah premis-premis tersebut beroperasi di zon yang ditetapkan oleh PBT, tidak ada sebarang masalah kacau ganggu dan tidak ada bantahan kepada penduduk sekitar.

YB. Penanti membangkitkan apakah tindakan penguatkuasaan MPSP yang diambil ke atas aktiviti kuari yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan. Untuk makluman Dewan...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Sebelum ke kuari. Berkenaan dengan pusat-pusat hiburan ini yang saya rujuk sebenarnya di depan Sekolah Menengah Telok Ayer Tawar itu adalah namanya '*star something*', saya pun tidak ingat. Banyak ada semua '*star*', saya tengok di Jalan Raja Uda pun ada '*star*' juga. Yang saya bangkitkan ialah bahawa terdapat lebih daripada 200 yang tidak disokong oleh PDRM. Jadi ulasan YB. Padang Kota ialah bahawa tidak ada bantahan dan tidak ada kacau ganggu. Tetapi kita dari segi logiknya kacau ganggu atau bantahan penduduk tentulah selepas pusat-pusat itu mula beroperasi. Sebelum itu tentulah tidak ada kacau ganggu dan sebagainya. Jadi kaedah meluluskan lesen ini perlulah dikaji semula sama ada perlu dirujuk kepada pemimpin tempatan, kepada lain-lain pihak yang *stakeholder* untuk memastikan bahawa kelulusan ini tidak akan menjejaskan masyarakat di situ.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Ketua Pembangkang. Dalam isu lesen ini, kita melibatkan dua iaitu lesen baru dan lesen yang diperbaharui. Maka dalam kategori dalam lesen yang diperbaharui isu kacau ganggu timbul lah. Jika ini tidak menjadi isu, akan diperbaharui. Antara agensi yang dijemput untuk memberi ulasan adalah Pejabat Daerah melalui penghulu yang boleh mewakili masyarakat setempat kalaulah ada

komuniti yang kemukakan bantahan kepada Pejabat Daerah dan ulasan PDRM ada kalanya satu ulasan yang selalu diterima adalah sudahpun wujud terlalu banyak pusat-pusat sedemikian. Tetapi untuk Pihak Berkuasa Tempatan, mereka sudah pun meletakkan garis panduan, kalau si pemohon dapat mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan maka seperti dikatakan ianya merupakan ulasan pada keseluruhannya bukan cuma berdasarkan kepada ulasan PDRM sahaja. Namun apa yang dibangkitkan oleh Dato' Ketua Pembangkang akan saya minta MPSP membuat satu penelitian seluruh bagi seluruh Seberang Perai untuk melihat isu ini dengan luas.

Mengenai aktiviti di kuari, tidakan penguatkuasaan yang diambil oleh MPSP adalah mengeluarkan arahan berhenti kerja serta merta kepada mana-mana syarikat kuari yang melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan. Setelah itu tindakan susulan adalah mengeluarkan tawaran kompaun, satu kesalahan kepada satu syarikat tersebut di Penanti. Mengenai cadangan YB. Pulau Tikus, supaya Kerajaan Negeri mewujudkan pemasangan papan tanda elektronik untuk menyampaikan maklumat kesesakan lalu lintas dan banjir dengan lebih cepat kepada pengguna. Sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat dan Dewan ini bahawa MBPP akan mempertimbangkan cadangan pemasangan papan tanda elektronik di lokasi-lokasi yang strategik untuk menyampaikan maklumat kesesakan lalu lintas dan banjir dengan lebih cepat kepada pengguna mulai tahun 2019.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Bagi penjelasan. Sepatutnya papan tanda yang saya cadangkan itu adalah jenis bergerak, maka lokasinya tidak perlu ditetapkan. Saya hanya ingin menjelaskan. Selain daripada yang statik di satu tempat, saya rasa MBPP perlu membeli yang boleh bergerak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Cadangan Yang Berhormat akan dipertimbangkan. Manakala MPSP juga dalam proses memasang papan iklan jenis elektronik dan untuk tujuan menyampaikan maklumat keadaan lalu lintas dan banjir dengan lebih cepat kepada pengguna-pengguna. YB. Jawi mencadangkan penggunaan *skylift* di MPSP bagi melancarkan kerja-kerja pemotongan pokok dengan tenaga kerja yang mencukupi. MPSP memang menggunakan jentera *skylift* bagi kerja-kerja ini di setiap daerah. Pada masa kini ada tujuh buah jentera *skylift* di MPSP mengikut daerah iaitu sebanyak dua di SPU, tiga di SPT dan dua di SPS.

YB. Seri Delima telah memohon Astaka Taman Tun Sardon dinaiktaraf kerana telah usang dan boleh menyebabkan kecederaan dan memohon peruntukan wang untuk memasang kemudahan penghawa dingin di balai raya untuk kegunaan semasa majlis dan kenduri. Sebut nama, dia sudah masuk. Untuk makluman YB. Seri Delima, Astaka Taman Tun Sardon adalah merupakan kompleks makan di bawah pengurusan Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang atau ICU, Jabatan Perdana Menteri. Isu berkaitan naiktaraf secara keseluruhan adalah di bawah pentadbiran agensi berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, MBPP akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bagi kerosakan kecil di astaka berkenaan secara tahunan. Berkenaan dengan permohonan untuk memasang penghawa dingin di balai raya, kita akan lihat dan mempertimbangkan permohonan ini. YB. Paya Terubong membangkitkan isu projek pemulihan pasar awam di Paya Terubong yang melibatkan pembangunan di atas tanah milik SSI di atas Lot 8826, Mukim 13, Daerah Timur Laut. Projek ini telah terbengkalai sejak tahun 1987. Dan telah dimajukan semula melalui satu perjanjian penswastaaan yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Pacific Construction Sdn Bhd pada 7 hari bulan September 2015. Pelaksanaan kerja-kerja pembinaan telah mula pada 27 Jun tahun 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun 2018. Walau bagaimanapun pemaju akan berusaha untuk menyegerakan kerja-kerja pembinaan dan cuba menyiapkannya pada bulan Disember tahun ini juga. Bangunan pasar awam dan kompleks penjaja empat tingkat berkenaan menelan belanja sebanyak RM8 juta dan akan diserahkan setelah siap serahkan kepada MBPP pada kadar nominal RM1.00 sahaja dan lot-lot gerai dan premis dalam bangunan tersebut akan disewa oleh MBPP kepada peniaga dan penjaja yang berdaftar. Keutamaan akan diberikan kepada penjaja sedia ada di kawasan tersebut bagi tujuan penempatan semula.

YB. ADUN Bertam telah membangkitkan isu kilang haram di kawasan Kepala Batas. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Garis Panduan Pemutihan Kilang-kilang Tanpa Kebenaran di Kawasan MPSP telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 26 Oktober 2017. Garis panduan tersebut dijadualkan untuk dibentangkan oleh pihak berkuasa negeri pada bulan November ini.

YB. Telok Ayer Tawar telah membangkitkan cadangan mewujudkan *task force* bagi mengutip sampah selepas krisis banjir dengan kerjasama NGO dan pihak swasta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang selepas banjir dan ribut besar memang kita ucapkan terima kasih kepada banyak pihak yang telah hulurkan bantuan dan tenaga dan jentera untuk melaksanakan operasi pembersihan pasca banjir dan semalam pun saya mengumumkan bahawa dalam 2 hari di mana hari sukarelawan yang

dilancarkan pada 11 dan 12 November kita telah mendapat sambutan dari sekurang-kurangnya 10,000 orang yang telah bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan dan lain agensi dan menjalankan kerja-kerja pembersihan dan setakat ini boleh dikatakan di Pulau hampir semua siap. Tetapi ada mungkin mangsa-mangsa akan terus membuang sampah walaupun sampah di taman-taman perumahan sudah pun dibersihkan sebelum ini dan di Seberang Perai mungkin perlukan beberapa hari lagi untuk mencapai 100%.

ADUN Jawi juga membangkitkan isu pencemaran air laut dari tapak pelupusan Pulau Burung. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perikanan telah melaporkan tidak ada bukti konklusif bahawa kematian ikan dalam sangkar berpunca daripada air larut resap daripada tapak pelupusan. Namun Jabatan Alam Sekitar akhirnya sudah meluluskan EIA bagi projek Fasa ketiga (3) tapak pelupusan Pulau Burung dan juga *Lecet Treatment Plant* bagi Fasa ke 3 dan dengan berita baik ini kerja-kerja untuk membina Fasa tiga (3) tapak pelupusan Pulau Burung yang merangkumi *Lecet Treatment Plant* dapat dijalankan dengan serta merta dan kita berharap apabila kemudahan ini siap kelak *Lecet Treatment Plant* dapat memproses semua air *leacheate* yang ada dalam Fasa 1 dan 2 di samping merawat *leacet* yang mungkin terhasil dalam pemoperasian Fasa ke 3 nanti.

YB. Telor Ayer Tawar juga membangkitkan isu bayaran tempat letak kereta di kawasan pulau untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah pun seragamkan waktu kawalan tempat letak kereta bermula tahun 2016 dan kini kutipan hanya dibuat hanya hari Isnin hingga Sabtu termasuk cuti umum pada 8.00 pagi sehingga 6.00 petang ianya dikuatkuasakan beberapa bulan yang lalu saya rasa bulan Julai di mana seluruh pulau telah diseragamkan masa kutipan berbanding dengan dulu mengikut zon-zon tertentu. Mengenai isu kesesakan lalu lintas Kerajaan Negeri memandang serius...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan boleh maklum sikit tentang kutipan letak kereta di seberang perai adakah diseragamkan juga macam itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Seberang Perai saya percaya adalah mengikut masa mereka sendiri tidak sama dengan pulau. Tetapi memang tak ikut zon-zon diseragam bagi Seberang Perai rasa saya tetapi saya akan semak kalau ada kesilapan saya mohon untuk memberi jawapan bertulis.

Mengenai kesesakan lalu lintas memang Kerajaan Negeri telah mulakan inisiatif penyelesaian jangka panjang sejak tahun 2011 lagi. Setelah kajian *Penang Transport Master Plan* pada Mac 2013, Kerajaan Negeri begitu komited untuk melaksanakan setiap strategi dalam *Penang Transport Master Plan*. Bagi penyelesaian jangka pendek Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT telah menjalankan kajian berskala tempatan dimana fokus diberikan kepada penyelesaian untuk mengurangkan kadar kesesakan jalan raya antaranya lalui jalan sehalu penyalaraan lampu isyarat, dan naik taraf persimpangan jalan termasuk pembinaan tanjakan bagi bagi melancarkan aliran lalu lintas.

Kerajaan Negeri sedia maklum tentang masalah parking bas kilang bas persiaran dan dan telah mengambil beberapa langkah pro aktif bagi menangani isu ini, antara langkah yang diambil adalah mengenal pasti beberapa lokasi yang sesuai untuk dijadikan tempat letak bas. Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa perbincangan bersama semua operator bas kilang dan bas persiaran dan telah mencadangkan untuk mewujudkan satu persatuan yang boleh berhubung terus dengan Kerajaan Negeri sekiranya terdapat masalah dan memudahkan proses penyampaian maklumat. Daripada segi penguatkuasaan pula, PBT bersama-sama pihak PDRM, JPJ dan SPAD sering melaksanakan operasi bersepadu bagi memastikan bas-bas ini tidak letak di tempat yang tidak dibenarkan sehingga boleh meyebabkan kesesakan lalu lintas.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Mohon pandangan daripada YB. Padang Kota, ada beberapa perniagaan contohnya di Jalan Bagan Jermal contoh nya *coffee tree, you know* yang setiap hari pun ada bas persiaran yang terletak di hadapannya. Bolehkah pihak PBT boleh mempertimbangkan agar lesen perniagaan merangkumi tidak menghalang jalan raya, agar masalah bas persiaran ini boleh ditangani? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang mengenai isu bas kilang pun ada syarat apabila SPAD keluarkan permit iaitu disyaratkan ada depo untuk simpan bas apabila tidak bergerak. Maka kita tahu bahawa ianya tidak dipatuhi dan menimbulkan masalah yang kita bincang sekarang. Mengenai bas-bas persiaran yang membawa pelancong untuk membeli belah kedai-kedai yang menjual barangan tempatan ianya pun satu isu yang amat kita nak tangani. Tambahan pula dengan setiap kali kapal-kapal *cruise* apabila berpangkalan di Swettenham Pier ianya pun menimbulkan kesesakan setempat. Yang Berhormat EXCO Pelancongan memang telah ditugaskan untuk melihat isu ini dan dari jawapan tadi tempat-tempat sementara itu yang diusahakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang termasuklah untuk meletak bas-bas persiaran mereka diperlukan turun penumpang dan mungkin dalam jangka pelancong itu membeli-belah di kedai-kedai, bas itu boleh dipandu keluar dari kawasan itu supaya mengelakan kesesakan lalu lintas. Tetapi kita memang belum muktamadkan tempat itu lagi.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan maksudnya Yang Berhormat tempat ini bukan saja depo, di mana depo bagi saya adalah selepas mereka habis perkhidmatan mereka nak balik rumah tidur mereka akan letak bas dalam depo, maksud Yang Berhormat adalah bahawa lokasi yang akan diusahakan itu juga berdekatan dengan pusat pelancongan di mana sementara menunggu pelancong mereka akan letak di sana, Terima kasih

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Itu maksud saya. Mengenai isu bas perantara yang diperjuangkan oleh YB. Penanti saya rasa jawapan Penanti pun sudah terima iaitu pada sekarang kita melihat pihak pengusaha yang dicadangkan pun telah tarik diri atas masalah sendiri dan syarikat. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk meneliti perkara ini bersama SPAD yang kini dalam kajian rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Wilayah Utara. Kajian ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2018.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan. Masa saya buat permohonan itu apa yang kita mohon adalah menggunakan van putih sedia ada, tapi bila kita dah mohon lepas itu SPAD suruh tukar jadi bas yang besar, bas henti-henti dan bas persiaran tu dah syarat-syarat tu dah lain *and then the cost* dah lain. Kita hanya nak van-van putih yang sedia ada yang boleh masuk dalam kawasan kampung itu isu nya sekarang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Penanti memang Kerajaan Tempatan masih tidak putus asa lagi walaupun masih tak ada berita baik. Pegawai saya masih berurusan dengan SPAD untuk melihat isu ini. YB. Telok Ayer Tawar juga membangkitkan isu berhubung dengan Pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang, untuk makluman Dewan yang mulia ini tebatan banjir dan Pelan Induk Pengangkutan mempunyai kepentingan yang saksama dalam memastikan kelestarian hidup masyarakat Pulau Pinang. Kerajaan Negeri mengambil berat akan dua cabaran utama yang dihadapi oleh Negeri Pulau Pinang iaitu kesesakan lalu lintas dan banjir. Kedua-dua isu ini memberi kesan yang sangat mendalam terhadap kehidupan rakyat dan memerlukan perhatian segera dan keutamaan daripada Kerajaan Negeri. Isu-isu ini akan ditangani menerusi penambahbaikan infrastruktur perparitan dan banjir melalui JPS dengan bantuan pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga melihat keperluan yang mendesak untuk membangunkan rangkaian pengangkutan awam dan bersepadu bagi meningkatkan penyambungan serta aksesibiliti dalam kawasan Pulau dan Seberang Perai.

Pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan di Pulau Pinang akan dibiayai melalui hasil projek Penang South Reclamation, Pelaksanaan Pelan Induk ni tidak akan menjejaskan keperluan peruntukan untuk rancangan tebatan banjir di negeri ini malah keperluan peruntukan ini turut memerlukan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, projek LRT Bayan Lepas apabila siap sepenuhnya nanti akan menjadi satu-satunya mod pengangkutan awam yang dapat beroperasi sepenuhnya dan dapat digunakan sebagai pengangkutan awam sewaktu situasi banjir kerana ia adalah struktur bertingkat. Pelaksanaan LRT dan infrastruktur yang berkaitan di bawah *Penang Transport Master Plan* dijangka tidak akan menjejaskan keadaan banjir di Pulau Pinang. Infrastruktur perparitan dan saliran akan dialihkan dan diganti semasa kerja-kerja pembinaan dilaksanakan dan dikawal melalui langkah-langkah pengawalan alam sekitar yang ketat seperti yang telah ditetapkan dibawah EIA dan kajian berkaitan yang diluluskan oleh agensi di bawah Kerajaan Persekutuan. YB. Machang Bubuk..... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih YB. Padang Kota. Kita memang tidak menyangkal bahawa Pelan Struktur Pengangkutan, Pelaksanaan Pelan Struktur Pengangkutan ini amat penting kepada rakyat Pulau Pinang tetapi kita juga perlu akui sekarang setelah mengalami musibah besar banjir bahawa pelan induk perparitan dan saliran adalah juga amat mustahak oleh itu peruntukan sebanyak RM10 juta setelah 10 tahun memerintah untuk membuat kajian adalah terlalu sedikit dan juga dah terlalu lewat dah nak habis penggal. Jadi kita minta supaya penekanan yang sama banyak diberi perhatian yang sama penting diberi ke atas penyediaan pelan ini sebab tadi dimaklumkan baru dua (2) daerah kalau boleh disegerakan dan juga perancangan bagaimana untuk melaksanakan Pelan Induk ini dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat, terima kasih

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Ketua Pembangkang hasrat Yang Berhormat juga hasrat dan tanggungjawab kita, Yang Berhormat Machang Bubuk telah bangkit isu berkenaan dengan dengan *land reclamation* yang dicadangkan untuk membiayai projek-projek *Penang Transport Master Plan*, apakah yang akan berlaku sekiranya penambakan tanah tidak dapat dijual? *Penang South Reclamation* merupakan projek transformasi ekonomi Kerajaan Negeri ke arah menjadi Negeri Pulau Pinang sebuah *hub* perkhidmatan dan pembuatan antarabangsa yang teguh. Tanah yang ditambak bagi projek ini akan menjadi hakmilik Kerajaan Negeri, oleh itu tanah ini akan dinilai oleh Jabatan Pengurusan Penilaian Harta (JPPH) untuk memastikan nilai tanah adalah berdaya saing dan mengikut harga pasaran. Sekiranya projek PSR tidak diteruskan atau tidak dapat dijalankan kerana tidak ada kelulusan maka pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang pun tidak akan berlaku.

YB. Tanjong Bunga telah membangkitkan isu untuk mempercepatkan penubuhan Jabatan *Big Data* supaya semua maklumat yang berkemungkinan boleh digunakan dan dianalisis supaya dapat meramal bencana. Kerajaan Negeri telah pun mengambil inisiatif mewujudkan Pelan Pelaksanaan Data Raya Pentadbiran Negeri yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu e-work governors atau (eGG) pada 13 Disember baru-baru ini atau tahun yang lepas. Sehubungan dengan itu, sebuah jabatan khas iaitu Unit Analitis Data Raya atau *Big Data* telah ditubuhkan dan akan diuruskan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang mulai suku pertama tahun 2018. Tujuan utama unit ini adalah untuk memastikan pelaksanaan inisiatif data raya secara menyeluruh di agensi Kerajaan Negeri di mana salah satu (1) komponen adalah untuk menyebarkan maklumat berhubung dengan ramalan cuaca.

YB. Pengkalan Kota telah mencadangkan supaya Sistem Smart Parking diwujudkan di negeri ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini Sistem *Smart Parking* atau pengurusan tempat letak kereta berkonsep 2E (efektif dan efisien) oleh MPSP akan mula beroperasi kepada orang awam mulai tahun 2018. Sistem ini akan dilaksanakan bersekali dengan penguatkuasaan kompaun bersepadu serta aplikasi untuk bayaran menggunakan alat mudah alih atau *smartphone*. Selain itu laporan aduan berkenaan salah laku meletak kenderaan dan tugas-tugas pemantauan juga akan dihubungkan melalui sistem ini supaya tindakan yang pantas dapat diambil oleh pihak penguatkuasa.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan dan Dewan yang mulia ini dalam sejarah Pulau Pinang, fokus pembangunan ditumpukan kepada strategi perindustrian secara eksklusif. Di waktu evolusi perindustrian yang berlaku secara pesat di negeri ini. Perancangan sebagai sebuah negeri yang berdaya huni kurang diberikan penekanan pada ketika itu. Justeru masalah-masalah perbandaran yang timbul diselesaikan secara *ad-hoc* dan secara mitigasi. Kesannya perancangan penggunaan tanah dan binaan menjadi semakin mencabar kepada Pentadbir Bandar, untuk itu pembangunan mampan sesebuah negeri amatlah bergantung kepada pelan perancangan yang sistematik dan realistik supaya dapat memberi impak kepada kadar pertumbuhan ekonomi negeri *liveability* dan *sustainability* sesuatu bandar. Oleh itu saya berpendapat bahawa sesuatu pelan perancangan bukan sahaja perlu lebih murah dan cepat tetapi yang lebih penting agar pelan tersebut adalah *reliable*, *sustainable* dan *feasible*. Sehubungan dengan itu, kepentingan peruntukan untuk melaksanakan pelan-pelan perancangan termasuk terutamanya Pelan Tebatan Banjir perlu diberi perhatian yang khusus dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih berdaya huni. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat, minta laluan. Saya amat bersetuju dengan kenyataan-kenyataan Yang Berhormat tadi, maka untuk *Penang Transport Unit* yang diumumkan dalam bajet ada tak apa-apa peruntukkan untuk menjadikan unit *Penang Transport* ini *practical*, *feasible*, *realible* dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Usaha permulaan memang sudah mula dengan penubuhan *Special Purpose Vehicle* untuk memantau projek-projek pengangkutan atau infrastruktur yang diletakkan di bawah Bahagian Kerajaan Tempatan, kita akan lihat sejauh mana unit yang dicadangkan dalam ucapan belanjawan itu dapat dikembangkan SPV di bawah Kerajaan Tempatan dan kita akan melihat peranan dan tanggungjawab dan hala tuju unit yang dicadangkan ini. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu mangsa-mangsa banjir termasuk YB. Ahli Kawasan Penanti. Saya mengakhiri ucapan penggulungan ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Saya hendak tahu tentang jawapan yang OSC masukkan ADUN dan JKKK itu sudah jawab atau belum?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sudah jawab. Bahawa JKKK dalam isu-isu permohonan tanah memang ada rujukan dibuat dan mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa, maka JKKK bukannya satu (1) pihak yang perlu dirujuk untuk memberi ulasan kepada pembangunan yang dicadangkan oleh tuan tanah berkenaan. ADUN memang ada banyak landasan untuk menyuarakan isu-isu di KADUN masing-masing termasuk *live facebook*...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

I mean is sebelum meluluskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya mengakhiri ucapan penggulungan saya dengan dua (2) rangkap pantun.

Pulau Mutiara pulau dirahmati,

Bencana yang dialami boleh diatasi,

Berganding bahu pulihkan pulau ini,

Supaya terus cekap, telus dan akauntabiliti.

Pulau Pinang Pulau Mutiara,

Bangkitlah kita rakyat jelata,

Demi negeri yang tercinta,

Agar kita kekal bahagia.

Sekian, terima kasih

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota, saya hendak minta yang seterusnya YB. Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Terlebih dahulu saya ingin melahirkan rasa simpati saya terhadap ratusan ribu rakyat Negeri Pulau Pinang yang menjadi mangsa banjir baru-baru ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat agensi kerajaan dan orang awam, serta sukarelawan yang terlibat dalam usaha menyelamatkan dan membantu para mangsa di Pulau Pinang.

Saya akan teruskan dengan jawapan kepada soalan-soalan yang telah dibangkitkan semasa perbahasan. Pertama adalah soalan daripada YB. Bagan Dalam yang telah menanyakan tentang isu peruntukan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri memberikan peruntukan sebanyak RM1.75 juta setiap tahun sejak tahun 2009 kepada 28 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Pulau Pinang, manakala peruntukan tabung penyelenggaraan daripada Kerajaan Persekutuan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil adalah sebanyak hampir RM1.5 juta kepada sebanyak 10 buah Sekolah Tamil. Impian Kerajaan Negeri ialah

untuk memastikan bahawa kanak-kanak yang menghadiri Sekolah Tamil dapat menikmati suasana yang kondusif bagi pengajaran dan pembelajaran. Sehingga tahun 2017 Kerajaan Negeri telah berjaya mengatasi kekurangan bilik darjah dengan membina bilik darjah baru, membina dewan terbuka di lapan (8) buah sekolah, membina makmal komputer di 12 sekolah, memastikan bahawa semua sekolah mempunyai kemudahan tandas moden, menambah baik keadaan dan kemudahan bilik guru dan guru besar, menambah baik perpustakaan dan penambahan jumlah buku dan terakhir memasang kemudahan abad 21 *class room* di tiga (3) buah sekolah.

Pendek kata Kerajaan Negeri telah membantu memperbaiki infrastruktur di sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang sehinggakan sekolah-sekolah ini dikatakan sebagai yang terbaik dari segi kemudahan fizikal di seluruh negara.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan YB. Perai, terima kasih. Saya menerima baik berita yang telah diumumkan tadi oleh Yang Berhormat. Pada masa yang sama saya ingin bertanya apakah status permohonan untuk mendirikan satu (1) Sekolah Menengah Tamil? Saya percaya dan juga saya juga telah lihat langkah-langkah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mendesak Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pendidikan untuk membenarkan pendirian sebuah Sekolah Menengah Tamil. Saya menyanjung dan mengucapkan terima kasih di atas langkah-langkah yang diambil tetapi persoalan saya apakah realitinya ini akan berlaku dalam masa yang terdekat dan adakah apa-apa halangan daripada Kementerian Pendidikan atau Kerajaan Persekutuan terhadap langkah-langkah ini. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih daripada YB. Seri Delima, ini soalan mengenai Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil ini, saya ingat tiga (3) tahun lepas Y.A.B. Ketua Menteri telah menulis dua (2) pucuk surat kepada Kementerian Pendidikan supaya meminta kebenaran untuk mewujudkan sebuah Sekolah Menengah Tamil di Pulau Pinang bahawa Kerajaan Negeri akan menyediakan tanah untuk sekolah itu tetapi kita dapat jawapan bahawa daripada Kementerian bahawa tidak ada apa-apa peruntukan dalam Akta Pendidikan untuk membenarkan pengwujudan Sekolah Tamil. Tetapi ini memang saya rasa *unaccepted* sebab ada juga beberapa sekolah Tamil yang telah diwujudkan dan ada juga sekolah biasa Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah ada Sekolah Cina, *independent Chinese School*, Sekolah Menengah ada juga Sekolah Menengah yang menggunakan bahasa yang lain. Jadi baru-baru ini pun saya rasa semasa memberi penyerahan cek kepada Sekolah Mak Mandin iaitu kawasan Y.A.B. Ketua Menteri sendiri di mana isu ini dibangkitkan semula bahawa kerajaan ini memberi lesen supaya Kerajaan Negeri akan menubuhkan suatu Sekolah Tamil sebagai satu (1) hadiah Deepavali tetapi saya rasa kita pun tidak ada apa-apa jawapan sebab saya rasa memang kita boleh sediakan tanah dan mungkin juga kemudahan-kemudahan lain tetapi permit untuk penubuhan sekolah adalah permit mesti datang daripada Kerajaan Persekutuan. So jadi itulah memang halangan kepada penubuhan Sekolah Menengah Tamil di Pulau Pinang ataupun mana-mana negeri....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Minta penjelasan Yang Berhormat

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Nanti, berbalik kepada YB. Batu Uban dahulu, YB. Bertam.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Apabila saya masuk campur dengan satu (1) *National Science Fair* berkenaan dengan sekolah-sekolah Tamil, saya ada mendapat maklumat banyak sekolah tidak ada makmal kimia, betulkah tidak ada di Pulau Pinang?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Pada YB. Batu Uban sama ada ada makmal kimia, mungkin, saya rasa tidak, saya tidak pasti sama ada ada makmal kimia tetapi memang ada makmal sama ada itu makmal kimia atau makmal lain so mungkin kalau ada pun saya rasa ia bukanlah di peringkat, ini adalah kita rujuk kepada sekolah rendah bukan sekolah menengah so itu mungkin satu (1) sebab di mana makmal-makmal yang selalu digunakan di sekolah menengah dan sebagainya tidak wujud tetapi memang makmal ini memang saya tidak begitu pasti, tetapi kalau ada pun itu mungkin makmal yang saya rasa lebih umum daripada yang lebih fokus kepada kimia sahaja.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih YB. Perai, berkenaan dengan Sekolah Menengah Tamil ini saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, selain daripada Negeri Pulau Pinang dimanakah Sekolah-sekolah Menengah Tamil diwujudkan di dalam Malaysia? mungkin Pulau Pinang satu-satunya negeri yang belum ada tetapi di negeri lain macam mana?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya daripada YB. Bertam, tidak ada Sekolah Menengah Tamil di mana-mana negeri, jadi apabila Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang membuat permohonan inilah permohonan pertama kepada penubuhan sebuah Sekolah Menengah Tamil di Pulau Pinang, tak ada Sekolah Tamil sama ada Sekolah Tamil Kerajaan ataupun Sekolah Tamil Swasta. Okey terima kasih. Okey.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat terima kasih, melalui maklumbalas yang saya terima daripada rakyat banyak yang telah mendapati bahawa kadang kala sekolah murid daripada Sekolah Rendah Jenis Tamil menghadapi kesukaran apabila mereka masuk ke sekolah menengah kerana tidak biasakan diri dengan sistem perbelajaran Bahasa Malaysia. Jadi ada NGO-NGO yang telah mula mengadakan *transition course* untuk kanak-kanak ini, memandangkan di Pulau Pinang kita telah berjaya menjayakan mewujudkan *you know*, Sekolah Vokasional, program Vokasional, *Leadership* Akademi dan sebagainya saya rasa kita boleh mengambil tindakan proaktif untuk membantu dalam *transitional* ini mungkin di PYDC ataupun di lokasi-lokasi yang bersesuaian, terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih daripada Ahli Pulau Tikus, saya rasa masalah ini masalah peralihan daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di mana bahasa perantaraan adalah Bahasa Tamil, saya rasa mungkin 70% penggunaan Bahasa Tamil sebagai bahasa perantaraan dan juga Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tapi isu ini adalah apabila mereka beralih kepada sekolah menengah tapi sekarang ini saya rasa suatu masa ketika kita ada masalah di Kelas Peralihan, *Remove Classes* ini supaya mereka sebelum mereka pergi ke tingkatan satu (1) mereka akan duduk satu (1) tahun dalam itu Kelas Peralihan tapi / dengar baru-baru ini Kelas Peralihan ini tidak begitu diterima sebab ini melambatkan proses pendidikan mereka dan saya rasa bahawa saya memang setuju juga bahawa isu ini bukan sekolah menengah ini sekolah rendah jadi apabila mereka menamatkan sekolah rendah mungkin umur mereka adalah 12 atau 13.

Isu-isu apa ini adalah selepas SPM di mana sama ada itu sekolah ada budak-budak daripada Sekolah Tamil ataupun sekolah menengah menghadapi tapi asalkan mereka mungkin tidak berjaya dari segi akademik tapi saya rasa memang ada peluang. Itulah kita katakan bahawa semestinya mereka mengikuti apa ini apa ini jalan akademik *treasury* atau mungkin ada banyak peluang supaya mereka selepas macam ambil kes PSDC, PSDC ini tidak apa ini katakan bahawa *you* mesti lulus SPM asalkan mereka ada *attitude* mereka boleh mengikut program-program dan saya rasa kebanyakan program-program di PSDC ini dibayar oleh Kerajaan Persekutuan. So mungkin mereka boleh pergi mengikuti kursus dari segi sijil, kursus diploma dan mungkin ada juga kursus *degree* dan saya rasa selepas mereka keluar dari PSDC saya rasa peluang pekerjaan adalah begitu cerah. So jadi itulah yang kita mementingkan tapi masalah kita adalah bagaimana ini pelajar-pelajar ini dari dulu di bahagikan antara vokasional dan dulu satu (1) masa ketika mereka yang tidak berjaya dari segi akademik akan ditolak ke sekolah vokasional. So I think this have to change sorry...(dengan izin), so jadi saya saya memang di peringkat tapi mereka sekurang-kurangnya mereka mesti sampai ke SPM.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Saya minta penjelasan sedikit, YB. Perai saya masih dalam topik sekolah menengah sebab setiap kali dalam Dewan itulah isu yang dibangkitkan. Cuma setuju atau tidak Yang Berhormat bahawa setiap kali kemasukan tahun satu (1) Sekolah Tamil dan ada juga Sekolah Kebangsaan Cina mencatatkan kurang murid, ada Sekolah Tamil, Sekolah Rendah dan Sekolah Rendah Cina yang diiktiraf sebagai sekolah kurang murid. Ada yang tahun satu (1) cuma seorang murid, tahun dua (2) dua (2) murid dan sebagainya dan ini adalah juga merupakan faktor kenapa tidak ada keperluan untuk ada mengadakan Sekolah Menengah Tamil sebab memandangkan dalam 14 buah Negeri cuma Pulau Pinang yang meminta dan tidak ada keperluan dari negeri-negeri lain yang memohon perkara yang sama dan ini adalah antara penyebab adakah ini antara penyebab Kerajaan tidak meluluskan buat masa sekarang, kekurangan murid ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Jadi soalan Bertam ini cukup baik, isu ini masalah kekurangan pelajar di sekolah-sekolah apa ini ada juga di sekolah kebangsaan juga ada di pendalaman Sekolah Tamil, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina *but* baru-baru ini kita diumumkan oleh Menteri Pendidikan bahawa mereka akan membina 10 Sekolah Cina sama ada siapa akan bayar kepada Sekolah Cina kita tidak pasti sama ada masyarakat Cina ataupun Kerajaan.

Di samping itu, Kerajaan juga umumkan enam (6) Sekolah akan dipindah, sekolah yang kurang apa ini pelajar akan dipindah. So jadi saya rasa itulah satu (1) langkah yang saya rasa bijak sebab dulu satu (1) masa ketika ini banyak Sekolah-sekolah Tamil ini di ladang di dalaman tapi satu masa ketika kita ada 1,000 lebih Sekolah Tamil sekarang kita wujud ada 523 Tamil baru-baru dia akan bina tiga (3) Tamil baru 526 sekolah, so saya cadangkan bahawa oleh kerana faktor sejarah, oleh kerana penghijrahan apa ini sama ada apa ini masyarakat Cina ataupun masyarakat India ataupun masyarakat semua masyarakat, ini memang suatu yang akan berlaku kekurangan pelajar. So kita minta jangan kurangkan sekolah, pindah sekolah, pindah lesen macam ini satu (1) kes Bagan Dalam. Bagan Dalam ada satu (1) kawasan yang kita perlukan Sekolah Tamil tapi sampai hari ini tidak ada Sekolah Tamil sebab masyarakat India ini saya rasa minoriti yang duduk di ladang, majoriti sudah berhijrah ke bandar. So kita minta Kerajaan Persekutuan supaya menerima hakikat ini dan memberi lesen baru untuk Sekolah-Sekolah Tamil atau Sekolah Cina mana-mana supaya di mana konsentrasi masyarakat Cina atau masyarakat India adalah lebih, jangan katakan oleh kerana ada kekurangan penduduk maka *you* batalkan lesen. Mungkin 20 tahun dahulu satu (1) kesalahan berlaku di mana di bawah dia buat sekolah wawasan saya rasa tak ada masalah sekolah wawasan, apabila dia gabungan beberapa Sekolah Tamil ini dia hilang dia punya lesen. So jadi isu ini memang bagaimana kita mahu selesaikan masalah ini supaya saya rasa kita pindah lesen, okey contoh-contoh yang konkrit Sekolah Byram baru-baru ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 8.75 ekar supaya kita pindah Sekolah Byram bersama dengan penduduk, saya ingat Ahli Jawi apa ini, ada sini satu (1) cadangan adalah supaya kita pindah pelajar-pelajar ke sekolah sekitar ini. Apabila kita pindah maka masyarakat Tamil akan kehilangan satu (1) Sekolah angka 28 akan pergi ke 27. Jadi kita rasa sebab kenapa pindah sebab tempat di sekolah menyebabkan di zon di mana kita mesti mahu apa ini pindah oleh kerana ini adalah permintaan apa ini Jabatan Alam Sekitar sebab dia memang berdekatan dengan apa itu tapak sampah sarap.

Jadi kita buat bahawa kita akan pindah dan membina sekolah baru dan saya rasa ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan sebab kita minta kebenaran. So jadi saya rasa isu kekurangan pelajar ini memang saya mengakui tetapi isu dia bagaimana kita akan menyelesaikan masalah itu asalkan sekolah ini tidak dikurang ini akan merupakan isu politik okey.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih. Yang Berhormat saya rasa diantara kaum India ramai yang inginkan Bahasa Tamil diperkasakan dan kewujudan Sekolah Tamil ini amat penting agar lebih banyak lagi lebih ramai orang lagi tahu Bahasa Tamil boleh tulis dalam Bahasa Tamil. Ibu bapa pun ada yang tahu bahawa *you know* mungkin persekitaran di Sekolah Tamil adalah lebih sesuai untuk anak mereka, mereka pun suka menyokong Sekolah Tamil. Namun kerisauan ibu bapa adalah kerana tiada sekolah menengah, masalah tiada sekolah menengah ini yang banyak mencegah ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah Tamil. Jika adanya sekolah menengah ibu bapa tahu mereka boleh melanjutkan ke sekolah menengah saya rasa pendaftaran dalam Sekolah Rendah Tamil pun akan meningkat jadi saya pun menyokong kuat permohonan agar Sekolah Menengah Tamil ditubuhkan bukan sahaja di Pulau Pinang tapi di merata di Malaysia, terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta laluan, saya minta laluan,

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

So saya nak tanya satu (1) soalan sahaja, apakah pendirian MIC dalam isu ini pendirian rasmi mereka, adakah mereka menyokong, adakah mereka turut membantu memohon kepada Kementerian Pendidikan menyokong, saya tahu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Parti DAP memperjuangkan pendirian Sekolah-Sekolah Tamil. Apakah pendirian MIC dalam perkara ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB. Seri Delima saya rasa apabila kita mungkin tiga (3) tahun dahulu apabila kita mengeluarkan kenyataan bahawa kita perlukan satu (1) Sekolah Kebangsaan Jenis Sekolah Menengah Tamil di Pulau Pinang, MIC tidak MIC tidak sentuh perkara ini mungkin dia mungkin dia tidak memberi komen secara langsung tapi cuma mereka mengatakan apa yang perlu kepada masyarakat Tamil mungkin dalam bukan dalam perkataan sedemikian bukan dalam sekolah menengah tapi kita rasa kita mohon lebih pelajar masuk sekolah rendah. So jadi mungkin daripada pandangan itu kita rasa kita boleh simpulkan bahawa mereka tidak mendukung Sekolah Tamil dan saya pun tidak tau apa sebabnya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih Yang Berhormat, saya sebenarnya tidaklah orang kata menentang tetapi sebagaimana saya sebut tadi bila ada data hari ini menunjukkan Sekolah-Sekolah Tamil adalah sekolah kurang murid kebanyakan begitu juga di Parlimen Kepala Batas. Kita ramai pengundi India Sekolah Tamil satu (1) itu pun tak ramai yang masuk ke Sekolah Tamil ramai juga yang memilih ke Sekolah Hashim Awang dan sebagainya tapi kalau Sekolah Cina di dalam Parlimen Kepala Batas sahaja kita ada sampai empat (4) kalau tak silap saya. Jadi di sini, isu yang ingin saya timbulkan tadi adalah berkenaan kekurangan pelajar, kekurangan ibu bapa menghantar anak-anak ke Sekolah Tamil, ini juga adalah merupakan faktor yang menyebabkan keperluan untuk sekolah menengah itu tak ada. Kalau di sekolah rendah sekali pun kita terpaksa ambil pelajar-pelajar daripada sekolah-sekolah lain untuk dikumpulkan di satu tempat itu pun tidak menjadikan sekolah itu sebagai sekolah yang terlalu ramai murid, kekurangan murid pada hari ini dan saya juga nak sentuh sikit tentang Pulau Tikus yang mengatakan bahawa ramai ibu bapa nak memperkasakan Bahasa Tamil tapi sebab tak ada sekolah menengah saya kurang bersetuju sebenarnya, sebab kalau nak memperkasakan Bahasa Tamil daripada darjah satu sampai darjah enam pun dah cukup, ramai juga pelajar Melayu yang dihantar ke Sekolah Cina daripada darjah satu sampai enam dah boleh bercakap Mandarin dengan fasih.

Jadi itu bukan satu (1) alasan, walau bagaimanapun saya percaya untuk sistem pendidikan ini kita tidak perlu politikkan tapi kita cuba mencari satu (1) penyelesaian. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Kita apa ini menyokong permohonan Sekolah Menengah Tamil ini bukan sebab ini memperkasakan apa ini pelajar-pelajar Tamil selepas mereka mengikuti program di sekolah rendah. Tapi juga keperluan guru-guru yang lebih fasih dalam Bahasa Tamil, biasa sekarang mereka yang apa ini dilatih sebagai guru memang dia ada pendidikan sampai darjah enam sahaja. So apabila mereka dihantar ke Sekolah-Sekolah Tamil maka saya rasa kualiti bahasa mereka tak begitu memuaskan. So kita rasa bahawa Sekolah Menengah Tamil ini akan mengikuti Silibus Kurikulum Nasional di mana dia tidak beza dengan Sekolah-sekolah Nasional itu cadangan kita, Sekolah-Sekolah Nasional di mana Bahasa Tamil akan jadi bahasa perantaraan di samping itu juga Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi akan diberi keutamaan.

So jadi cadangan kita bahawa Sekolah Menengah Tamil ini akan mengikuti 100% kurikulum Sekolah Kebangsaan. Cuma bahasa pengantara adalah Tamil. Maka 70% kandungan adalah Tamil, mungkin 30% adalah Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Jadi berbalik kepada soalan daripada Ahli Kawasan Pulau Tikus, jadi isu ini adalah di sekolah Tamil ini, ini satu (1) keperluan sebab ada sekolah menengah Jepun ada di Malaysia. Ada juga Sekolah Menengah Cina, ada sekolah menengah lain jadi apa salah kalau masyarakat India minta satu (1) sekolah Tamil. Kita minta untuk Pulau Pinang sahaja, tanah kita ada, kita boleh bekalkan tanah. Tapi lain-lain negeri tak minta tapi saya rasa, saya tidak boleh salahkan mereka. Kita minta untuk Pulau Pinang sahaja. Kalau parti-parti politik seperti MIC, IPF, dia sokong bagus jugalah tetapi mereka tidak menyokong. Jadi masyarakat India ni dia kata, sekarang satu (1) masa kita ada 523 sekolah, sekarang tambah tiga (3). Masyarakat Cina juga 10 sekolah baru, enam (6) sekolah dia pindah. Kes di Pulau Pinang kita ada satu (1) sekolah dipindah, kalau tak ada kita tak pindah mungkin ia akan menghadapi kekurangan pelajar. Saya memang ada sekolah di Kepala Batas, ada sekolah Tamil memang ada kekurangan pelajar tapi inilah situasi yang dihadapi oleh kawasan-kawasan di mana penghijrahan penduduk India sudah berlaku. Apabila ini dipanjangkan, lama-lama sekolah itu tidak ada murid. Saya rasa bahawa sekolah pindah ke tempat yang lain. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta penjelasan daripada YB. Perai. Saya kurang bersetuju dengan YB. Bertam di mana katakan bahawa kalau nak belajar Bahasa Tamil, belajar sampai darjah enam (6) pun cukuplah kerana di kawasan saya, Jawi, ada lima (5) sekolah Tamil. Saya rasa mungkin YB. Bertam kurang berhadapan

dengan ibu bapa kaum India atau kurang memahami kaum India walaupun saya bukan kaum India tapi saya memahami perasaan ibu-bapa kaum-kaum India. Saya ada lima (5) kawasan, lima (5) sekolah rendah Tamil. Sekolah Rendah Byram, Sekolah Rendah Tamil Nibong Tebal, Sekolah Rendah Tamil Changkat di Ladang Changkat, Sekolah Rendah Tamil di Ladang Kerian, Sekolah Rendah Tamil di Ladang Jawi. Kelima-lima sekolah ini setiap kali saya memberikan bantuan, baru-baru ini esok pagi ada program untuk memberikan baucer, uniform kepada pelajar-pelajar yang miskin dan berpendapatan rendah. Setiap kali kita berhadapan dengan cikgu-cikgu, murid-murid dan ibu bapa, mereka katakan memang nak hantarkan anak mereka ke Sekolah Menengah Tamil. Ini adalah satu (1) keperluan asas. Tadi YB. Bertam katakan bahawa mengapa cuma Pulau Pinang sahaja minta, negeri-negeri lain tak minta. Negeri lain tak minta, tak bermaksud tak ada permintaan ataupun tak ada keperluan, mungkin negeri-negeri EXCO-EXCO mereka, Ketua Menteri mereka ataupun Menteri Besar mereka kurang ambil perhatian terhadap keperluan tersebut tapi balik kepada isu pokok, Bahasa Tamil adalah ibu bahasa untuk kaum India, setuju? Kaum-kaum India di sini. Tadi YB Bertam katakan bahawa tak apa nak belajar sampai darjah enam (6) pun sudah cukup. Saya rasa seseorang ada keperluan asas hak mereka untuk belajar bahasa ibu mereka dan tambahan juga Kementerian Pendidikan ada tanggungjawab untuk pergi semak sama ada sekolah seperti tadi katakan Kepala Batas kurang pelajar, macam mana tindakan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan, sama ada pindahkan sekolah ini ke tempat yang lain. Setuju tak YB Perai? Di mana ini adalah tanggungjawab mereka. Takkan kita setiap kali permintaan kita mau membuat pemindahan tapi tak lulus. Inilah adalah satu (1) situasi di mana kurang ambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan. Mereka tak laksanakan tanggungjawab mereka. Kalau mereka laksana tanggungjawab mereka, kita tak akan menghadapi oh! pelajar-pelajar yang kurang pelajar. Mereka kena camtumkan, pindahkan ke kawasan yang ada keperluan seperti tadi yang disebut oleh YB. Bagan Dalam. Memang ada keperluan tapi tak ada lesen baru untuk buka sekolah baru.

Soalan saya, saya rasa Kementerian Pendidikan ada tanggungjawab untuk melaksanakan sama ada YB. Perai setuju atau tidak. Soalan kedua, segi Ladang Byram di mana sekarang kita tengah memohon permintaan, saya nak minta YB. Perai sama ada kita kena pastikan Kementerian Pendidikan meluluskan supaya kita pindahkan Sekolah Ladang Byram ke tapak yang baru dengan secepat mungkin dan tidak akan ambil masa yang satu (1), dua (2) tahun supaya melambatkan proses pemindahan tersebut. Inilah soalan saya.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB Jawi. Sama ada saya setuju, sama ada saya tak setuju, itu memang adalah satu (1) tanggungjawab Kementerian Pendidikan mengenai sekolah-sekolah. Sama ada sekolah yang akan dipindah, sama ada sekolah ini akan dihapuskan, itu saya rasa semua ini adalah tanggungjawab dan Kementerian Pendidikan. Balik kepada isu Byram ini, saya rasa memang kementerian pun saya rasa setuju supaya kita pindah sekolah. Kita akan buat sekolah, ini akan dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri tapi saya rasa mungkin dia akan uruskan tapi bangunan semua ini akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa proses ini telah diteruskan pengambilan tanah saya rasa lebih kurang diselesaikan. Terima kasih.

Saya sambung YB. Dato' Speaker. Misi Kerajaan Negeri telah terhad kepada peningkatan kemudahan infrastruktur sahaja malahan mentransformasikan Sekolah-sekolah Tamil untuk menghadapi cabaran abad ke-21. Pendidikan masa kini telah menjadi lebih canggih. Ia tidak lagi bergantung kepada buku dan papan hitam sahaja sebaliknya bergantung kepada peralatan IT yang canggih. Kerajaan Negeri tidak mahu sekolah-sekolah Tamil di Negeri Pulau Pinang tertinggal dalam arus perkembangan ini. Untuk memastikan bahawa kanak-kanak di sekolah Tamil dapat menikmati perkembangan ICT ini, Kerajaan Negeri telah memberikan SWIPE (*Smart Wireless Interactive Presentation & Education System*) di beberapa buah sekolah sejak tahun 2015. Alat ini mempermudah penyampaian maklumat. Dengan menggunakan alat ini guru juga dapat mengawasi dan mengawal murid-murid dari mana-mana sudut di bilik darjah. Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan alat ini di semua sekolah pada tahun ini.

Bermula dari tahun lepas, Kerajaan Negeri telah membekalkan kemudahan *21st Century Classroom* di tiga (3) buah sekolah iaitu SJKT Mak Mandin, SJKT Bukit Mertajam dan SJKT Sungai Ara. Kemudahan ini akan diperluaskan kepada semua sekolah secara berperingkat. Kerajaan Negeri juga telah memulakan kelas komputer di 10 buah sekolah dengan melantik pengajar khas pada tahun ini. Kemudahan ini juga akan diperluaskan kepada semua sekolah secara berperingkat. Selain itu, guru-guru di sekolah Tamil juga sedang diberi latihan untuk menggunakan kemudahan ini dengan efektif. Latihan ini dikendalikan oleh seorang pakar dalam bidang komputer dan kemudahan *21st Century Classroom*. Kerajaan Negeri berasa pengenalan kemudahan ICT dan penambahbaikan kemudahan infrastruktur akan menggalakkan lebih ramai ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah Tamil dan dengan itu masa depan sekolah Tamil di Negeri Pulau Pinang dapat dijamin.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat sikit, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih. Kita lihat dalam masa 10 tahun sahaja kita telah melihat satu (1) pembangunan yang begitu memberangsangkan di mana kebanyakan sekolah-sekolah Tamil yang dahulunya berada di atas tanah persendirian ataupun tanah TOL telah pun dipindahkan di kawasan saya dan kawasan bersempadan dengan YB. Batu Uban, saya bangga Sekolah Subramaniya Barathee yang dahulunya berada di sebuah tanah yang begitu sempit telah dipindahkan kepada tanah yang begitu luas di mana terdapatnya kemudahan-kemudahan seperti padang permainan, dewan dan sebagainya. Saya ingin menyatakan perkara di Dewan yang mulia ini kerana dalam tempoh pemerintahan Barisan Nasional ketika adanya EXCO-EXCO MIC, perkara-perkara ini tidak berlaku. Walaupun dikatakan bahawa Barisan Nasional selalunya mementingkan perkara-perkara yang melibatkan rakyat terutamanya MIC yang kononnya membela nasib kaum India, perkara-perkara ini tidak berlaku. Jadi saya hanya ingin menyatakan di sini bahawa UMNO, Barisan Nasional dan MIC hanya cukup berpolitik dan hanya membangkitkan isu retorik tetapi kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah pun tidak mampu dibina. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Yang Berhormat, sedikit sahaja. Saya rasa pandangan YB. Seri Delima itu adalah pandangan peribadi. Saya rasa kalau ada wakil MIC, biar MIC yang jawab. Walau bagaimanapun, UMNO saya ingin jelaskan bahawa Bajet 2018 telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk memperkasakan sekolah-sekolah Tamil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Bukan pandangan peribadi saya Yang Berhormat tetapi fakta dan hakikat yang memang diakui oleh rakyat sendiri. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila teruskan.

Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Dato' Speaker, saya akan teruskan. YB. Sungai Pinang telah melahirkan rasa kebimbangan berkenaan industri pembuatan terutamanya dalam sektor *Electrical & Electronic (E&E)* yang masih bergantung kepada pekerja asing. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk membantu warga Pulau Pinang. Di antaranya ialah melalui pembangunan Bandar Cassia yang melibatkan penyertaan pelabur-pelabur dalam dan luar negara yang dijangka mewujudkan 30,000 pekerjaan berpendapatan tinggi dengan memasukkan pelbagai syarikat multinasional dan pembangunan International Golf Resort, IKEA dan Taman Tema bagi rakyat Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Penang Career Assistance and Talent Centre (CAT)*. Pusat CAT diuruskan oleh Invest Penang dengan sokongan padu daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) dan syarikat-syarikat swasta. Pusat CAT bertanggungjawab untuk menghubungkan individu yang ingin mencari pekerjaan serta pekerja yang telah hentikan kerja dengan peluang-peluang pekerjaan yang wujud di syarikat-syarikat itu atau agensi-agensi yang berdaftar dengan Pusat CAT, mengenal pasti program-program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli Pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan. Penubuhan Pusat CAT memastikan rakyat Pulau Pinang mempunyai peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi di samping untuk menarik dan mengekalkan bakat di negeri ini. Pelaksanaan perintah gaji minimum sebanyak RM1,000 sebulan yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016 juga akan mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing yang kurang mahir. Kerajaan Negeri sentiasa menasihati pihak swasta agar mempertimbangkan gaji yang sewajarnya kepada golongan pekerjaan tempatan berdasarkan pengalaman dan kelayakkan mereka. Bagi tindakan menyekat pekerja asing daripada bekerja secara haram, Kerajaan Negeri sentiasa berbincang dengan pihak Imigresen agar penguatkuasaan terhadap pekerja asing dipertingkatkan dari masa ke masa. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa mengadakan dialog perbincangan dengan majikan supaya pekerja tempatan diberikan insentif dan juga melaporkan kes-kes kemasukkan pekerja asing secara haram kepada pihak Imigresen.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan Yang Berhormat. Berkenaan dengan banjir yang berlaku baru-baru ini, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri hanya akan memberi pampasan mangsa banjir kepada warganegara Malaysia sahaja. Tetapi saya juga difahamkan ramai juga warganegara asing, pelarian UNHCR terutamanya daripada Myanmar dan Bangladesh juga menjadi mangsa banjir. Adakah Yang Berhormat bersetuju memandangkan perkara ini adalah di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri, sepatutnya Kerajaan Persekutuan mengambil berat tentang perkara ini dan sekiranya boleh memberi pampasan kepada mangsa-mangsa banjir terutamanya yang bukan merupakan warganegara Malaysia kerana perkara ini adalah sesuatu yang berlaku, masalah warganegara asing ini berlaku di Malaysia disebabkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Dalam Negeri. Setujukah Yang Berhormat bahawa pampasan kalau pun diberikan, sepatutnya diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli Kawasan Seri Delima. Baru-baru ni saya rasa banjir ini telah memberi kesan buruk kepada semua lah. Terutama apa ini rakyat Malaysia di samping itu ada juga pekerja-pekerja dari luar negeri. Semasa perjalanan saya semasa memberi bantuan ada juga daripada agensi-agensi antarabangsa, agensi-agensi swasta yang membekalkan barangan kepada pekerja asing, keluarga pekerja asing. Jadi saya rasa isu ini bahawa Kerajaan Negeri ini tidak memberikan, tidak membekalkan barang-barang makanan ataupun barang-barang lain saya rasa tidak timbul sebab saya rasa saya memang setuju bahawa Kerajaan Persekutuan ini memang bertanggungjawab sebab kita pekerja asing di Malaysia ini memang cukup ramai kalau kita ada 16 juta pekerja di Malaysia 30% atau lebih adalah pekerja asing. So sama ada pekerja asing adalah pekerja yang sah ataupun mereka masuk tanpa apa-apa dokumen. Ini semua adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

So jadi saya rasa, perkara ini satu (1) segi adalah segi perikemanusiaan di mana apabila kita melihat bahawa banjir ini memberi suatu pukulan hebat kepada semua tanpa mengira sama ada mereka orang tempatan atau pekerja asing saya rasa ada banyak agensi saya rasa yang membantu pekerja asing, keluarga asing dan juga bahawa oleh kerana Kerajaan Negeri pun dapat juga sumbangan daripada pihak swasta kita tidak dapat apa-apa bantuan daripada JKM dan sebagainya. Walaupun dapat pun mungkin sedikit. Saya dengar bahawa baru-baru ini JKM ini tidak ada bekalan. Dan mungkin cuma ini disebutkan oleh Ahli EXCO dari Seberang Jaya semalam. Dia bincang panjang lebar tentang siapa yang bekalkan. Ini bukan daripada Kerajaan Pusat. Ini bukan sebenarnya JKM tapi agensi yang lain. Ya silakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa mungkin bantuan banjir itu jika kita ketepikan sementara. Namun demikian sudah tiba masanya pihak Kerajaan Negeri mengambil peduli tentang kebajikan ataupun situasi pekerja asing ini adalah kerana apabila tempat kerja dan garis panduan pekerjaan mereka terutamanya banyak pekerja asing yang bekerja di tapak pembinaan. Jika garis panduan dan persekitaran kerja mereka tidak dilindungi maka akan mengakibatkan impak kepada kita juga dari segi keselamatan tapak pembinaan. Sama juga jika mereka tidak dibayar gaji dan perlu untuk mencuri ke ataupun sebagainya ataupun ada saya dengar laporan seringkali apabila mereka tidak menerima gaji mereka perlu melarikan diri dan mencari pekerjaan lain. Dan ini memberi impak kepada sumber pendapatan untuk orang tempatan juga. Jadi ada banyak, banyak alasan dan sebab di mana adalah wajar Kerajaan Negeri ambil peduli tentang pekerja asing ini, dan sementara kita telah pun menubuhkan *commercial inquiry* untuk menelitikan situasi di Lembah Permai tersebut tanah runtuh tersebut. Banyak pekerja asing juga yang terlibat bukan sahaja mereka yang telah kehilangan nyawa. Tetapi mereka yang masih hidup mereka pun ada kita menerima laporan menghadapi cabaran. Jadi saya memohon agar Kerajaan Negeri mengambil peduli. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih. Ahli dari Pulau Tikus. Walaupun kita tidak ada satu (1) dasar mengenai ini sebab saya rasa apabila banjir ini memberi kesan. Tapi saya rasa *respond* kita supaya kita bantu mangsa-mangsa banjir. Dan saya sendiri mengarahkan di Perai supaya daripada NGO apabila mereka datang supaya memberi bantuan kepada semua. Bukan sahaja pekerja di Malaysia tapi tiap-tiap taman ini memang ada tapi bilangan bukan besar ada juga bilangan. Sebab isu ini adalah isu kemanusiaan dari segi itu kita tidak boleh memberi membezakan mereka daripada sama ada mereka pekerja asing atau pekerja tempatan. Tetapi memang saya sendiri menyaksikan bahawa ada juga agensi swasta memberi bantuan kepada mereka. Jadi itu memang satu (1) kenyataan. So, jadi apakah *responds* Kerajaan Negeri macam mana kalau berlaku bencana yang masa depan. Apakah pendirian kita terhadap pekerja asing?

Dan saya memang mengaku apa yang disebutkan oleh Ahli dari kawasan Pulau Tikus bahawa ini kalau tidak bantu mereka, ini akan memberi satu (1) implikasi buruk macam mana mungkin ini akan membawa satu (1) bahawa *element-element negative* dari segi itu. Memang saya setuju. Tapi isu ini mereka yang kena adalah mangsa mesti ada satu (1) sikap yang lebih berperikemanusiaan dari segi politik ataupun dari segi kriteria yang lain.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan. Asing daripada bencana. Asing dari bencana. Cadangan saya adalah bahawa Kerajaan Negeri boleh memulakan polisi untuk menelitikan situasi pekerja asing ini kerana sudah terlalu banyak *you know* aduan-aduan yang telah pun kita terima. Dan polisi adalah sesuatu boleh digubal, boleh diusahakan walaupun sekarang tak ada tak bermaksud tahun depan tidak ada juga, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat sedikit sahaja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Panjang lagi tak Perai?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dua (2) perkara yang saya ingin memberi pandangan, saya kurang bersetuju dengan YB. Pulau Tikus atas isu ini. Saya berpendapat bahawa sekiranya Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab membenarkan pekerja-pekerja asing masuk ke dalam negara. Mereka juga perlu memikul tanggungjawab untuk menjaga kebajikan mereka. Sekiranya berlaku kemalangan jiwa ataupun malapetaka seperti banjir. Sekiranya kita mengatakan Kerajaan Negeri perlu memikul tanggungjawab untuk menjaga warganegara asing. Kita di Pulau Pinang sedang cuba menghadapi masalah ini dan membantu rakyat kita sendiri pun kita sedang cuba sedaya upaya (dengan izin)...*we still struggling to cope with the demands of our citizen*. Jadi saya berpendapat kalau pihak Kementerian Dalam Negeri meluluskan kemasukkan sama ada yang mempunyai taraf masuk secara rasmi ataupun secara sah ataupun yang tidak sah sepatutnya tanggungjawab dipikul oleh Kementerian Dalam Negeri mungkin Imigresen, Polis dan sebagainya ataupun Jabatan Kebajikan Persekutuan untuk mengambil alih tanggungjawab menjaga kebajikan yang masuk.

Keduanya. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, pendatang asing. Pernahkah lihat, kita lihat semasa pasca banjir ini pemimpin-pemimpin UMNO telah pun datang memberi bantuan. *The top leader was here....*(dengan izin). Kita memberi kredit. *We give the credit where is due*. Perdana Menteri turun, Timbalan Perdana Menteri pun turun. Walaupun aduan Seberang Jaya mengatakan mereka memberi bantal dan *sticker* dan sebagainya itu lain isu. Dua (2), pemimpin-pemimpin MCA pun datang walaupun kita lihat lima (5) orang memegang satu (1) paip air untuk mencucinya sama ada benar atau tidak kita pun tidak tahu tapi *at least they were here* lah. Kita lihat pemimpin tertinggi UMNO, MCA turun. Ada nampak tak batang hidung pemimpin-pemimpin MIC di mana-mana datang untuk membantu Yang Berhormat? Saya minta penjelasan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Minta maaf Seri Delima. Saya tak nampak. Saya tak dengar, saya dengar cuma adalah daripada peringkat negeri memang ada mungkin di kawasan Bagan Dalam dan juga di Perai memanglah ada. Tetapi bukan pemimpin-pemimpin daripada MIC. So jadi saya akan teruskan dengan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Boleh beri laluan sekejap. Saya kena jawab kerana dia salah faham saya. Saya bukan kata Kementerian-Kementerian yang terlibat boleh melepaskan tanggungjawab mereka tetapi sama juga dengan situasi banjir kita tak boleh menunggu. Sama juga dengan pelbagai situasi Sekolah Cina ke, *you know* pelbagai usaha Kerajaan Negeri untuk menangani masalah yang dihadapi kerana kelemahan ataupun kekurangan daripada pihak pusat. Tetapi pekerja asing membawa gejala sosial dan pelbagai masalah yang kita tidak boleh menafikan. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Seperti saya akan teruskan saya mahu menghabiskan cepat. YB. Tanjong Bunga telah bertanya sekiranya Kerajaan Negeri berhasrat untuk menetapkan gaji minima RM1,500 di Pulau Pinang. Isu gaji termasuk penetapan gaji minima adalah di luar bidang kuasa Kerajaan

Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan bersedia untuk mengambil tindakan selaras dengan dasar-dasar yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan dengan cadangan gaji minima sebulan mengikut satu (1) jadual yang ditetapkan. Baru-baru ini Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaeng telah memaklumkan bahawa gaji minima baru bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan Labuan akan diumumkan pada tahun hadapan.

YB. Sungai Dua telah menyuruh supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada Revolusi Industri 4.0 agar usaha melahirkan modal insan dan tenaga mahir yang mencukupi pada masa hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memulakan usaha menghadapi Revolusi Industri 4.0 dengan melaksanakan langkah-langkah dan perancangan seperti berikut :

- (i) Menjadikan *Penang Skills Development Centre (PSDC)* sebagai peneraju dalam memperkasakan dan menaikkan tenaga kerja generasi terkini melalui persijilan teknologi tinggi dan program latihan. Program yang dilaksanakan adalah *National Empowerment In Certification And Training For Next Generation Workers*. Dalam masa yang sama ia berfungsi sebagai pemangkin untuk membantu syarikat bergerak dari Industri 2.0 kepada Industri 4.0 yang akan mendorong negeri mencapai sasaran tenaga kerja mahir sebanyak 35% menjelang tahun 2020;
- (ii) Memfokuskan kepada sektor perindustrian di mana kebanyakan kilang di Pulau Pinang terutamanya syarikat multinasional telah mengimplimentasikan Industri 4.0 kerana didorong oleh faktor pemasaran. Adalah syarikat yang telah mengamalkan Industri 4.0 adalah B. Braun, Bosch, Osram, ViTrox, Kontron dan lain-lain;
- (iii) Mendapat insentif dan sokongan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) seperti *Automation Capital Allowance* dan mendapatkan *soft loan* dari *Malaysia Industrial Development Finance Berhad (MIDF)* dengan bank-bank terpilih; dan
- (v) Memberi kesedaran kepada syarikat-syarikat tempatan mengenai *trend* Industri 4.0 agar tidak ketinggalan dan sentiasa kompetitif di arena tempatan mahupun antarabangsa; dan
- (v) Melibatkan maklumat terkini menangani Industri 4.0 kepada syarikat tempatan dan mendidik masyarakat melalui program bersama di badan-badan pengamal penasihat Industri 4.0.

Bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan mengenai portfolio saya iaitu Ekonomi, Sumber Manusia, Pendidikan, Sains Teknologi dan Inovasi. Saya harap dengan cadangan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dapat membantu saya dan Kerajaan Negeri untuk memperkembangkan lagi pelaksanaan dan arah tuju yang dirancang dalam memperhebatkan ekonomi di Pulau Pinang memberikan nilai kepada pendidikan dan pembangunan sumber manusia negeri ini serta memperkasakan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan seharian. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Seterusnya YB. Pantai Jerejak.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Saya ingin memulakan penggulungan saya dengan suatu ayat suci Al-Quran. (QS. Al-Anbiya (21):73). Yang Berhormat bermaksud "Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan Kami telah wahyukan kepada mereka untuk mengerjakan kebajikan, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan hanya kepada Kami lah mereka selalu menyembah".

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana diberi kesempatan untuk kita bertemu dan berkumpul dalam Dewan yang mulia ini bagi menghadiri Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada tengah hari yang mulia ini untuk membawa amanah dan harapan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Izinkan saya untuk memulakan sesi penggulungan ini dengan merakamkan ucapan takziah kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang yang telah menghadapi bencana banjir terburuk dalam sejarah negeri ini bermula pada 4 November 2017 yang lalu. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan orang awam

dari seluruh pelusuk negara yang telah bertungkus-lumus tanpa mengira penat lelah, siang dan malam, dalam usaha membantu mangsa banjir di negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta mengambil bahagian dalam sesi perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan 2018, yang bertemakan "Belanjawan Marhaen" bagi memastikan kehidupan rakyat menjadi "kalis masa depan" (*future proof*) agar tiada siapa ketinggalan dalam ekonomi digital Revolusi Industri ke-4 seperti mana diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sempena mesyuarat pada kali ini. Khususnya yang melibatkan Portfolio Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa, Koperasi, Perhubungan Masyarakat dan Pembangunan Keusahawanan yang telah diamanahkan kepada saya.

Sebagai salah seorang daripada barisan EXCO Kerajaan Negeri, saya juga ingin melahirkan rasa bangga dengan pencapaian yang memberangsangkan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Ucapan Bajet 2018 "Belanjawan Marhaen" bahawa Pulau Pinang mencatat lebih bajet tahunan sejak tahun 2008 yang berjumlah RM578 juta dari tahun 2008 hingga 2015, iaitu lebih daripada jumlah RM373 juta yang dikumpulkan selama 50 tahun dari 1957 hingga 2007. Rizab tunai pula meningkat lebih daripada RM1 billion kepada RM1.8 billion, dan hutang negeri telah dikurangkan dengan begitu mengagumkan sebanyak 90%.

Jelas sembilan (9) tahun pentadbiran Pakatan Harapan telah memperlihatkan prestasi yang cemerlang berbanding 50 tahun terdahulu sebelum 2008. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri di atas usaha proaktif Kerajaan Negeri melalui pengumuman dan pelancaran Program Pasca Banjir iaitu "Pulau Pinang Bangkit" yang akan menelan belanja berjumlah RM100 juta sebagai sumbangan wang ehsan sebanyak RM500.00 secara *one-off* kepada setiap isi rumah bagi meringankan beban mangsa bencana banjir yang berlaku pada 4 November 2017 yang lalu. Ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri yang sentiasa peka dan menjaga kebajikan rakyat marhaen dengan menyantuni dan menyusuri keperitan dan kesedihan mangsa-mangsa banjir. Tidak lupa saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pengerusi, Setiausaha dan seluruh Ahli-ahli JKKK yang bertungkus-lumus membantu serta mengenalpasti rumah, kawasan dalam kawasan mereka untuk mendapat data yang lengkap tentang kemusnahan rumah-rumah mereka.

JAWATANKUASA MMK PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA.

Sejak tahun 2015 sehingga separuh tahun pertama 2017, Pulau Pinang berjaya menarik sebanyak RM13.8 billion dalam bentuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang diluluskan, iaitu kedua tertinggi di negara selepas Johor. Pemulihan industri pembuatan ini dicerminkan dalam hakikat bahawa Pulau Pinang telah sekali lagi muncul sebagai juara pelaburan di Malaysia. Meskipun jumlah pelaburan yang diluluskan bagi negara telah berkurangan 28.2% bagi separuh tahun pertama 2017 daripada RM88.4 bilion pada tahun 2016 kepada RM65.4 bilion tetapi Pulau Pinang telah menongkah arus apabila jumlah pelaburan yang diluluskan telah meningkat daripada RM2.67 bilion pada tahun 2016 kepada RM7.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 188% dalam tempoh enam (6) bulan pertama 2017 ini. Peningkatan ini boleh memberikan peluang penambahan peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.

Mengenai gesaan daripada YB. Pulau Betong supaya Kerajaan Negeri membina lebih banyak premis-premis untuk menempatkan usahawan-usahawan kecil yang membuka kilang makanan di SME, suka saya jelaskan bahawa Pusat Industri Kecil dan Sederhana Pulau Pinang iaitu SME *Center* di Bayan Lepas adalah dalam zon pembuatan teknologi dan kurang sesuai bagi pembuatan makanan. Pada masa ini Industri Kecil dan Sederhana IKS dalam bidang pembuatan makanan boleh ditempatkan di zon makanan baharu di Penang Science Park dan North Penang Science Park. Bagi menyokong usahawan kecil yang ingin membuka kilang makanan, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menyediakan Zon Makanan yang merangkumi 98 ekar tanah di North Penang Science Park. Kerajaan Negeri akan terus membina tempat-tempat untuk pembuatan makanan mengikut keperluan IKS dan permintaan pasaran. Untuk makluman YB. Pulau Betong, YB. Machang Bubuk dan YB. Batu Uban juga, Penang SME *Centre* dibina untuk menempatkan syarikat-syarikat *start up* yang terlibat dalam aktiviti perniagaan seperti *design* dan juga *development, prototyping, testing, research design and manufacturing*. Dalam perbahasan sebelum ini, YB. Pulau Betong mencadangkan supaya sebahagian daripada SME *Centre* itu dibuat industri pemakanan, tapi kurang sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi lebih sesuai berada di kawasan Batu Kawan. Mengenai persoalan YB. Pulau Betong juga yang bertanya bilakah SME *Centre* dibina. Suka saya maklumkan bahawa SME *Centre* dibina dan mula beroperasi pada tahun 1 Jun 2012 yang lalu. Kontrak penyewaan pertama bermula pada 1 Oktober 2012.

Seterusnya berkaitan soalan daripada YB. Pulau Tikus mengenai usaha Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan yang muda melalui syarikat multinasional yang keluar untuk membina syarikat IKS mereka sendiri untuk meningkatkan perniagaan masing-masing ke tahap seterusnya dengan ungkapan *go up to the next level*, sukacitanya saya jelaskan bahawa Kerajaan Negeri melalui Invest Penang membantu usahawan dan perniagaan Small Medium Enterprises (SMES) melalui pendekatan-pendekatan seperti yang pertamanya di Pusat S.M.A.R.T iaitu (*Smart Market Advisory Resource & Training*) iaitu S.M.A.R.T Centre yang telah ditubuh dengan titik hubungan kepada usahawan dan perniagaan SME untuk mendapat khidmat dan nasihat maklumat perniagaan terkini seperti program insentif kerajaan, dan inisiatif seperti penyenaian direktori atas talian (*online directory listing*) menganjurkan bengkel pembangunan keupayaan (*capability building workshop*) dan sesi pepadanan perniagaan terutamanya dengan syarikat multinasional, ini pun telah dimaklumkan beberapa kali dalam perbincangan SMART Centre adalah tempat yang boleh dirujuk kepada usahawan-usahawan muda yang mereka ingin membina perniagaan mereka sendiri.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang Berhormat sebenarnya cadangan saya semasa perbahasan dan juga soalan lisan adalah agar kita tidak tertumpu sahaja kepada mereka yang keluar dalam, daripada MNC dan ingin membekalkan kepada MNC dan kita bukan tertumpu kepada mereka yang ingin dalam sektor teknologi sahaja. Ada lagi arkitek, mereka bentuk, fesyen, *interior design* dan sebagainya yang juga kita perlu galakan dan memberi ruang kepada mereka. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih di atas maklum balas daripada YB. Pulau Tikus. Malah selain daripada SME, selain daripada SMART Centre ini, yang keduanya adalah Pusat SME Centre yang telah dibangunkan di kawasan Bayan Lepas melalui PDC. Ini juga boleh digunapakai oleh usahawan-usahawan Yang Berhormat sebutkan tadi. Pendekatan ketiga untuk menempatkan IKS secara berkelompok dengan pembinaan Perkampungan-Perkampungan IKS di kawasan Perindustrian Batu Kawan Bukit Minyak serta Penang Science North-Park yang saya sebutkan tadi. Bermatlamatkan untuk mewujudkan rangkaian bekalan yang kukuh dan lengkap dengan membantu pembentukan hubungan kerjasama di antara IKS dan syarikat-syarikat multinasional dan juga (*networking*) di kalangan usahawan-usahawan yang saya nyatakan tadi. Dan satu lagi ialah pendekatan yang keempat iaitu *accelerator for creative, analytics* dan *technology* ini di George Town sendiri iaitu di Wisma Yeap Chor Ee yang ditubuhkan pada Oktober 2015 untuk memberikan fokus memajukan *start up* dengan memberikan fokus di dalam bidang *internet of things* dan juga *software*. CAT Centre ini bertujuan untuk *accelerate* ataupun untuk memajukan lagi idea kepada tahap pengkomersialan, memberikan perkhidmatan, *mentoring* dan menghubungkan *start-up* dengan peluang untuk mendapatkan dana. Program ini amat amat *popular*, terkenal dengan usahawan muda termasuk kakitangan, bekas kakitangan syarikat multinasional yang berhasrat untuk menjadikan usahawan dalam sektor teknologi. Dan saya dapati juga banyak juga yang datang bukan sahaja daripada sekitar Pulau Pinang malah daripada kawasan-kawasan industri daripada *Kulim High-Tech* juga mereka datang beramai-ramai untuk mereka belajar dan mendapat pengetahuan daripada Pusat CAT ini.

Saya ingin memberikan maklum balas berkaitan soalan yang dibangkitkan oleh YB. Batu Uban mengenai dengan *Boston Scientific Medical Devices* merupakan syarikat besar syarikat multinasional dan bukan industri kecil IKS berdasarkan maklum balas yang saya terima daripada pihak Invest Penang, syarikat *Boston Scientific they are renting...* (dengan izin) menyewa ruang pejabat berkeluasan 9,000 kaki persegi di Penang SME Centre hanya untuk sementara waktu memandangkan kilang mereka di Batu Kawan masih belum siap dibina. Syarikat Boston Scientific dijadualkan akan berpindah keluar daripada SME Centre pada bulan Januari tahun hadapan apabila kilang mereka di Batu Kawan telah siap untuk dibina.

Mengenai dengan latar belakang satu syarikat FCA Services yang merupakan anak syarikat Malaysia Automotive Lighting Sdn. Bhd. yang beroperasi di Taman Perindustrian Batu Kawan, syarikat ini telah menubuhkan pusat perkhidmatan perkongsian SSO bagi aktiviti perakaunan dan kewangan yang menyediakan sokongan perkhidmatan untuk rantau Asia terutamanya Negara China. Pusat SME telah ditawarkan berikutan permintaan syarikat ini terhadap ruang pejabat yang besar iaitu seluas 12,000 kaki persegi di kawasan Penang Cybercity. Bangunan-bangunan lain seperti yang ada termasuk *PDC Techno Centre, One Precinct, The One, Suntech*, tidak mempunyai ruang pejabat seluas yang dikehendaki, ini untuk SSO kemudian di Mayang Mall belum siap, di juga SSO di Bayan Lepas juga belum siap, maka ruang ini diberikan untuk syarikat ini. Oleh kerana tempoh bagi memulakan operasi telah ditetapkan oleh syarikat tersebut pada bulan Julai yang lepas, jadi mereka memerlukan tempat maka kita tempatkan mereka di Pusat SME ini.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan, *sorry*.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bercakap tentang Bayan Mall, dulunya perancangan adalah untuk menempatkan PDC buat sementara di Bayan Mall kerana PDC telah pun dijual kepada Syarikat Temasek, Singapura, bolehkah kita tahu apakah perkembangan sedang tapak PDC sebab sekarang Bayan Mall telah ada perancangan yang tersendiri. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Memang, terima kasih pada YB. Telok Ayer Tawar, buat masa kini Mayang Mall tersebut telah pun dibuat keputusan untuk menambahkan ruang untuk SSO dan PDC masih kekal lagi dengan di tempat yang sedia ada sehingga perancangan masa depan yang akan dilakukan. Setakat ini Mayang Mall yang dikatakan itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Apa jadi dengan perjanjian Temasek itu dulu?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Setakat waktu ini kita belum buat keputusan lagi untuk menamatkan perjanjian dengan Temasek Holding. So, PDC masih lagi berada di situ dan Mayang Mall diputuskan untuk menambahkan ruang untuk SSO. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan saya.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Sila YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya ada tanya berkenaan dengan subsidi, dua-dua ini memang *multinational, basically multinational so is there any subsidy being given*, adakah satu subsidi diberi untuk dua-dua pihak?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Kerajaan Negeri tidak memberikan apa-apa subsidi kecuali *rate* kepada penyewaan tersebut adalah sama seperti yang telah kita berikan beberapa pengurangan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Itu bukan subsidi?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Itu kerana mereka berada dalam tempat yang telah diberikan keseluruhannya maka kita gunakan formula yang sama untuk memberikan subsidi tersebut. Saya teruskan. Seterusnya mengenai pencapaian *Broadcom* yang merupakan salah satu multinasional yang Pulau Pinang juga merasa bangga kerana di atas pelaburan mereka yang tinggi yang memberikan peluang yang besar untuk pelaburan yang sangat tinggi oleh syarikat ini dan Pengerusi Hock E. Tan merupakan anak Pulau Pinang. *Broadcom* adalah sebuah syarikat semikonduktor terkemuka dunia yang merekabentuk, membangun dan membekalkan pelbagai penyelesaian *analog and digital semiconductor connectivity solutions*, infrastruktur berwayar, komunikasi tanpa wayar dan *enterprise storage and industrial* dan lain-lain. Aplikasi produk syarikat di pasaran akhir termasuk rangkaian pusat data ataupun data center *home connectivity*, akses jalur lebar, peralatan telekomunikasi, telefon pintar dan stesen pangkalan, pelayan pusat data dan penyimpanan, automasi kilang dan lain-lain lagi. *Broadcom* mempunyai lebih daripada 1,000 orang pekerja di Pulau Pinang dan 90% daripadanya adalah merupakan graduan universiti. Saya menyebutkan ini kerana sebahagian besar daripada yang telah saya nyatakan tadi bahawa 7.7 bilion pelaburan majoritinya adalah daripada syarikat ini.

Pencapaian broadcom menduduki tangga kelima di dalam senarai 10 vendor semikonduktor yang mencatatkan jualan tertinggi di seluruh dunia pada tahun 2016 seperti yang dilaporkan. Ia juga menduduki tangga ke-18 juara pertumbuhan dan yang ke-29 pengeluar multinasional yang teratas pada tahun 2017 seperti yang dilaporkan. Dan syarikat ini merupakan syarikat dalam *Fortune 500* iaitu yang menduduki tangga ke 331 syarikat terkemuka di seluruh dunia laporan pada 2016.

Broadcom Limited telah membuka gudang pengedaran global yang baru bernilai RM59 juta di Batu Kawan pada 19 September 2017. Lebih 300 peluang pekerjaan langsung tambahan telah diwujudkan di Pulau Pinang dan sebanyak 4 bilion unit cip akan dihantar pada setiap tahun. Eksport Broadcom di Malaysia untuk 2018 dijangka mencecah RM65 bilion, menjadikan ia sebagai pengeksport terbesar dalam negara ini. Broadcom merancang untuk melabur RM4.1 bilion bagi mengembangkan operasi dalam tempoh 10 tahun akan datang bagi tujuan operasi rangkaian keseluruhan yang berpangkalan di Malaysia untuk perancangan pengeluaran global, pengurusan kualiti, pemerolehan strategi dan pengurusan logistik...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ya, Sila.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita gembira kerana Broadcom dapat masuk ke Pulau Pinang dan membawa masuk begitu banyak sekali pelaburan. Apakah peluang yang ada untuk syarikat-syarikat di Pulau Pinang selain daripada mereka menggunakan banyak tenaga kerja, tenaga mahir daripada rakyat Pulau Pinang. Soalan saya tadi, apakah prospek atau peluang untuk limpahan, bawahan ke atas syarikat-syarikat tempatan dan penduduk tempatan hasil daripada, mungkin ada *outsourcing* ataupun *downline* aktiviti yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat Pulau Pinang semasa dan selepas Broadcom ini sudah keluar dari Pulau Pinang.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih pertanyaan tambahan dari YB. Telok Air Tawar. Apabila kita sebut Broadcom akan membuat pelaburan yang begitu tinggi sepertinya dalam operasi mereka, mereka akan memerlukan prasarana-prasana yang lain untuk *production* mereka syarikat-syarikat yang sedia ada yang lebih kecil daripada mereka dalam kaitan semikonduktor pastinya akan mendapat peluang untuk mereka menambahkan kemajuan dalam syarikat ini. Bukan itu saja malah SME, SMI juga, Broadcom membolehkan mereka buat *outsource* kepada syarikat-syarikat ini. Jadi dalam ruang lingkup...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kemungkinan kita boleh *control* sikit atau menggalakkan mereka untuk seperti mana yang YB. Pantai Jerejak sebut dan tidak membuat tempahan barang-barang keperluan daripada Negeri China dan sebagainya supaya ia menggunakan produk-produk tempatan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Itu cadangan yang baik. Bila sebut Negeri China mungkin sebahagian daripadanya produk memerlukan barangan daripada China tetapi oleh kerana dia *American Base Company* jadi oleh kerana industri merupakan industri yang telah berkembang semikonduktor memang telah ada di Malaysia jadi keseimbangan tersebut akan kita pastikan bahawa mereka akan mendapat sokongan daripada syarikat-syarikat yang lain khususnya yang bukan daripada Negeri China...(gangguan).

Satu lagi maklumat ialah bahawa syarikat ini dalam perancangan mereka, mereka akan membeli syarikat yang satu lagi iaitu Qualcomm, Qualcomm dengan harga USD105 bilion maknanya ini dalam ruang lingkup industri ini. Jadi mereka memerlukan teknologi yang hanya boleh di *supply* oleh Qualcomm jadi ini menunjukkan satu industri yang di antara seluruh dunia ia berada di dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Masalah berkenaan dengan sektor elektronik, masalah yang besar, satu berkenaan dengan pekerja, saya ada tanya soalan ini dalam erti kata terdedah kepada pencemaran bahan kimia yang berbahaya seperti sinar x-ray dan ergonomik. Itu jawab tidak berapa puas hati. Lagi satu, berkenaan dengan pencemaran alam sekitar. Kita ada di Silicon Valley, San Jose, America masalah yang besar ialah daripada sektor elektronik. Apakah langkah-langkah kita Negeri Pulau Pinang ambil untuk kawal masalah ini?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Batu Uban. Mengenai dengan pencemaran seperti contohnya sinaran x-ray dan sebagainya. Ini merupakan standard dan juga bahan kimia ini merupakan satu kepastian yang sebelum mereka *startup* kilang mereka, mereka harus mematuhi peruntukan-peruntukan *Environmental Quality Act 1974* daripada Jabatan Alam Sekitar sendiri. Jadi, dengan mengikuti peraturan ini mereka tidak boleh membuat pencemaran-pencemaran. Kalau mereka tidak lulus Jabatan Alam Sekitar tidak akan meluluskan syarikat mereka. Oleh kerana syarikat E&E ini *electrical electronic* mereka pencemaran memang setakat ini memang cukup terkawal jika dibanding syarikat-syarikat yang berasaskan bahan kimia hanya sebahagian kecil sahaja sebenarnya penggunaan mereka dalam x-ray. Boleh?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Saya tidak jelas. Kenapa ini statistik apa yang diberi oleh YB. Pantai Jerejak. Saya tidak setuju.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Apa yang telah saya sebutkan tadi bahawa dalam pembinaan mana-mana syarikat khususnya syarikat E&E mereka harus menepati daripada Jabatan Alam Sekitar yang memastikan bahawa kilang mereka kena lulus dapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar. Ia tidak seperti pembinaan yang perlu kepada pencemaran seperti tanah, bangunan tidak perlu ini semua telah ada *Standard Operating Procedure* yang kena memerlukan daripada Jabatan Alam Sekitar. Saya teruskan.

Berkenaan dengan syor yang dibagikan oleh YB. ADUN Sungai Pinang agar Kerajaan Negeri mengurangkan pemindahan kilang pembuatan ke Negara China akibat krisis kewangan dan kos perbandingan, ingin saya menyatakan bahawa dalam situasi ekonomi global yang semakin mencabar, syarikat-syarikat membuat keputusan keluar berdasarkan pelbagai faktor dan bukan hanya kerana krisis kewangan dan perbandingan kos semata-mata. Malah, kos menjalankan perniagaan di China juga semakin meningkat. Bagi Negeri Pulau Pinang, adalah penting bagi Pulau Pinang untuk terus memperkasa kekuatan teras negeri ini untuk terus kekal sebagai destinasi pilihan pelabur.

Sumber manusia dan juga bakat (*skill*) bagi memenuhi keperluan tenaga dan kemahiran, infrastruktur yang baik, kos menjalankan perniagaan (*cost of doing business*), kesenangan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) dan satu banda raya antarabangsa pintar adalah kekuatan utama Pulau Pinang bagi sesebuah destinasi pilihan pelabur. Jadi bagi para pelabur, faktor-faktor ini dinilai secara keseluruhannya.

Yang Berhormat menyatakan tentang pemilihan pembuatan ke Negeri China kebelakangan ini memang kurang yang pergi ke Negeri China malah pelaburan yang kita tahu setakat syarikat yang besar JA Solar yang berkaitan dengan *solar base* ini syarikat ini besar yang ada di negeri ini. Jadi pemindahan secara besar ke Negeri China tidak berlaku mutakhir ini.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Pantai Jerejak. seperti mana yang kita semua tahu Presiden Donald Trump Amerika telah meletakkan dasar '*American First*' dan beliau telah memanggil balik beberapa pelabur-pelabur Amerika yang membuat pelaburan besar terutama sekali di Negeri China dan sebagainya untuk balik dan menempatkan syarikat-syarikat ataupun pelan kilang-kilang mereka di Amerika untuk menggunakan ataupun menambahkan guna tenaga tempatan. Soalan saya di sini adalah, adakah syarikat-syarikat Amerika yang telah pun membuat keputusan selari dengan dasar baru ini dan sama ada kita sekarang ada sedikit sebanyak ancaman bila disebut tentang Broadcom tadi begitu banyak sekali tenaga kerja yang digunakan ini pun menjadi satu ancaman pada kita takut mereka akan dipanggil balik untuk memulakan pelan janji mereka.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Telok Air Tawar. Apabila dinyatakan Presiden Donald Trump mengenai dengan pendekatan mereka untuk memanggil syarikat pulang ke Amerika yang berkaitan dengan Broadcom ini, Hock E-Tan ini sebenarnya telah berdiri bersama-sama Donald Trump, dia merupakan CEO kepada Broadcom dan saya tidak nampak akan terjejas ancaman secara langsung daripada Amerika. Maknanya (dengan izin) *he knows Donald Trump* sama-sama dengan Hock E.Tan video tersebut memang tersebar bagaimana Hock E.Tan sendiri telah berada di rostrum sama-sama dengan Donald Trump dan kita mengharapkan bahawa tidak ada terjejas dengan polisi Donald Trump tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat kena tambah juga sebab Presiden Donald Trump pun baik dengan Perdana Menteri Malaysia jadi antara satu sebab. Yang kedua Yang Berhormat berapa banyakkah pelaburan China di Pulau Pinang yang mutakhir ini? Yang kedua, pelaburan China di sini pun masih banyak lagi bukannya itu salah satu perkara yang kita cuba juga hendak jual Negeri Pulau Pinang kepada China? Setujukah dengan *statement* pelabur masuk adalah kriteria menjual negeri? Yang Berhormat setuju dengan Penasihat Parti Yang Berhormat?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Pulau Betong. Minta maaf, Telok Bahang. Pelaburan seperti mana yang saya telah sebutkan tadi bahawa tidak ada pelaburan yang besar selain daripada dalam rekod kami iaitu ada dua (2) syarikat besar iaitu JinkoSolar dan JASolar. Negeri China bukan di antara pelabur yang tertinggi untuk Pulau Pinang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penjelasan Yang Berhormat.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ya, Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Penjelasan, Yang Berhormat terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak saya maklum bahawa walaupun saya bukan ahli perniagaan, saya maklum bahawa kita tidak menjual Negeri Pulau Pinang ke China seperti yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, soalan saya, kalau YB. Telok Ayer Tawar nak berbahas boleh bahas jangsan duduk dan buat komen....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Teruskan jangan tak payah dok kenen-kenen ke mana-mana.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan saya kepada YB. Pantai Jerejak, apakah pengaruh Perdana Menteri yang begitu besar selepas berjumpa dengan Donald Trump yang telah berjaya membawa pelaburan yang begitu besar ke Malaysia secara amnya dan ke Pulau Pinang. Adakah apa-apa perubahan mendadak yang melimpah, berbilion-bilion ringgit ada apa-apa pelaburan baru daripada syarikat-syarikat di Amerika Syarikat atau Donald Trump sendiri ke Pulau Pinang dan Malaysia, selepas perjumpaan Perdana Menteri yang begitu diberikan publisiti baru-baru ini, Yang Berhormat. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Seri Delima. Yang kita dimaklumkan Perdana Menteri membawa, mengumumkan untuk membantu ekonomi Amerika Syarikat itu ada. Yang...(gangguan). Perdana Menteri kita telah menjanji untuk membantu menaikkan ekonomi syarikat tapi yang ada pada Pulau Pinang....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Adakah YB. Pantai Jerejak menafikan bahawa Broadcom yang datang membawa pelaburan begitu besar adalah juga hasil daripada usaha daripada Kerajaan Pusat, usaha daripada Perdana Menteri ya....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya teruskan, baik saya teruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Adakah YB. nak bagitau peranan Persekutuan tak perlu di Negeri Pulau Pinang....(gangguan). Habis, cakap baik-baik Yang Berhormat...(gangguan). Cakap betul-betul kena jadi manusia yang tau berterima kasih ini macam tak ada sikap berterima kasih langsung ini....(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya akan masuk soalan daripada....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Mohon laluan, YB. Pantai Jerejak.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ya sila.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Boleh tak saya cadangkan YB. Pantai Jerejak, sebenarnya jawapan yang selayaknya kalau kita di Kerajaan Pusat lebih banyak pelaburan yang akan masuk berbanding dengan mereka di Kerajaan Pusat, setujukah Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Amerika yang buat masuk Ketua Menteri pun kata....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bukan spekulasi.....(gangguan). Kita buktikan dah di negeri, kita dah buktikan di Negeri Pulau Pinang dan juga di Selangor. *We are the highest*. Kita dapat FDI yang tinggi....(gangguan). Kita dah buktikan....(gangguan). *We are better than Barisan Nasional, we better then....(gangguan)*.

(Gangguan audio, mikrophone dipadamkan oleh YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sila duduk....(gangguan). Sila duduk....(gangguan). YB. Teluk Bahang, YB. Seri Delima sila duduk, YB. Teluk Bahang. Duduk lah, dua-dua. YB. Seri Delima serupa juga....(gangguan). Duduk, sila teruskan YB. Pulau Jerejak.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya nak teruskan soalan daripada pertanyaan daripada YB. Sungai Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Pantai Jerejak belum jawab lagi soalan YB. Sungai Pinang, minta penjelasan....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk dulu, duduk.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Agar Kerajaan Negeri pertanyaan memberi insentif untuk membina pelabur-pelabur yang melabur di Pulau Pinang. Bila sebut insentif ini sukacita dimaklumkan bahawa insentif-insentif secara keseluruhannya adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Jadi ini saya sebut peranan Kerajaan Pusat melalui MITI, MIDA, MATRADE. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Invest Penang menjadi pemudah cara, *facilitate*... (dengan izin) keperluan para pelabur di Negeri Pulau Pinang bagi memastikan proses menjalankan perniagaan di Negeri Pulau Pinang berjalan dengan lancar. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menyediakan tanah perindustrian dan taman bisnes dengan kadar yang kompetitif supaya pelaburan-pelaburan baru dan pelaburan semula di Negeri Pulau Pinang dapat menyediakan peluang pekerjaan bagi rakyat dan menyumbang kepada peningkatan

ekosistem perniagaan di negeri ini. Pulau Pinang juga melalui contohnya bekalan air, PBA menyediakan kemudahan air yang baik dan tarif air di Pulau Pinang adalah antara terendah di Malaysia. Jadi soalan apakah insentifnya Kerajaan Negeri memberikan insentif yang telah saya nyatakan tadi.

YB. ADUN Sungai Dua ada membangkitkan isu apakah isu Kerajaan Negeri dalam menghadapi cabaran revolusi industri 4.0. Tadi YB. Perai juga telah memberikan rumusannya untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani Industri 4.0 yang juga dikenali di beberapa negara lain sebagai pembuatan pintar (*smart manufacturing*) merupakan kaedah pembuatan yang mengaplikasikan asas-asas teknologi yang akan meningkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah syarikat. Kerajaan Negeri telah memaklumkan inisiatif-inisiatif yang disebutkan oleh YAB. Ketua Menteri dalam Bajet 2018, telah melaporkan peruntukan sebanyak RM62 juta di Pulau Pinang dalam pelbagai agensi yang disebut antaranya adalah Program STEM termasuk Pusat Pembelajaran Karpal Singh, Penang Tech Dome, Perpustakaan Digital Pulau Pinang, Kafe Sains, Pesta Sains Antarabangsa dan penambahan RM2 juta untuk kelas pengekodan dan pembinaan Perpustakaan Digital dan sebanyak RM10.8 juta membawa jumlah pelaburan keseluruhannya RM75 juta. Dengan jumlah yang sebesar ini, untuk memberikan bahawa Industri 4.0 dapat bertapak dengan lebih baik dan semua rakyat dapat mememanfaatkannya. Dan Kerajaan Negeri menyediakan ini akan dijangka 118,000 pelajar akan menikmati manfaat ini merupakan persiapan awal agar anak-anak dan juga para pelajar di Pulau Pinang akan bersedia menghadapi Industri 4.0.

Mengenai bagaimana kerajaan menghadapi....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon penjelasan. Ada tak data menunjukkan kanak-kanak di kawasan kampung, berapakah atau berapa ramai, berapa peratusan yang mendapat manfaat daripada STEM Centre di Bangunan Karpal Singh dan lain-lain? Soalan kedua, apabila dewan serbaguna Penang Science Cafe di Taman Guar Perahu siap nanti, berapakah peruntukan yang akan diberi untuk kos operasi *you know* dan juga untuk seperti yang diberikan kepada Penang Science Cafe di Pulau.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih di atas pertanyaan YB. Penanti tentang jumlah berapa ramai anak-anak atau para pelajar. Saya tidak ada data yang tepat tapi daripada pendaftaran-pendaftaran contohnya di setiap kali program-program STEM ini dibuat di lokasi-lokasi yang saya sebutkan tadi, kita boleh kumpulkan mereka dan saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada institusi-institusi pendidikan supaya menghantar anak-anak mereka ke tempat ini. Jadi *figure* tersebut mungkin kita boleh dapatkan kemudian dan keduanya tentang berapa jumlah yang perlu dilaporkan di Pusat Cafe di Penanti, itu pun saya tidak ada *figure* tetapi saya pasti ini merupakan tambahan bagaimana kita hendak menambahkan lagi khususnya pusat-pusat seperti ini di kawasan-kawasan kampung khususnya di kawasan Penanti... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya tanya sebab dulu kita start buat pada 2013, memang Penang Science Cafe di Krystal Point datang bersama dengan pelajar-pelajar UNIMAP di Perlis tapi dia ada kosnya, kos untuk dia punya peralatan-peralatan *and so far*. Jadinya apabila Science Cafe nanti siap di Taman Guar Perahu, saya kerisauan saya itu ialah *for example* katalah kita nak ajar *coding so coding* kita kena beli strawberi punya *you know* strawberi punya kit, kalau, kita nak ajar *robotic* kita kena ada the lego punya sistem itu semua kos dan *even* kalau kita guna sistem-sistem lain yang digunakan di Penang Science Cafe sekarang *for example 3D printer, 3D printer* pun satu-satu *3D printer* paling murah RM3,000 lebih RM7,000 lebih.... (gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tu la. Maksudnya kita boleh bina bangunan tetapi untuk supaya dia tak jadi gajah putih dan memang digunakan untuk latihan STEM untuk kawasan kampung sebab Penanti ada 30 kampung. *So then* budak-budak boleh pergi ke situ tapi saya kerisauan saya tu lah seperti yang latihan yang saya buat akademi klinik....(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Kejap, kejap biar YB. Pantai Jerejak bagi ulasan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Penanti. Perancangan boleh dibuat selepas ini bagi memastikan persiapan untuk Science Cafe di sana itu dapat dirancang dengan baik. Satu makluman ingin saya nyatakan program dual vokasional latihan yang telah dipopularkan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PSDC. PSDC telah memperkenalkan dan menjenamakan ia kepada Malaysian My STEM Program menggantikan Program German Dual Vocasional Training bersama dengan Malaysian German of Commerce Industry. Program ini merupakan satu program peningkatan kemahiran membekalkan on the job training di syarikat-syarikat yang terlibat seperti B Braun, Bosch dan Infrac Industry dan juga Osram. Sepertinya akan menarik minat ramai tenaga-tenaga tempatan bekerja sambil menambahkan pendidikan mereka.

JAWATANKUASA MMK PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN KOPERASI.

Saya ingin menyatakan bahawa ucapan yang YAB Ketua Menteri belanjawan marhaen baru-baru ini telah melancarkan, meneruskan, menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri keusahawanan dan kebajikan untuk merangsang ekonomi negeri. Negeri keusahawanan berkisar pada kerjasama antara pihak berkepentingan terutama dalam sektor ekonomi dan juga sosial serta perkongsian antara sektor awam, sektor swasta dan juga rakyat atau pun 3P yang disebutkan iaitu *Public*, *Private* dan juga *People*. Pulau Pinang telah berjaya dalam usaha memangkinkan pertumbuhan ekonomi dengan bantuan (CAT) Cekap, Akauntabiliti, Telus.

Jadi, saya akan menyatakan di sini tentang projek PTSR iaitu Projek Titian Saksama Rakyat merupakan projek kerjasama Kerajaan Negeri dalam usaha mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah yang tidak membebankan usahawan. Setakat Oktober 2017, 2741 usahawan telah meningkat daripada jumlah sebelum ini dan kami telah ada buat penambahbaikan iaitu ingin meningkatkan jumlah pinjaman kalau sebelum ini RM20,000 kita akan naikan kepada RM25,000 dan memanjangkan tempoh pinjaman ke 150 minggu. Kami juga dalam proses menjenamakan semula Program PTSR ke jenama Program SURIA yang membawa maksud "Mencerahkan Peluang Usahawan Untuk Memajukan Dan Membesarkan Lagi Perniagaan". Cuma dalam perbincangan kami, peratusan yang memanfaatkan sistem mikrokredit ini agak terlalu ramai yang meminjam itu daripada golongan kaum Melayu lebih kurang 80% lebih, India 8% dan kaum Cina agak tidak ramai yang meminjam. Jadi saya akan kami akan berusaha untuk meramaikan lagi peminjam-peminjam dari bangsa Cina.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan, sejak bencana banjir yang berlaku bila saya pergi ke semua merata tempat, ramai orang-orang kampung *maybe* ada *special funds* untuk mereka yang kehilangan, sebagai contoh Penanti 99% rumah kena banjir tapi 290 rumah ialah *total lost*. *Total lost* ini tak ada apa-apa di situ maksudnya kalau dulu dia berniaga ka apa ka mungkin mesin pajak padi ka semua itu *total lost*, tak boleh digunakan peralatan dia untuk cari punca pendapatan.

Jadi saya nak mohon sempena oleh bencana banjir ini kalau boleh PTSR fokus juga kepada satu *funds special* di mana sebagai contoh di Penanti 290 rumah yang *total lost* ini maknanya dia tak ada apa-apa bolehkah buat *special fund* menyenangkan mereka kita boleh bagi senarai nama, supaya mereka boleh mencari pendapatan balik, untuk diri mereka. Saya nak mohon itulah. Macam sebagai contohlah di Kampung Terus, di Mengkuang Mat Sulong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Dah faham. Dah faham.

YB. Timbalan Ketua Menteri I :

Terima kasih di atas pertanyaan YB. Penanti. Sumbangan Kerajaan Negeri mengenai dengan banjir ini, setakat ini memang untuk rumah-rumah kediaman, tidak kita menyebutkan untuk peniaga-peniaga kecil. Tapi walau bagaimanapun, nanti saya akan saya sebutkan mengenai dengan isu banjir ini. Saya akan buat rumusan secara menyeluruh....(gagguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Apa saya nak mohon, ialah supaya bukan dia orang ini nak dapat duit *free*. Dia boleh guna duit kalau PTSR, mereka ini mengguna peralatan. *You know* bila dia meniaga, dia ada kedai-kedai dekat rumah dia ka apa benda, dia kerja-kerja kampung. Jadi, ataupun pesawah dia ada mesin-mesin. Sekurang-kurangnya dia boleh guna duit PTSR itu, untuk membangunkan diri dia dengan secepat mungkin, supaya dia boleh mencari pendapatan balik.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat, saya boleh bawa dalam perbincangan mengenai dengan permintaan daripada YB. Penanti ini, dalam mesyuarat saya kemudian. Berkaitan dengan MMK Perhubungan Masyarakat, pertanyaan daripada YB. Penanti saya telah rumuskan mengenai dengan peruntukan untuk menaikkan taraf di kawasan Mengkuang Titi, dan kawasan-kawasan yang telah disebutkan. Saya telah menyatakan bahawa projek yang dicadangkan untuk menaiktaraf padang bola Mengkuang Titi termasuk pembinaan dewan orang ramai, kerja-kerja berkaitan keseluruhan sedang diteliti, mengambil kira keutamaan projek diperlukan, dan didahulukan demi kepentingan masyarakat setempat di kawasan YB. Penanti.

Sepanjang saya mempengerusikan MMK Perhubungan Masyarakat 2017, telah berlaku beberapa perubahan dalam gerak kerja JKJK. Antaranya, penambahan elaun pada tahun lepas, tidak kali inilah. Elaun Pengerusi daripada RM650 kepada RM700. Elaun Setiausaha RM550 kepada RM600. Dan begitu juga elaun kepada AJK daripada RM40 kepada RM50 sebulan. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa peka dan akan kebajikan dan menghargai usaha keras JKJK dalam membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, menguruskan negeri ini dengan baik.

Saya amat yakin dan percaya, dengan kekuatan 300 JKJK di negeri Pulau Pinang dengan keahlian lebih daripada 4,000 orang, mampu melancarkan gerak kerja Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalas amanah dan harapan rakyat khususnya rakyat di negeri ini.

Peranan JKJK membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, memang tidak dapat dinafikan. Buktinya banjir besar yang berlaku baru-baru ini, telah menunjukkan kekuatan dan kesediaan JKJK di dalam menghadapi musibah dan bencana. Kesemua JKJK telah digerakkan untuk membantu rakyat Pulau Pinang ketika berlakunya banjir dan juga pasca banjir. Mana-mana JKJK yang mempunyai pusat pemindahan mangsa banjir telah dibuka serta merta, sebaik sahaja mendapat maklumat bekalan, berkaitan mangsa banjir yang berlaku yang perlu dipindahkan. Ahli JKJK yang bertungkus lumus membantu kerja-kerja mencari dan menyelamatkan bersama dengan agensi lain seperti (APM) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia, RELA, Polis Di-Raja Malaysia dan agensi-agensinya penyelamat yang lain.

Selain itu juga, penat lelah mereka tidak terhenti di situ sahaja. Selesai sahaja banjir, mereka bertungkus lumus pula membantu mangsa banjir membersihkan rumah masing-masing banjir yang telah dinaiki air. Jadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat menghargai penat dan lelah semua ahli-ahli JKJK yang telah memberikan sepenuh komitmen sepanjang berlakunya bencana besar ini. Bak kata pepatah, 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'. Kalau Kerajaan Negeri, kami nak melihat prestasi JKJK ini masukkanlah usaha membantu mangsa-mangsa begini, sebahagian daripada aktiviti-aktiviti yang besar yang semua JKJK telah dapat lakukan. Saya juga telah dimaklumkan oleh pihak FMM, Invest Penang dan PDC bahawa...(gangguan)

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan. Soalan JKJK tadi. JKJK saya suruh minta, sebab kerja-kerja membantu banjir ini, memang kerja-kerja yang berat. *Especially*, bukan setakat yang banjir sahaja, sebelum-sebelum ini pun. Sebab kawasan kampung tidak ada pembersihan awam, dan kebanyakannya dibantu oleh gotong royong perlu dibuat oleh JKJK. Jadi dia orang mohon, kalau boleh dapat SOCSO untuk JKJK.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya dengar, Dewan boleh mendengar cadangan ini. Boleh diunjurkan mungkin dalam belanjawan yang akan datang. Saya juga telah dimaklumkan oleh pihak FMM, Invest Penang dan PDC bahawa bencana banjir kali ini bagaimana keterlibatan SME ataupun *factories*. Dan saya juga dapat pertanyaan mengenai, *how much is the damaged* dan untuk selain daripada kawasan rumah-rumah dan juga taman-taman serta kampung. Saya mendapat maklumat seperti berikut daripada MIDA, sebanyak 68 syarikat sebenarnya telah mengalami kesan daripada banjir ini. Dan jumlah yang dapat dikumpulkan setakat ini RM7.31 juta kerugian-kerugian bagi pihak industri.

Walaupun banjir yang baru-baru ini pada Sabtu dan Ahad, walaupun kebanyakan industri tidak bekerja, tetapi bila tiba hari waktu bekerja, Isnin, Selasa, Rabu kebanyakannya pekerja-pekerja ataupun kakitangan yang tidak dapat turun untuk tidak dapat hadir ke kawasan kilang. Jadi, itulah ketidakhadiran pekerja yang menyebabkan antara kerugian-kerugian terbesar.

Jadi, antara kawasan-kawasan yang terkesan dengan banjir seperti di Perai, Mak Mandin, Seberang Jaya, Butterworth, Bukit Minyak, Bukit Tengah dan juga Bukit Mertajam. Saya tidak bercadang untuk menyebut syarikat ini atas *confidentiality*, tetapi mereka dapat, berjaya juga mengaturkan dengan bantuan-bantuan seperti daripada SME Corp. daripada *banking institution*, untuk mereka menyelesaikan masalah-masalah mereka. Contoh dia menggunakan peluang *refurbishment of premises due to disaster* contohnya. Ini, mereka bijak untuk mengaturkan bagaimana mereka mengatasi banjir ini.

Sebelum saya akhiri penggulungan saya, satu perkara lagi yang ingin saya nyatakan bahawa dalam tugas sebagai Perhubungan Masyarakat ini, saya juga telah berusaha untuk memastikan bahawa JKKK dilantik khususnya pengerusi untuk menjadi pendaftar kepada pemilih SPR. Dan di bawah MMK Perhubungan Masyarakat, Suruhanjaya Pilihan Raya telah melantik seramai 286 orang Penolong Pendaftar Pemilih yang berperanan membantu pihak SPR untuk mendaftarkan pengundi baru. Dengan pelantikan tersebut, dapat dilihat bahawa berlaku kenaikan jumlah pengundi baru yang telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih. Kesemua Penolong Pendaftar Pemilih ini dilantik di kalangan Pengerusi dan Setiausaha JKKK masing-masing.

Oleh yang demikian, saya suka merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Penolong Pendaftar Pemilih yang telah membantu rakyat Pulau Pinang untuk menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang warganegara Malaysia bagi menghadapi Pilihanraya Umum Yang Ke-14 yang akan datang.

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada YB. Setiausaha Kerajaan dan juga pegawai-pegawai Kewangan Negeri yang banyak membantu menjayakan Dasar-Dasar Kerajaan Negeri. Tidak lupa juga kepada semua penjawat-penjawat awam daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, semua jabatan Kerajaan Negeri yang banyak membantu seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Kewangan dan juga agensi-agensi Persekutuan, MITI, MIDA, MATRADE, Suruhanjaya Koperasi, Perhubungan ANGKASA Negeri Pulau Pinang, agensi Kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Invest Penang, PWDC serta Pihak Berkuasa Tempatan seperti MBPP dan MPSP, Persatuan Perniagaan Melayu, Cina, India, PERDASAMA, FMM dan Ahli-Ahli MMK, JKKK Persatuan Komuniti, media massa dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta banyak membantu dan memberikan kerjasama dalam saya menggalas amanah selaku yang sebagai Timbalan Ketua Menteri 1 dan ADUN Pantai Jerejak, selama satu penggal lima (5) tahun kerana ini merupakan Sidang DUN yang terakhir bagi penggal ini sebelum kita menghadapi Pilihanraya.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Waalaiikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Silakan Air Putih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk Agensi Jabatan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, NGO, JKKK, Agensi Swasta dan semua penduduk Pulau Pinang yang telah menghadapi bencana alam pada 4 dan 5 haribulan November 2017. Dan telah bertungkus lumus untuk menyelamatkan Pulau Pinang daripada bencana angin ribut kencang dan banjir terburuk dalam tempoh, dalam sejarah Pulau Pinang.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, bencana alam yang terjadi ini adalah di luar jangkaan. Di mana ia berpunca daripada tiga (3) elemen luar jangka. Pertama, hujan terlalu lebat setinggi 372 milimeter dicatat. Di mana air banjir naik sampai 10 kaki tinggi, di setengah tempat. Kalau kita bandingkan hujan yang biasanya turun dalam tempoh sebulan setengah, adalah 372 milimeter telah turun dalam masa 15 jam sahaja. Dan tentu dengan penurunan hujan lebat seperti ini, setengah, sebulan setengah hujan yang turun dalam masa 15 jam, apapun sistem Tebatan Banjir yang ada, tidak akan dapat menghalang banjir. Tapi, dapat tentunya mengurangkannya.

Ini saya rasa diakui umum, dan pun di sebelah sana pun tidak akan menafikan hakikat ini. Tambah lagi, air banjir besar yang turun dari Kedah yang menyebabkan air naik tiga (3) kaki, sungguhpun tidak ada hujan di kawasan Seberang Perai untuk empat (4) hari, selepas 4 haribulan dan 5 haribulan November. Sehingga mereka yang terpaksa pergi ke pusat pemindahan, adalah lebih ramai daripada yang dilandai banjir ataupun angin ribut kencang pada 4 dan 5 haribulan November. Ketiga ialah, pada masa yang sama telah berlaku angin kencang yang tidak pernah dilihat di Malaysia. Sampai 40 batu sejam, sehingga feri boleh ditolak ke atas darat, atas jeti konkrit. Dan kesannya pun telah memburukkan tanah runtuh. Kerana apabila hujan ini, kita dipukul dengan hujan dengan kelajuan 40 batu sejam. Kita boleh membayangkan impak besarnya, dan impak besarnya dirasai di kawasan Bukit Bendera, di mana sungguhpun tidak ada pembangunan, tanah runtuh kerana kuasa yang begitu kuat apabila hujan dan banjir, dan hujan dan angin kuat dengan sekaligus menyebabkan tanah runtuh ini, menjadi berleluasa di seluruh negeri pada masa itu.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, bencana alam ini adalah satu hakikat yang kita terpaksa hadapi. Dan saya ingin menekankan di sini bahawa, sungguhpun ini adalah bencana alam yang paling teruk dalam sejarah Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri, tidak akan elak. Kerajaan Negeri, tidak akan sembunyi. Kerajaan Negeri, tidak akan hilang. Dan Kerajaan Negeri, tidak akan lari. Kita akan berdepan menghadapinya. Sejak bencana alam bermula pada 4 haribulan November 2017, kepimpinan negeri barisannya sentiasa berada bersama mangsa banjir dan rakyat sepanjang masa.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, baik daripada agensi Kerajaan Persekutuan dan (ATM) Angkatan Tentera Malaysia mahupun daripada Kerajaan Negeri yang telah pun membantu dan menyelamatkan mangsa banjir. Perlu saya sebutkan dua (2) Menteri Besar yang turun sendiri ke padang. Turun sendiri ke padang banjir, *ground zero* iaitu Y.A.B. Menteri Besar Perak, Dato' Seri Zambry Abdul Kadir dan Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Azmin Ali. Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Menteri Besar, yang turun ke padang dengan rombongannya dan dia sendiri membuat pembersihan.

Y.A.B. Dato' Seri Azmin Ali, Menteri Besar Selangor juga menyerahkan hampir RM1.5 juta kepada Kerajaan Negeri dan badan-badan pertubuhan di Pulau Pinang. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada rakyat, Parti DAP dan persatuan-persatuan di Pulau Pinang dan seluruh Malaysia yang telah memberikan derma untuk mangsa banjir di bawah Bantuan Banjir Pulau Pinang, hampir RM96 juta sekarang. Sekarang kita hanya tunggu berita baik daripada Y.A.B. Perdana Menteri yang masih belum mengumumkan bantuan kewangan secara langsung kepada mangsa banjir ataupun Projek Rancangan Tebatan Banjir sebanyak RM1 bilion untuk 13 buah projek yang dijanjikan oleh beliau sendiri akan diberikan pertimbangan serius.

Di sini saya ingin tegaskan bahawa ada laporan dalam surat khabar khususnya Utusan Malaysia yang menuduh bahawa saya cakap bahawa Kerajaan Pusat tidak bantu. Saya minta ialah bantuan Kerajaan Pusat seperti yang saya sebut mereka bantu dengan menggerakkan ATM dengan datang sendiri untuk menunjukkan simpati dan memberikan semangat kepada pekerja-pekerja tetapi yang saya minta ialah bantuan. Bantu dan bantuan lain, satu perbuatan satu nama. Takkan ini pun tak faham. Tapi memanglah Utusan Malaysia dia suka putar belitkan apa yang saya sebut sebelum ini bahawa kita minta bantuan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi saya habis dulu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Okey.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta yang kita minta ialah bantuan. Bantuan daripada Y.A.B. Perdana Menteri secara baik kita berharap bahawa beliau boleh umumkan bantuan dari segi kewangan. Dan juga bantuan daripada kelulusan 13 buah projek yang dibentangkan oleh JPS, 13 buah projek sebanyak RM1 bilion. Yang ini, Dato' Yang di-Pertua bukanlah tambahan. Ini pun telah diluluskan lebih 12 tahun sebelum ini di bawah RMK-RMK tetapi tidak dibelanjakan. Sebenarnya RM2.6 bilion telah diluluskan. Hanya RM1.02 bilion dibelanjakan. Tinggal RM1.6 bilion kita pun tak berani minta keseluruhan RM1.6 bilion kita hanya minta RM1 bilion sahaja.

Itu yang kita tunggu. Perhubungan baik daripada Y.A.B. Perdana Menteri, tapi berita BN surat khabar BN putar belitkan bahawa saya cakap bahawa Kerajaan Pusat tak bantu. Bantu ada, tapi sekarang yang kita nak minta ialah bantuan takkan mereka tak faham perbezaan bantu dan bantuan yang kita nak minta ialah bantuan dari segi kewangan untuk mangsa-mangsa banjir. Bantuan dari segi kelulusan Projek-projek RTB, sehingga sekarang kita tidak lihat wang lagi. Mana perginya wang? Dan saya pun nak sebut apa yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Seberang Jaya. Di mana kita pun agak terkejut bila stok kebajikan dalam Pusat Bencana adalah sifar adalah kosong sama sekali. Sungguhpun telah kosong hampir dua (2) bulan bekalan tidak diisi, bekalan tidak datang. Saya rasa itu sesuatu yang tidak patut berlaku dan oleh kerana itu nampaknya kadang-kadang tak dapat diharapkan pihak Pusat, Kerajaan Agensi Kerajaan Persekutuan untuk isikan bekalan stok. Kerajaan Negeri akan cadangkan bahawa kita ada satu atau kita mungkin mengguna pakai satu sistem bekalan stok minima. Sekiranya tidak datang pada masa yang terdekat mungkin kita kena keluarkan wang sendiri supaya Pusat Bencana tidak ada wujudnya keadaan di mana tidak ada stok langsung. Kosong sahaja.

Tetapi kita kena bekalkan sekurang-kurangnya bekalan stok minima supaya tidak terjadi macam bencana empat (4) dan lima (5) hari bulan November bila tidak ada langsung tidak ada bekalan-bekalan untuk diberikan kepada mangsa-mangsa banjir. Keadaan ini baru.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti tidak habis akan diberikan. Keadaan ini kami hanya tahu apabila bencana berlaku dan kita harap janganlah perkara ini diulangi lagi. Saya pun ingin nak dapat kepastian, kerana apabila Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tidak minta bahawa hanya Kerajaan Pusat berikan bantuan. Kita pun sendiri telah jalankan atau umumkan projek atau Program 'Pulau Pinang Bangkit' yang bernilai RM100 juta pada masa itu. Tapi ini pun telah ditambah RM5 juta kepada RM105 juta dan ini saya akan jelaskan mengapa ditambah dengan RM105 juta.

Iaitu kalau kita imbas kembali Program 'Pulau Pinang Bangkit' bernilai RM105 juta untuk membantu pemulihan dan pembinaan semula kehidupan rakyat pasca bencana angin ribut kencang dan banjir terburuk dalam sejarah yang melandai Pulau Pinang. Tiga (3) cabaran terbesar yang dihadapi adalah kerja pembersihan, kerja membaik pulih harta dan aset dan juga membaiki apa yang tidak boleh dibaiki. Kerajaan Negeri telah mengaturkan banyak tawaran istimewa daripada perniagaan untuk meringankan beban banjir baik dari segi Diskaun Khas daripada perkhidmatan Grab dan Uber ataupun daripada doktor swasta dan syarikat kelengkapan dan peralatan elektronik, elektrik pengguna yang memberikan diskaun untuk perkhidmatan ataupun barangan mereka.

Kita harapkan lebih banyak berita baik daripada syarikat-syarikat lain nanti. Di bawah Program 'Penang Bangkit' Kerajaan Negeri akan membelanjakan RM50 juta untuk membayar wang ehsan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada setiap isi rumah baik kediaman ataupun perniagaan yang ditimpa banjir. Di jangka 100,000 penerima akan mendapat RM500 ini. Setiap isi keluarga atau perniagaan hanya boleh pohon sekali sahaja untuk kerugian hartanah mereka. Contohnya, sekiranya yang rumah kediaman dan perniagaan pun ada kehilangan harta atau kerugian mereka hanya boleh pohon sekali sahaja.

Saya juga ingin mengumumkan pada pagi ini bahawa derma yang dikutip akan diagihkan sepenuhnya kepada mangsa banjir dengan tambahan RM200 setiap mangsa banjir. Ini akan memperuntukkan tambahan RM20 juta kepada mangsa banjir. Sekiranya kutipan derma tidak mencukupi RM20 juta maka ia akan ditambah atau *top up* oleh Kerajaan Negeri. Ini akan menjadikan bayaran ehsan *one-off* secara keseluruhannya sebanyak RM700 setiap penerima. RM500 sudah menjadi bayaran yang paling besar oleh mana-mana Kerajaan Negeri kepada mangsa banjir. Tambah dengan RM200, RM700 ini juga lebih besar daripada bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Pusat kerana sebelum ini Kerajaan Pusat bayar RM500 kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan. Yang dibayar oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM700. Kita harap juga sekali lagi yang saya tegaskan bahawa Kerajaan Pusat boleh bayarlah, boleh bayarlah kita pun tak berani nak minta RM1,000 bayarlah sama dengan di Kelantan, RM500 pun baik.

Tetapi sekurang-kurangnya tolonglah buat pengumuman. Kita tak sebut mereka tidak bantu, kita hanya harap bahawa mereka berikan bantuan takkan sehingga sekarang tak boleh umumkan berapakah bantuan kewangan yang boleh diberikan? Dan kedua, bagi mengurangkan beban pasca bencana yang melibatkan kerja pembersihan dan penggunaan air yang banyak. PBA telah bersetuju untuk tempoh bayaran satu pusingan sepanjang dua (2) bulan mengecualikan surcaj konservasi air ataupun *water*

conservation surcharge untuk pengguna domestik diskaun air sebanyak 50% juga akan diberikan kepada pengguna domestik. Bagi pengguna komersial, PBA akan memberikan diskaun sebanyak 25%.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa mungkin apabila saya buat pengumuman 'Penang Bangkit' pada minggu lepas, saya tidak perasan bahawa untuk komersial mereka dibilkan tiap-tiap bulan. Saya dengar untuk domestik ialah dua (2) bulan sekali. So, ia ditanya adakah untuk perniagaan hanya sebulan sahaja dapat diskaun 25%. *Now* untuk sama ratakan di antara domestik dan komersial saya ingin menyatakan diskaun 25% pengguna *to commercial* bukanlah untuk sebulan tetapi sama dengan pengguna domestik untuk tempoh dua (2) bulan. Ini bermakna PBAPP akan membelanjakan bukan RM10 juta tetapi RM15 juta menjadikan kos keseluruhan 'Penang Bangkit' RM105 juta tapi ini belum masuk lagi RM20 juta atau RM200 tambahan iaitu daripada wang derma.

Kalau kita kena *top up* mungkin lebih daripada itu. Ketiga, itu pun nak ulangi bahawa Kerajaan Negeri menerusi MBPP dan MPSP akan menyediakan diskaun cukai pintu sebanyak 10% untuk semua hartanah bagi tahun 2018. Dan jumlah keseluruhan dijangkakan mencecah RM40 juta yang akan ditanggung oleh MBPP dan MPSP dan Kerajaan Negeri dan ia akan dijimatkan bagi pihak rakyat Negeri Pulau Pinang. Keempat, dokumen-dokumen yang hilang seperti geran tanah dan yang rosak akibat banjir akan digantikan secara percuma. Keseluruhan langkah ini akan makan perbelanjaan sekurang-kurangnya RM105 juta tidak mengambil kira wang yang perlu ditambah atau *top up* oleh Kerajaan Negeri sekiranya wang derma tidak mencukupi RM20 juta. Sehingga sekarang RM9.6 juta kita tidak tahu apakah jumlah yang kita boleh terima tapi itu kita akan *top up* supaya kalau boleh dapat lebih banyak tentu ini akan meringankan beban kita.

Di sini saya ingin dapatkan kepastian daripada YB. Ketua Pembangkang dan Yang Berhormat daripada Pulau Betong adakah dalam ucapan masing-masing memberikan, membuat satu tuduhan terhadap Kerajaan Negeri bahawa wang ehsan yang kita bayar sebanyak RM400 berlandaskan fahaman politik? Iaitu mereka hanya boleh menerima bayaran wang ehsan RM400 sekiranya mereka menjadi Ahli Politik daripada Parti Pakatan Harapan.

Saya ingin mendapat kepastian kerana saya baca kenyataan dalam Utusan Malaysia saya agak kesal laporan ini. Pada 20 September ini saya baca ini muka, muka manis YB. Ketua Pembangkang pada 20 September lalu Kerajaan Negeri turut mengumumkan bantuan RM400 secara *one off* kepada mangsa-mangsa banjir tetapi difahamkan orang ramai perlu mendaftarkan sebagai pengundi dan Ahli Politik tertentu sebelum mendapatkan bantuan berkenaan. Saya nak dapat kepastian adakah ini tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Ayer Tawar kerana sepanjang ini Kerajaan Negeri tidak pernah mensyaratkan bahawa seseorang penerima mesti menjadi Ahli Parti Politik daripada Pakatan Harapan. Baik daripada DAP mahupun daripada PKR ataupun daripada AMANAH tidak pernah berbuat demikian.

Saya harap bahawa kita boleh selesaikan perkara ini. Kerana ini satu tuduhan yang amat jahat sekali. Itu tidak pernah dilakukan bila kita mulakan Program Emas, Program Warga Emas RM100, kita bagi kepada penerima-penerima daripada UMNO. Sungguhpun masa itu UMNO menentang, cakap ini wang judi dan sebagainya. Apa wang judi bila lesen judi tidak dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, sebaliknya dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan. Dan yang nak pohon nak buat kasino ini pun yang Ahli Parlimen daripada Padang Besar. Pemimpin UMNO nak pohon bina kasino di Negeri Pulau Pinang. Tapi pula kita ditohmah dan dituduh dengan fitnah, penipuan dan pembohongan yang jahat sekali. Tapi sekarang pula datang lagi satu pembohongan bahawa kalau nak terima bayaran wang ehsan kena daftar diri sebagai Ahli Politik daripada Pakatan Harapan. Bila kita ada buat demikian? Bolehkan anda tunjukkan bukti. Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya nak minta Y.A.B. Air Putih bacakan lagi sekali sebab *I miss that* perkataan digunakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini saya boleh bagi kepada Yang Berhormat. Bahawa ini ada laporan daripada Utusan Malaysia itu sebab saya nak dapatkan penjelasan. Adakah Yang Berhormat sebut sedemikian? "Ini laporan bantuan pihak luar begitu banyak bantuan pihak luar begitu banyak dan dikumpulkan. Jangan pula mereka minta mangsa banjir mendaftar masuk ke parti itu sebelum bantuan disalurkan. Ini tidak betul dan mereka perlu malu sekiranya perkara ini dilakukan," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini. Jelaskan apa Yang Berhormat kata kerana ini untuk penerangan dan penjelasan. Yang Berhormat ada baca laporan ini tak?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Tidak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat ada baca surat khabar ini tidak? Sendiri punya surat khabar pun tidak baca, surat khabar UMNO pun tidak baca. Ini satu perenggan yang amat menyakitkan hati. Saya cakap terus terang kerana ini tidak benar sama sekali. Nanti saya baca perenggan ini sekali supaya anda boleh faham secara terang kerana anda nampaknya tidak baca surat khabar UMNO sendiri. Pada 20 September lalu, ini saya faham kerana ini semua bohong sama sekali kerana sendiri punya pun mana mau baca, *paper* bohong pemimpin sendiri tidak mahu baca. Pada 20 September lalu...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain sila diam. Yang lain diam, Air Putih sedang bercakap. Cukup, cukup, saya hendak Dewan disambungkan. Cukup. Air Putih sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

"Pada 20 September lalu, Kerajaan Negeri turut mengumumkan bantuan RM400.00 secara *one-off* kepada mangsa banjir tetapi difahamkan orang ramai perlu mendaftar sebagai pengundi dan ahli politik tertentu sebelum mendapatkan bantuan berkenaan".

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Boleh saya beri penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sila, sila saya beri peluang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Nombor satu, 20 September, itu saya tidak tahu kerana 20 September sebelum berlakunya banjir pun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini RM400.00, RM400.00 adalah berkaitan dengan banjir yang berlaku pada 15 September.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Apa yang saya katakan, dimaklumkan di situ dalam *quote* yang disebut dalam suratkhbar 'difahamkan'. Saya tidak tuduh, cuba baca. Ini bukan goreng lah, cuba tengok difahamkan. Maknanya ada maklumat-maklumat kita terima, saya tidak menyatakan bahawa Kerajaan Negeri melakukan benda itu. *We have been made to understand*, difahamkan, jadi istilah itu memberi maksud tersendiri. Y.A.B. tadi saya tidak dapat memperjelaskan sedikit sebab disebut dalam ucapan awal tadi tentang bantuan. Kerajaan Negeri memohon bantuan. Okey dan kita sama-sama menunggu pengumuman yang akan dibuat oleh Kerajaan Pusat. Saya percaya Kerajaan Pusat tidak akan mengecewakan rakyat Pulau Pinang dan sehubungan dengan perkara bantuan ini, kita dimaklumkan bahawa memang betul stok JKM di Negeri Pulau Pinang kehabisan kerana stok itu tidak mengambil kira luar jangka, perkara yang akan berlaku seperti banjir luar biasa.

Dimaklumkan juga sejumlah peruntukan sebanyak RM969,776.00 nilai barang-barang keperluan asas makanan dan sebagainya telah pun diedarkan oleh JKM untuk Negeri Pulau Pinang yang mana stok yang ada ini dah habis, RM500,000.00 nilainya dan bakinya diambil daripada Bidong diambil dari Sungai Buloh. Bermakna memang kehabisan stok dan ditambah stok daripada stok-stok negeri lain. Mereka telah berusaha sebaik mungkin dalam keadaan yang luar biasa yang berlaku.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih di atas penjelasan daripada Yang Berhormat. Tentang stok ini saya ucapkan terima kasih kerana diisi tetapi hanya selepas 4 dan 5 November. Yang saya sebut tadi ialah mengapa dua (2) bulan sebelum ini iaitu dua (2) bulan sebelum 4 dan 5hb November stok kehabisan ia tidak dapat diisi dengan cepat. Itulah yang saya timbulkan, itulah yang saya berasa kesal kerana sepatutnya bila kita cakap tentang stok bencana, ia harus diisi dengan cepat bukan dua bulan kehabisan. Itulah yang saya minta kalau boleh JKM perbaiki sistem mereka. Ini saya cakap secara ikhlas, saya tahu JKM pun bekerja

dengan bersungguh-sungguh tetapi dalam aspek ini saya kena tegur. Mengapa sebelum 4 dan 5 November, dua (2) bulan stok kehabisan, stok kosong, tidak dapat diisi, kalau bencana berlaku bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang, kalau di Kedah dan kawasan lain, macam mana? Itu sebab adalah perlu mereka memperbaiki sistem supaya stok dapat diisi, mesti ada satu KPI, berapa lama bila kehabisan ia mesti diisi. Itulah sebabnya pihak Kerajaan Negeri sekarang menimbang mungkin kalau keadaan seperti ini berlaku, bila ada bencana yang begitu teruk dalam sejarah Negeri Pulau Pinang, berlaku pada 4 dan 5 November, tidak ada bekalan langsung, mana boleh kita terima.

Ini merupakan satu kecacatan dan kelemahan yang tidak boleh diterima oleh rakyat. Itulah sebabnya saya telah minta YB. Phee atau Ahli EXCO AMK Kebajikan untuk melihat bolehkah kita sekurang-kurangnya kalau ada keadaan yang kosong begitu lama, kita boleh ada satu stok bekalan minima supaya sekiranya ada bencana yang berulang seperti ini kita harap dan kita berdoa tidak akan berlaku, tetapi sekurang-kurangnya ada bekalan. Tidak ada seperti apa yang berlaku sekarang, kosong langsung. Amat memalukan. Itulah sebabnya saya kena tegur, saya kena tegur daripada sesuatu dari JKM ini sesuatu yang tidak patut berlaku, menyebabkan anggota kita putus semangat kerana mereka tidak dapat beri apa-apa dan mereka pun rasa amat segan dan malu dan itu saya pun berasa amat simpati dengan anggota-anggota dan pekerja-pekerja Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terpaksa menghadapi keadaan yang begitu memudaratkan, dengan keadaan kelemahan yang bukan berasal daripada kegagalan mereka. Itu yang saya hendak sebutkan.

Yang kedua, tentu kita akan harap bahawa mangsa-mangsa banjir dan Kerajaan Negeri tidak akan dikecewakan, itu harapan. Saya tidak marah sesiapa, saya hanya marah Utusan dan media BN sahaja. Itu yang saya kita harap tidak dikecewakan kerana kita sudah menunggu begitu lama, tidak sabar-sabar. Saya rasa Yang Berhormat boleh faham perasaan tak sabar-sabar. Ini bukan untuk saya, itu ialah untuk mangsa-mangsa banjir, itu yang penting dan yang akhir sekali, ini saya tidak boleh bersetuju dengan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat akui bahawa ini adalah kenyataan Yang Berhormat dan menyatakan bahawa difahamkan, yang Berhormat seorang *lawyer*, difahamkan adalah satu *positive statement, it is an assertion. Assertion of a fact* bahawa difahamkan, *I understand that this is the case if you want to apply for funding you must be a member of political party in Pakatan Harapan*. Mana boleh cakap macam itu. Saya harap Yang Berhormat tunjuk bukti bila anggota ataupun pegawai kerajaan bila menjalankan program ini ada minta penerima untuk jadi ahli parti politik Pakatan Harapan, tolong tunjuk bukti. Boleh tidak? *Can you show proof or not?* Boleh tunjuk bukti atau tidak? Kalau tidak saya rasa itu adalah satu tuduhan yang amat serius dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Saya akan rujuk balik untuk dapatkan daripada bukti...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tidak boleh.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Hari ini, saat ini mana saya hendak pergi cari buktinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang *No* Yang Berhormat, Okey, tak apa, saya tak akan desak sangat, saya harap petang Yang Berhormat boleh tunjuk bukti di mana kita ada desak, mana kita ada desak mana-mana penerima untuk masuk jadi ahli politik, kalau tidak, tidak akan terima bantuan dari Kerajaan Negeri. Ini kita tidak pernah syaratkan di mana-mana. Ini satu tuduhan serius, ini maka satu penyelewengan, salah laku dan rasuah, *this is corruption*. Ini tidak boleh dibenarkan dan sepanjang 10 tahun ini tak pernah ada tuduhan seperti ini kecuali YB. Telok Ayer Tawar. Tolonglah YB. Telok Ayer Tawar, sungguhpun YB. Telok Ayer Tawar hendak bersara, bersara secara bermaruah, bukanlah dengan membuat tuduhan yang tidak berasas seperti ini, *you are a lawyer*.

Itulah saya harap nanti kita boleh dapatkan bukti kerana tidak pernah Kerajaan Negeri membezakan dari segi fahaman politik. Program Emas kita bagi, pemimpin UMNO pun dapat, betul tidak? Dapat, dan kita akan beri kerana mereka anak negeri, kerana Kerajaan Negeri bukan hanya untuk penyokong Pakatan sahaja. Kita Kerajaan Negeri untuk semua rakyat Pulau Pinang termasuk Ahli-ahli Barisan Nasional dan UMNO. Mungkin UMNO hanya hendak menjadi kerajaan untuk penyokong BN...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Tak apalah, tidak usahlah mengungkit kerana Kerajaan Pusat juga memberi bantuan pun tidak kisah parti, memang bagi untuk semua. Prinsip itu *is universal*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu saya bersetuju. Saya cakap mungkin, saya cakap mungkin, itu yang saya ucapkan terima kasih pun, bila saya cakap macam itu? Tetapi anda sekarang cakap bahawa Kerajaan Negeri, saya cakap mungkin hendak menjadi kerajaan untuk, tapi ini lain, ini cakap kalau hendak bagi bantuan mesti jadi ahli politik. *This is corruption, this is serious*, jangan main-main. Itu sebab tidak apa, saya beri peluang Yang Berhormat cari bukti, tunjuk bukti dalam Dewan yang mulia ini apabila kita sambung semula sesi pada waktu petang. Tetapi saya hendak habiskan, saya tidak mahu panjang lebar kan perkara ini.

Adalah amat penting bahawa kita adakan satu sistem amaran awal. Saya masih berasa kesal dengan Jabatan Kaji Cuaca kerana sehingga hari ini mereka masih belum jelaskan mengapa mereka keluarkan amaran hujan peringkat merah, bacaan yang paling tinggi, hanya pada jam 9.30 malam 4hb November bila angin ribut kencang, bila hujan lebat telah bermula dan selepas itu buat dua (2) amaran peringkat merah tetapi hujan pun tidak ada. Hari ini dia cakap Pulau Pinang tidak hujan tetapi Paya Terubung sudah hujan. Saya rasa kita di sini, saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri akan meminta Penang Green Council (PGC) untuk mengkaji sama ada kita boleh ada satu sistem amaran awal yang boleh dipercayai dengan menggunakan maklum balas ataupun kajian dan juga laporan daripada Jabatan Kaji Cuaca dari luar negeri, kerana nampaknya Jabatan Kaji Cuaca yang kita ada di Malaysia tidak dapat memberikan maklumat yang tepat. Bila, seperti yang saya sebutkan sebelum ini, saya betul-betul rasa *frustrated*... (dengan izin). Bila ada *alert* kita bersiap sedia dia tidak ada hujan tidak apa, itu kita bersyukur, tetapi nampaknya bila tidak ada *alert* itu yang kita kena *alert*. Bila tidak ada amaran awal, itu yang kita kena bersiap siaga kerana apa-apa pun boleh berlaku, sebab itulah kita terpaksa jalankan.

Dalam semua latar belakang ini berita baiknya Dato' Yang di-Pertua ialah 10 hari selepas bencana alam yang terburuk dalam sejarah Malaysia, Pulau Pinang telah bangkit dalam aspek pembersihan apabila hampir seluruh bahagian Pulau telah siap telah bersih dan kawasan Seberang Perai adalah lebih 80% telah dibersihkan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada YB. daripada Padang Kota yang telah memimpin kedua-dua MBPP dan MPSP supaya kita dapat pulihkan Pulau Pinang dalam masa yang singkat. Hari ini pun Padang Kota punya harijadi, so Selamat Hari Jadi kepada YB. Padang Kota. So, ini yang kita berasa sekurang-kurangnya dapat membolehkan Pulau Pinang pulih dalam masa yang tersingkat. Tentulah dalam minggu ini kita harap boleh pulih 100% mana-mana rumah, kediaman ataupun premis perniagaan yang perlukan bantuan daripada MBPP dan MPSP untuk membersihkan premis mereka, terus berhubung sama ada MBPP atau MPSP, mereka sedia membantu. Itu adalah prinsip Kerajaan Negeri, kita sentiasa sedia membantu termasuk daripada rumah-rumah yang menjadi penyokong kuat atau penyokong tegar BN dan UMNO kita pun akan membantu juga, tidak ada masalah. Sama-sama, kita sama-sama tetapi jangan buat tuduhan....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta penjelasan Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat pun janganlah lebih-lebih sangat, PM datang Yang Amat Berhormat tidak sebut, Yang Amat Berhormat sebut Yang Amat Berhormat sahaja yang buat. Kita pun sama-sama juga, tidak ucap pun, saya pun tolong ramai Ahli DAP sampai tengah malam, ada yang tidur atas bumbung pun, tidak kira parti. Yang Amat Berhormat ini berat sebelah, mana boleh jadi seorang Ketua Menteri yang berat sebelah sebab itu sebab saya naik sheikh...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Cukup, cukuplah. Duduk, duduklah. PM saya pun sudah sebut tadi, DPM pun saya sebut, tadi saya pun dah sebut tentang dua Menteri Besar saya pun dah sebut tetapi saya harap YB. Telok Bahang, saya tidak pertikaikan YB. Telok Bahang tolong semua. Semua tahu YB. Telok Bahang bantu semua orang dan kawasan itu sebab YB. Telok Bahang kuat. Tetapi saya harap YB. Telok Bahang tolonglah nasihatkan YB. Telok Ayer Tawar janganlah buat tuduhan yang tidak berasas ini. Ini tidak baik, tidak betul. Adakah YB. Telok Bahang akan buat tuduhan sedemikian dibuat oleh YB. Telok Ayer Tawar tak?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Boleh saya baca verbatim apa yang...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nantilah saya habis. Itu boleh buat...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak, saya dibuat tuduhan dan...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

You've said that you want to come back in the afternoon. So balik waktu petang, tidak mengapa.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Bagi peluang saya untuk maklum kepada Dewan ini...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Waktu petang. Saya tidak mahu bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kenapa tidak mahu dengar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Waktu petang saya bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kenapa tidak mahu dengar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya sudah habiskan saya punya ucapan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak apalah, saya akan maklumkan...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Waktu petang boleh balik. Waktu petang boleh balik. So ini adalah kerja keras daripada semua pihak. Termasuk bukan sahaja agensi Kerajaan Negeri dan juga Angkatan Tentera Malaysia, mereka betul-betul kuat dan juga daripada Pertubuhan-Pertubuhan NGO seperti SUCI, juga daripada perniagaan, pemaju-pemaju perumahan yang hantar pegawai mereka atau anggota mereka untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua NGO, persatuan dan juga perniagaan, pemaju-pemaju perumahan yang telah berkerja keras tanpa mengira waktu dalam menyelamatkan keadaan dan menjadikan keadaan terkawal dalam masa yang singkat...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan. Sedikit sahaja. Saya rasa saya hendak mohon kepada CM lah macam *arch bridge* yang dipohon oleh Telok Bahang, RM6 juta diluluskan oleh Padang Kota. Tadi saya baru diberitahu dan saya sangat sedih. Tetapi Penanti kita minta *arch bridge* sudah banyak tahun, minta dari EXCO, YB. Lim Hock Seng, setiap kali saya pergi mesyuarat tebatan banjir semua, saya tidak dapat pun....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti kan tadi masa penggulungan telah jawab.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya tetapi *since* CM ada penggulungan di sini, saya mengharapkan CM bagi jawapan yang sangat baik. Kalau Telok Bahang boleh dapat *Arch Bridge* RM6 juta kenapa kita tidak boleh dapat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baik. Kerajaan Negeri akan pertimbangkan pindahkan *arch bridge* daripada Telok Bahang ke Penanti. Bayaran RM700 kepada setiap penerima, kita harap ini yang penting, Dato' Yang di-Pertua. 10 minit lagi. Ini yang yang penting Dato' Yang di-Pertua, bahawa RM700 ini kita harap boleh dibayar sebelum akhir tahun ini. So borang-borang pendaftaran telah disediakan dan akan dipermudahkan, tidak

perlu ada laporan Polis dan ia akan diedarkan selepas 20 November untuk membolehkan bayaran RM400 kepada mangsa-mangsa banjir 15 September 2017 dibayar terlebih dahulu. Seperti yang diumumkan, RM400 ini akan dibayar pada 18 November iaitu hari Sabtu ini. Kecuali KADUN Datok Keramat yang akan dibayar untuk tempoh dua hari iaitu 18 dan 19 November 2017. Pembayaran RM400 sekali lagi, menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan adalah Kerajaan Negeri yang cakap serupa bikin, janji ditepati.

So kita harap untuk lebih 7,000 orang, 7,000 keluarga, haraplah mereka secara sabar, kita ucapkan terima kasih kerana mereka tunggu dengan sabar bolehlah menerima RM400 ini pada Sabtu dan Ahad. Ini termasuk penyokong-penyokong daripada UMNO pun akan terima juga. Dan sekiranya YB. Telok Bahang hendak membantu kita pun terimalah. Untuk kita bantu dalam kerja-kerja ini. Ini YB. Telok Bahang dia baik hati. Semua orang kenal sama dia. So boleh bantulah. Kalau beliau rela buat demikian. Baik, baik, baik. Tetapi janganlah fitnah Kerajaan Negeri dengan bukan-bukan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, perlu disebut di sini bahawa, untuk bajet tahun ini, saya rasa, saya ingat boleh bagi berita baik bahawa sungguhpun ada defisit yang dijangka pada tahun lepas sebanyak RM667 juta tetapi saya jangka masih boleh laporkan lebihan. Tetapi tahun ini kerana bencana alam yang begitu teruk sekali nampaknya ini mengikut unjuran yang saya ada, nampaknya kita akan mengalami defisit buat kali pertama tetapi ini kerana bencana alam di mana kita terpaksa buat bayaran yang begitu besar ini. So itulah yang saya hendak lapor keadaan bajet terkini seperti ini.

Berkaitan dengan pinjaman PDC yang ditanyakan. Sungguhpun kita telah luluskan sebanyak RM609 juta tetapi PDC tidak pinjam semua. Dia hanya pinjam RM155.34 juta. Dan kerana prestasi kewangan yang baik, saya hendak ucapkan tahniah kepada PDC jumlah ini pun telah dibayar habis oleh PDC. So tidak ada hutang apa-apa lagi kepada Kerajaan Negeri. So tidak ada timbul masalah dan saya rasa PDC akan buat satu pengumuman baik mungkin pada bulan depan tentang kedudukan kewangannya.

Berkaitan dengan keadaan bonus, ini pun selalu ditanyakan tentang bonus RM2,000 yang saya umumkan dalam pembentangan bajet. Saya ingin menyatakan bahawa RM2,000 untuk setengah atau sebahagian besar daripada anggota Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah sama dengan 1.25 bulan gaji. *Almost accumulate with 1.25 months* lah. Hanya sama, RM2,000 hanya sama dengan 1.25 bulan gaji. So ini bermakna dengan bonus raya yang kita bayar sebanyak 0.75 bulan gaji, dengan bonus 1.25 bulan gaji, untuk mereka yang berpendapatan rendah tahun ini mereka boleh dikatakan dapat dua (2) bulan gaji. Tetapi yang berpendapatan tinggi, yang ada pegawai atas, tidaklah tetapi untuk yang bawah, pekerja-pekerja bawah, mereka boleh, mereka telah dapat dua (2) bulan gaji untuk tahun ini. Dan saya rasa ini adalah selaras dengan Belanjawan Marhaen yang saya sebut dalam pembentangan bajet sebelum ini. Pembentangan Belanjawan Marhaen untuk membantu golongan bawah. So kita mulakan dengan penjawat-penjawat kerajaan yang berpendapatan rendah di mana mereka dapat dua (2) bulan gaji. Dan saya rasa itu adalah sesuatu yang amat penting selain daripada beberapa inisiatif, '*I Love Penang*' card, inisiatif untuk menggalakkan lebih banyak wanita untuk menceburi sesuatu kerjaya mereka dengan memberikan RM300 kepada wanita yang ada anak dan sedang bekerja serta 'Penang Sihat' di mana keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000 akan diberikan kredit RM300 untuk dapat rawatan daripada doktor-doktor swasta. Maksima setiap rawatan RM50. Boleh rawat enam (6) kali setahun secara percuma dan untuk mereka yang tidak berumah tangga, dengan syarat pendapatan sebulan adalah kurang daripada RM2,500 mereka akan dapat kredit rawatan percuma, atau 'Penang Sihat' sebanyak RM150 iaitu tiga (3) kali rawatan percuma setahun.

Inilah usaha kita untuk sekurang-kurangnya merapatkan jurang rawatan kesihatan kerana nampaknya Kerajaan Persekutuan telah mengurangkan bekalan farmaseutikal sebanyak RM19 juta untuk tahun depan dan ini adalah seiras, selaras dan sepadan dengan hasrat Kerajaan Negeri sebagai sebuah Kerajaan Negeri berjiwa rakyat untuk membantu rakyat menghadapi kos kesihatan atau kos rawatan yang kian naik melambung tinggi. Dialisis juga, ini dialisis dan kita juga dirikan Pusat Dialisis bukan di tempat kawasan Pakatan Harapan. Kita dirikan Pusat Dialisis di kawasan Pulau Betong, di Balik Pulau, di mana kita belanjakan RM10 juta. Buat itu mesin dialisis dan kita akan tambah lagi peruntukan sebanyak RM1 juta ditambahkan untuk memperbanyakkan empat (4) buah lagi mesin dialisis. Ini semua di kawasan Pulau Betong, di kawasan Air Putih pun tidak ada tetapi di kawasan Pulau Betong kita dirikan khas untuk rakyat di sana dan saya rasa itulah sesuatu yang kita buat demi manfaat rakyat tidak kira latar belakang, tidak kira fahaman politik, tentu tidak kira kaum dan agama kerana seperti yang saya selalu tegaskan bahawa kita adalah sebuah kerajaan untuk semua rakyat Pulau Pinang bukanlah untuk golongan ataupun untuk penyokong-penyokong kita sahaja.

So di sini saya sekali lagi ingin meminta bahawa Dewan yang mulia ini bolehlah memberi tumpuan, saya tahu dalam sesi ini kita semua sibuk kerana hendak bantu mangsa-mangsa banjir. Saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat pun sama. Semua sibuk kerana hendak bantu mangsa banjir dan semua ada turun padang. Buat kerja-kerja yang perlu dilakukan. Tetapi walau macam mana pun, saya harap marilah kita bersatu, bersatu bersama-sama untuk menghadapi bencana yang begitu serius ini. Dan apa akan jadi kemudian dalam pilihan raya, biar ia ditentukan oleh rakyat. Tetapi buat masa sekarang, marilah kita membantu semua mangsa cuba untuk memulihkan keadaan supaya mereka boleh bangkit semula. *Let's Penang Goes Back*. Mereka boleh bangkit semula sekiranya mereka boleh bangkit semula saya percaya kita telah laksanakan tugas kita sebagai ADUN, baik daripada pembangkang mahupun daripada kerajaan sebagai ADUN untuk kawasan kita untuk negeri kita, untuk rakyat yang kita sayangi dan sama ada kita kembali atau tidak ini terpulang kepada rakyat ataupun tuhan. Dan saya ucapkan terima kasih kepada semua dalam perkhidmatan lima (5) tahun ini. Sekian, saya menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Y.A.B. Air Putih dan saya hendak tangguhkan Dewan dan kita akan sambung pada jam 2.30 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih kepada semua barisan EXCO termasuk Y.A.B. Ketua Menteri yang telah pun menyertai dalam sesi penggulungan sebentar tadi. Maka seterusnya Dewan akan bersidang semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang Undang Perbekalan Tahun 2018 dibacakan bagi kali kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". "Ya" lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama satu (1) Enakmen bagi membenarkan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telah pun dibaca bagi kali kedua Rang Undang-undang ini sekarang akan dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Setiausaha Dewan:

"Jadual"

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.01 – Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan RM164,609,130 juta sahaja. Bahawa jumlah wang sebanyak RM164,609,130 juta untuk Kepala B.01 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya"

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B0.2- Pejabat Tanah dan Galian RM10,608,390 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM10,608,390 juta untuk kepala B.02 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B.03- Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut RM7,984,851 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM7,984,851 juta untuk Kepala B.03 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B0.4 - Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya RM7,046,826 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM7,046,826 juta sahaja untuk Kepala B0.4 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Kepala B0.5- Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Utara RM8,530,160 juta sahaja bahawa jumlah wang sebanyak RM8,530,160 juta untuk Kepala B0.5 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B0.6 - Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah RM8,276,467 juta sahaja. Bahawa jumlah wang sebanyak RM8,276,467 juta sahaja untuk Kepala B0.6 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya kepala B0.7 - Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Selatan RM6,496,212 juta sahaja bahawa jumlah wang sebanyak RM6,496,212 juta sahaja untuk Kepala B0.7 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya kepala B0.8 - Jabatan Pengairan dan Saliran RM38,906,532 juta sahaja. Bahawa jumlah wang sebanyak RM38,906,532 juta sahaja untuk Kepala B0.8 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B0.9 - Jabatan Perhutanan RM3,700,340 juta sahaja. Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,700,340 juta sahaja untuk Kepala B0.9 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B.10 - Jabatan Taman Botani RM5,123,150 juta sahaja. Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,123,150 juta sahaja untuk Kepala B.10 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B.12 - Jabatan Kerja Raya RM38,954,779 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM38,954,779 juta sahaja untuk Kepala B.12. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B.13 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam RM21,084,240 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM21,084,240 juta sahaja untuk Kepala B.13. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B.14 - Jabatan Kebajikan Masyarakat RM10,440,230 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM10,440,230 juta sahaja untuk Kepala B.14. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa RM5,336,070 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM5,336,070 juta sahaja untuk Kepala B.15. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.16 - Jabatan Kewangan Negeri RM850,413,740 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM850,413,740 juta sahaja untuk Kepala B.16. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.17 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM6,768,012 juta sahaja. Bahawanya jumlah wang sebanyak RM6,768,012 juta sahaja untuk Kepala B.17. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.18 - Jabatan Pertanian RM8,911,720juta sahaja.Bahawanya jumlah wang sebanyak RM8,911,720 juta sahajauntuk Kepala B.18. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Kepala B.19 - Jabatan Mufti RM2,992,290 juta sahaja.Bahawa jumlah wang sebanyak RM2,992,290 juta sahaja untuk Kepala B.19. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala B.20 - Jabatan Kehakiman Syariah RM7,767,880juta sahaja.Bahawa jumlah wang sebanyak RM7,767,880 juta sahaja untuk Kepala B.20. Adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

Setiausaha Dewan:

Fasal 1

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

Setiausaha Dewan:

Fasal 2

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang yang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat tajuk penuh dan fasal yang menggunakan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri :

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2018 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dan Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak” . “Ya” lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Perbekalan Tahun 2018, maka dengan ini adalah diperundangan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-Undang telah pun dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang berbunyi bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM684,974,100 juta yang tertera di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Bilangan Empat (4) Tahun 2017 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2018 itu. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya” .

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak” . “Ya” lebih banyak usul dipersetujui.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri (Botani Pulau Pinang 2017)

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya nak pohon untuk buat satu usul. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Dewan Undangan Negeri selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 14 November 2017 (Selasa) tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I :

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah pun mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 14 November 2017 (Selasa) tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju katakan “Ya” .

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui.

Sila YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama “Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang, mengadakan peruntukan bagi pengendalian, pengawalan, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelidikan tumbuh-tumbuhan, flora dan fauna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya di kawasan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang, dibacakan bagi kali Yang Pertama.”

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama “Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang, mengadakan peruntukan bagi Pengendalian, Pengawalan, Pemeliharaan, Pemuliharaan, Penyelidikan Tumbuh-tumbuhan, Flora dan Fauna, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya di kawasan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang.”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali Yang Pertama.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, mengikut Peraturan 59, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali Yang Kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta merta.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri (Botani) Negeri, *sorry*. Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017 bacaan kali Yang Kedua.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama “Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang, mengadakan peruntukkan bagi Pengendalian, Pengawalan, Pemeliharaan, Pemuliharaan Penyelidikan Tumbuh-Tumbuhan, Flora dan Fauna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya di kawasan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang, dibacakan dibacakan bagi kali Yang Kedua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan usul Rang Undang-Undang ini yang mana kalau kita lihat kepada Rang Undang-Undang tersebut tujuan utamanya adalah seperti yang termaktub di bawah Seksyen 21 dan saya menjemput semua Ahli-ahli Dewan untuk rujuk Seksyen 21 tersebut di dalam Rang Undang-Undang yang ada dengan kita. Tujuannya adalah untuk:

- (a) mewujudkan taman semula jadi yang berpotensi sebagai Taman Negeri dan memaksimumkan faedah daripadanya sesuai dengan konsep pelbagai guna;
- (b) menasihati Pihak Berkuasa Negeri mengenai perkara berhubung dengan pemeliharaan, penggunaan, pengawalan, pengurusan dan kemajuan Taman Negeri dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dirujuk kepadanya dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri;

- (c) memulakan, menyelaraskan dan mengawal aktiviti Taman Negeri yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini;
- (d) memperkenalkan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri yang kaya dengan sumber asli dan sebagai pusat tarikan pelancong;
- (e) menjaga dan mengekalkan alam semula jadi mengikut satu (1) sistem pengurusan secara bertaraf antarabangsa;
- (f) mengurus dan menyelenggarakan Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Enakmen ini; dan
- (g) menjalankan apa-apa aktiviti lain dan melakukan apa-apa perkara yang perlu atau bermanfaat dan patut bagi pentadbiran Perbadanan atau apa-apa maksud lain yang selaras dengan Enakmen ini.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai permulaan saya ingin semua ambil maklum bahawa usul Rang Undang-Undang ini adalah tidak terhad kepada Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang yang wujud sahaja sekarang di Jalan Waterfall yang semua orang kenal tetapi kepada mana-mana tapak yang dapat dikenal pasti untuk dijadikan sebuah Taman Negeri, ini selaras dengan Seksyen 21(a) yang saya baca tadi.

Walau bagaimanapun YB. Dato' Speaker, adalah jelas bahawasanya Taman Botani yang sedia wujud di Jalan Kebun Bunga ataupun Waterfall merupakan Taman Botani yang terlama wujud di Negeri Pulau Pinang. Seperti mana yang saya nyatakan Taman Botani ini serba sedikit sejarahnya ialah Taman Botani yang tertua di Malaysia iaitu yang telah ditubuhkan pada tahun 1884 di mana Kurator Pertamanya ialah Charles Curtis. Ia bermula dengan nama *Spice Garden* dan kemudiannya ditukar nama kepada *Waterfall Garden* dan undang-undang yang di bawah mana ia digubalkan pada tahun 1924 iaitu *Enactment Waterfall Garden* yang pertamanya. Pada tahun 1978 daripada *Waterfall Garden* ia telah ditukar nama kepada Jabatan Kebun Bunga dan sekarang Jabatan Botani.

YB. Dato' Speaker, sehingga kini saya ingin menyatakan bahawa Taman Botani sudah pun berusia 133 tahun dan ia menunjukkan YB. Dato' Speaker, bahawa Taman Botani ini telah melalui beberapa zaman dan sehingga kini telah sampai kepada era moden dan sedang pesat berkembang dan oleh itu adalah penting kita hala ke hadapan dengan apa yang kita hendak buat dan apa aspirasi kita untuk Taman Botani ini.

Tadi saya telah rujuk kepada Seksyen 21 dalam Rang Undang-Undang ni berkenaan tujuan yang ia seharusnya juga dibaca bersama dengan Seksyen 21 yang menggariskan fungsi Perbadanan tersebut dan juga Seksyen 4 yang menyatakan seperti berikut:

(Dengan izin) saya rujuk kepada Seksyen 21 iaitu Fungsi Perbadanan dan saya baca Fungsi Perbadanan adalah, saya baca Fungsi Perbadanan terlebih dahulu iaitu Seksyen 22, Sub Seksyen 2 terlebih dahulu iaitu ia adalah untuk Perbadanan:

- (a) membuat kajian, penyelidikan, pendidikan dan pemeriksaan ke atas Taman Negeri dan memberi perkhidmatan dan kemudahan yang cukup dan cekap bagi tujuan pemeliharaan yang baik;
- (b) mengambil langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan hidupan kepelbagaian biodiversiti dalam Taman Negeri supaya berada dalam pemeliharaan ciri-ciri asal dan semula jadi;
- (c) menerima derma, pemberian, penerimaan harta alih atau harta tidak alih daripada mana-mana punca dan mendapatkan kewangan dengan cara yang sah;
- (d) menyumbang dengan cara pemberian atau pinjaman terhadap perbelanjaan yang dikenakan atau yang akan dikenakan bagi pembaikan dan pemeliharaan Taman Negeri tersebut;
- (e) menetapkan mana-mana kawasan dalam Taman Negeri sebagai tempat semaian tumbuh-tumbuhan;
- (f) menyediakan kemudahan dan perkhidmatan di dalam Taman Negeri bagi tujuan tarikan kepada pelancong;

- (g) mengatur dan mengawal kemasukkan orang awam ke Taman Negeri dan mengenakan fi bagi kemasukan dan penggunaan kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan; dan
- (h) melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana fungsi dan kuasanya.

Dan berbalik kepada apa itu fungsi yang seperti mana saya sebut tadi di bawah Seksyen 22(H) tersebut, ia digariskan di bawah Seksyen 21 iaitu fungsi Perbadanan adalah:

- (a) mewujudkan taman semula jadi yang berpotensi sebagai Taman Negeri yang dapat memaksimumkan faedah daripadanya sesuai dengan konsep pelbagai guna;

Tadi saya sememangnya telah pun merujuk kepada fungsi Perbadanan di mana kuasa Perbadanan membolehkan Perbadanan melaksanakan fungsi-fungsinya tersebut. Yang penting juga YB. Dato' Speaker, saya rujuk kepada objektif penubuhan seperti mana dinyatakan di Seksyen 4 iaitu saya baca:

- (a) menyediakan keadaan unik dan sesuai untuk keadaan landskap hutan sedia ada, meneruskan tradisi landskap asal taman dan fokus kepada mempamerkan spesis tumbuhan natif dan lain-lain tumbuhan tropika kepada tahap pengurusan hortikultur yang lebih tinggi;
- (b) mengukuhkan koleksi yang fokus kepada tumbuhan di Malaysia bagi pemuliharaan tumbuhan secara *ex-situ*, mewujudkan koleksi-koleksi tumbuhan terhad dan yang sukar didapati di seluruh dunia dengan pendidikan dan nilai estetik;
- (c) mengukuhkan herbarium tumbuhan di Malaysia untuk kepentingan kajian dan pengetahuan pemuliharaan;
- (d) mewujudkan peluang kepada pembelajaran tentang tumbuhan dan asas kepentingannya kepada kehidupan melalui pembangunan kepelbagaian koleksi tumbuhan hidup, interpretasi taman dan program pendidikan alam sekitar;
- (e) menyediakan ruang bagi penyelidikan dan pemuliharaan biodiversiti.

Ini adalah antara seksyen-seksyen yang penting dalam Rang Undang-undang ini yang saya ingin menarik perhatian semua Ahli-ahli Dewan.

Seperti mana saya nyatakan tadi Kerajaan Negeri perlu mengorak langkah ke hadapan dengan menjadikan Taman Botani sebagai sebuah Taman Negeri yang lebih komprehensif, berdaya saing, malah menjadi satu (1) rujukan sebagai satu (1) Taman Botani yang terunggul di Malaysia, khususnya dari segi penyelidikannya, *that is the most important*, dari segi koleksi tumbuhannya dari segi hortikultur dan teksologi tumbuhan yang lebih bertaraf antarabangsa. Ini selaras dengan aspirasi Pulau Pinang menjadi satu (1) negeri antarabangsa dan pintar.

Singapore Botanic Garden saya buat satu (1) rujukan YB. Dato' Speaker, telah lebih awal mengorak langkah ke hadapan di mana mereka telah pun diiktirafkan sebagai salah satu (1) tapak warisan UNESCO. *Singapore Botanical Garden*....(dengan izin) *is a UNESCO World Heritage site*. Malahan untuk makluman Ahli-ahli Dewan, di dunia ini ada tiga (3) Taman Botani yang telah diiktirafkan sebagai tapak warisan UNESCO. Selain daripada *Singapore* seperti mana yang saya nyatakan dan *Singapore* diiktirafkan pada 4 Julai 2015, dua (2) tahun sudah, yang dua (2) lagi adalah *Kew Gardens* di London dan *Otto Botanical Padua* di Brazil, ini ada tiga (3), kita ada satu (1) iaitu jiran kita di *Singapore*, dan untuk makluman sedikit lagi berkenaan dengan sedikit sejarah. *Singapore Botanical Garden* telah ditubuhkan pada tahun 1859 *this is older than Penang Botanical Garden*, dia 158 tahun dan untuk makluman semua seperti yang saya nyatakan kita di Negeri Pulau Pinang 1884 tidak jauh daripada *Singapore*, kita 133 tahun tetapi saya dimaklumkan oleh Kurator di Taman Botani di Negeri Pulau Pinang sebenarnya walaupun *Singapore* ditubuhkan lebih awal daripada Pulau Pinang, pada asalnya Pulau Pinang menjalankan lebih aktiviti Botani di rantau ini kalau berbanding dengan *Singapore* dan saya difahamkan apabila kita ditakluk Jepun antara tahun 1941 hingga tahun 1945, banyak spesimen herberium daripada Pulau Pinang telah dipindahkan ke *Singapore*, saya tidak mahu marahkan *Singapore*, tidak apa lah, tetapi mereka telah berjaya dan kita iktiraf kejayaan mereka di dalam mendapat pengiktirafan daripada UNESCO sebagai satu (1) Tapak Warisan Taman Botani.

YB. Dato' Speaker, seperti mana *Singapore Botanic Garden* telah pun mengorak langkah ke hadapan dan mencapai pengiktirafan tersebut oleh UNESCO, Taman Botani Pulau Pinang juga ingin pencapaian tersebut. Walaupun ia akan susah bukan senang tetapi kita ada ekspresi untuk mencapai pengiktirafan tersebut dan hari ini adalah langkah pertama bagi merealisasikan impian tersebut melalui

perwujudan Perbadanan Taman Negeri Botani ini yang mana seperti mana saya rujuk tadi kepada seksyen 4(21), (22) ada objektif berkenaan bagaimana taman ini dapat dikenali dengan lebih sempurna lagi agar kita boleh mara ke hadapan.

Satu perkara yang penting untuk kita tahu berkenaan apa yang kita hendak buat dengan Perbadanan ini ialah pengawalan kakitangan-kakitangan untuk merealisasikan apa yang ada di dalam Rang Undang-Undang ini di mana saya kata banyak banyak *expertise* kalau saya boleh gunakan kepakaran perlu untuk kita dapat capai apa yang dinyatakan di dalam Rang Undang-Undang ini dan masalah sekarang yang kita hadapi YB. Dato' Speaker, ialah Pegawai-Pegawai Teknikal di dalam Jabatan Taman Botani yang wujud sekarang mereka akan dibekalkan secara lazimnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan apabila mereka laksanakan tugas-tugas mereka, kita mendapati adalah satu (1) masalah yang timbul dan apa itu?

Kita dalam lihat mereka melaksanakan tugas-tugas mereka antara lain kita juga memberi mereka banyak latihan, banyak kursus, banyak pendedahan tentang Botani sehingga mereka menjadi mahir ada kepakaran tetapi malangnya apabila sampai ke tahap itu secara lazimnya mereka dapat naik pangkat mereka akan dipindah. Itu menjadi satu (1) masalah apabila pertukaran berlaku dan *cycle* ataupun *series* ini akan berulang. *That is a very big problem at the moment to archived what we intend to that is the one (1) of the major problems* tetapi apabila kita ada Rang Undang-Undang ini kalau ia dapat diluluskan maka kita dapat kawal kakitangan-kakitangan kita dan ada perkhidmatan mereka boleh dipanjangkan agar untuk kebaikan Taman Botani tersebut.

Now balik kepada UNESCO, *of course it is one (1), it is matter of great pride* sekiranya saya boleh kata ianya satu (1) kebanggaan kalau kita boleh mencapai pengiktirafan UNESCO dan bukan itu sahaja di Negeri Pulau Pinang sememangnya kita telah pun, di George Town diiktirafkan sebagai Tapak Warisan UNESCO 2008 bulan Julai *and what happen*. Sebelum tahun itu George Town *was a ghost town* tetapi setelah kita telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan UNESCO di George Town kita lihat betapa pesat perkembangannya sehingga sekarang YB. Dato' Speaker, dari 2008 sehingga sekarang kita begitu terkenal, terkenal di seluruh pelusuk dunia di antarabangsa dan banyak pengiktirafan oleh Agensi Antarabangsa akan Tapak Warisan UNESCO George Town itu banyak yang ada dan saya tidak berhasrat untuk menyatakannya tetapi ini dalam pengetahuan umum. Apa yang saya ingin nyatakan *the points that I am trying to make* YB. Dato' Speaker, *is by becoming a UNESCO World Heritage Site being here George Town for its cultural and building, value if we can even do that ..(dengan izin) with The Botanical Garden in Penang* seperti apa kita lihat kita ada buat satu (1) lawatan dan saya percaya banyak di sini pernah pergi ke *Singapore* dan melawat *Singapore Botanical Garden* maka kita juga memang boleh lihat satu (1) pertambahan pesat dan baik kepada Jabatan Taman Botani kita di Negeri Pulau Pinang. Saya juga nak kata di Negeri Pulau Pinang kalau kita lihat kepada pengiktirafan UNESCO yang dapat melonjakkan kepesatan perkembangan sesuatu tempat itu selain daripada George Town yang mana semua boleh lihat dengan mata sendiri betapa pesat pembangunannya sejak 2008 itu, di Pulau Pinang ada satu (1) lagi Perbadanan yang telah dibuat iaitu melalui Enakmen Perbadanan Bukit Bendera pada tahun 2009 dan kita lihat melalui Perbadanan itu memang Bukit Bendera telah maju dengan pesat sama dengan George Town UNESCO and ini Bukit Bendera, *I think that one (1) also* semua boleh setuju, *in fact I have the numbers here in 2009* penumpang yang pergi ke atas pada 2009 cuma dalam lingkungan 442,000 orang *but the Funicular Train now* iaitu Keretapi itu *as of record* yang terkini yang kita ada 2016, 1.6 juta, *this is what the Perbadanan we want to do just like I given you a comparison in Bukit Bendera we can do it at Taman Botani as well and the best part is like I said the Perbadanan we want to go to our next level and one of the things is to capai UNESCO* saya kata tadi, balik kepada Bukit Bendera di mana saya kata 442,000 orang pada 2009 sampai sekarang 1.6 juta di Bukit Bendera pun ada satu (1) produk sekarang *Habitat* yang sudah masukkan kertas-kertas untuk dipertimbangkan supaya menjadi satu (1) Tapak Rizab Manusia dan Biosfera UNESCO.

So can you imagine we are moving forward when we have this incorporation for just as Bukit Bendera hopefully here in Taman Botani, we already have the George Town World Heritage Site....(dengan izin) the aspiration our vision for Habitat to also gain UNESCO status one day maybe even Penang Botanical Garden gain the UNESCO status dan itu sahaja yang saya ingin nyata ini sebab-sebab di belakang mana kita hendak Rang Undang-Undang ini diluluskan. Sekian terima kasih, saya mohon mencadangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Datok Keramat, perlu sokongan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong, Taman Kebun Bunga dan Taman Botani Pulau Pinang di Jalan Air Terjun adalah salah satu (1) khazanah penting negeri ini, berusia lebih daripada 133 tahun Taman Botani Pulau Pinang pada asalnya adalah sebuah taman penyelidikan dan kajian yang telah dibina di atas sebuah tapak kuari granit yang lama.

Kurator pertamanya Charles Curtis telah menjadikan Taman Botani ini sebagai institusi penting dalam usaha pengindahan dan penghijauan di sekitar Negeri Pulau Pinang. Ketika di bawah tanggungjawab pentadbiran *Strait Settlement Garden Department*, Taman Botani telah menghasilkan lebih 11,500 benih pokok untuk ditanam di seluruh Negeri Pulau Pinang. Hari ini Taman Botani Pulau Pinang adalah di bawah tanggungjawab Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Maka menjadi tanggungjawab kita semua untuk menjadikan Taman Botani ini sebagai satu (1) taman yang bertaraf antarabangsa dan berfungsi sebagai pusat terpenting dalam usaha mengekalkan kehijauan negeri kita. Saya percaya usaha kita hari ini dalam membawa usul Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri Botani Pulau Pinang 2017 adalah dengan matlamat untuk menjadikan Taman Botani Pulau Pinang sebagai taman flora dan fauna terbaik bukan hanya di negeri ini tapi juga di seluruh negara dan dunia. Dengan pewartaan dan pelaksanaan Rang Undang-Undang ini nanti kita akan mampu mereformasi pentadbiran dan penyelenggaraan taman ini agar menjadi lebih Cekap, Akauntabiliti Dan Telus. Mengurus dan mengekalkan Taman Botani Pulau Pinang pastinya adalah satu (1) tugas yang cukup mencabar. Mengambil contoh dari *Singapore Botanical Garden* harapan kita adalah untuk menjadikan Taman Botani Pulau Pinang sebagai satu (1) taman yang unggul dan diiktiraf sebagai satu (1) Tapak Warisan UNESCO pada masa depan.

Rang Undang-Undang ini juga pastinya dapat memberikan peranan yang lebih berkesan kepada Kerajaan Negeri untuk bekerja sama dengan institusi-institusi pakar dan Taman Botani seluruh dunia yang lain dan meningkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan Taman Botani ini. Sebagai sebuah Kerajaan yang peduli rakyat, saya percaya kita akan menjaga kepentingan awam dan rakyat Pulau Pinang dalam soal pengurusan dan juga pengekalan Taman Botani Pulau Pinang ini. Kami berjanji bahawa pentadbiran ini akan mewariskan sebuah Taman Botani yang unggul dan gemilang untuk anak cucu kita dan kekal sehingga 200 tahun mendatang. Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Seberang Jaya. Ahli-ahli Yang Berhormat maka dengan Rang Undang-Undang telah pun dicadang dan disokong. Sekarang kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri Botani Pulau Pinang 2017. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dipersilakan. YB. Penanti sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ada beberapa persoalan tentang Rang Undang-Undang Botani sebab Rang Undang-Undang ini saya rasa ada keamaan dengan pada bulan Mei sidang DUN yang lepas di mana tanah lapang dan stadium diambil alih, jadi sekarang ini kalau tengok macam disebut oleh EXCO tadi bukan hanya setakat Taman Botani tapi mana-mana taman yang dinamakan sebagai *State Park*. Jadi persoalannya disebabkan Taman Botani ini dah sekian lama menjadi satu (1) *icon* dari saya kecil-kecil lagi, saya nak tahu adakah selain daripada *public consultation*..(dengan izin) yang telah dilakukan untuk *special area plan* pada 2011 apakah rundingan ataupun *public consultation* yang telah diadakan bersama ADUN kawasan, JKKK dan NGO dan juga pengunjung-pengunjung dan penduduk-penduduk yang mengunjungi Taman Botani ini seperti yang saya katakan bukan hanya *this particular* Taman Botani tetapi lain-lain tempat yang boleh diklasifikasikan sebagai *State Park*.

Soalan kedua, saya tengok di sini kuasa Perbadanan ini yang kalau kita yang disebut oleh EXCO itu adalah pengalaman Perbadanan Bukit Bendera yang telah dilakukan pada 2009, kalau kita tengok kepada Laporan Ketua Audit Negara pada 2013 dan juga kepada laporan PAC Pulau Pinang yang saya dan juga YB. Jayabalan dan lain-lain terlibat, kami mendapati yang program pelancongan, pengurusan pelancongan yang dilakukan oleh *team* yang menguruskan Perbadanan Bukit Bendera masa itu mempunyai beberapa kepincangan sebagai contohnya terdapat 45 banglo di dalam yang diwawarkan dalam dia punya *brochure* semua tapi tempat-tempat ini maknanya maklumat itu tak betul, lagi satu (1) masa kita *interview* semasa dalam PAC walaupun *CEO* yang menguruskan Perbadanan Bukit Bendera sepatutnya seorang yang profesional tetapi bila kita tanya soalan dan dia dari Australia dia tidak dapat menjawab soalan, saya faham yang Kerajaan Negeri selepas Laporan PAC dan teguran dari Laporan Audit Negara pada 2013 dan Laporan PAC pada 2015 telah menukar, menukar pengurusan dan

sekarang adalah lebih baik dan mendapat prestasi yang baik. Kerisauannya di sini soalan saya ialah kebergantungan kepada Dr. Saw seorang *top 5 Botanist* di dunia yang jadi dia dari FRIM. Masalahnya Dr. Saw ini pun dah berumur agak lanjut, jika apa yang berlaku di Bukit Bendera, Perbadanan Bukit Bendera di mana pengurusan itu ditadbir oleh kumpulan lain ataupun pengurusan yang lain disebabkan tidak ada *public consultation* ataupun tidak ada *public consultation* mengenai sebelum Rang Undang-Undang ini dibentangkan saya rasa kita perlu *review* dan pastikan perkara-perkara yang diletakkan di dalam Rang Undang-Undang ini perlu diperhalusi lagi sebab sebagai contoh ya kalau dalam Ahli Lembaga disebut dalam di situ maknanya tidak boleh ada lebih dari dua (2) Ahli Lembaga yang teknikal, yang teknikal maknanya dalam syarat di situ tidak boleh melebihi, sepatutnya dalam Rang Undang-Undang ini tak boleh bubuh syarat yang tidak boleh lebih daripada dua....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tadi saya tertarik dengan YB yang menyatakan umur Dr.Saw sudah lanjut. YB tahu umur dia berapa tak?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Saya baru jumpa dia hari itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

You say, this is just only.. untuk makluman, dia berumur 62 kalau saya tak silap, yang lebih muda daripada beberapa kita yang ada di sini. So saya rasa...(ketawa) saya rasa kalau umur 62 sudah kira lanjut, macam mana macam ni, banyak yang kita di sini pun rasa sangat lanjut.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya bangkitkan ini sebab *team* pengurusan sebagai contoh la dalam laporan PAC dan juga laporan Ketua Audit Negara, kita ada membuat beberapa teguran dan bila *interview* walaupun dia muda dan profesional dari Australia tapi dia tidak dapat menjawab mengenai pentadbiran urus tadbir yang baik. Tapi Kerajaan Negeri sekarang dah menggantikan pengurusan tu. Tapi saya menanya soalan ini sebab kita takut kebergantungan kepada Dr. Saw, kalau 62 tahun maknanya dia dah warga emas. Jadi, seperti yang saya sebut dalam Rang Undang-Undang ini disebutkan 'tidak boleh ada lebih daripada dua (2) orang teknikal' jadi kerisauannya disebabkan tujuan diadakan fungsi perbadanan ini ialah untuk memelihara semula jadi. Maknanya kita perlu lebih orang yang teknikal, bukan menghadkan kepada dua (2) orang.

Lagi satu, saya rasa disebabkan oleh Taman Botani ini adalah satu *icon* di Pulau Pinang, jadi dalam ahli lembaga ke dimasukkan wakil-wakil dari rakyat iaitu perlu ada ADUN kawasan, mungkin JKKK di situ, Pengerusi JKKK dan juga NGO-NGO yang penting ataupun persatuan-persatuan penduduk yang di sekitar kawasan itu dimasukkan juga. Walaupun kerajaan sekarang ini mentadbir dengan urus yang baik tapi ini satu Rang Undang-Undang yang saya fikir adalah... saya rasa perlu diperhalusi sebab Rang Undang-Undang ini dibentang tapi itu sebab saya tanya *the last public consultation* adalah pada 2011 iaitu enam (6) tahun dulu sebelum Rang Undang-Undang ini dibentangkan. Lagi satu, kita kena pastikan yang biodiversiti di kawasan itu perlu dijaga dan dengan ini saya rasa perlu perhatian yang lebih dalam sebelum Rang Undang-Undang ini dibentangkan untuk diluluskan di Dewan ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan terima kasih di atas pandangan bernas oleh YB. Penanti. Saya bersetuju dengan apa yang diberikan pandangan oleh YB. Penanti. YB. Dato' Speaker, kita tahu bahawasanya Taman Botani ini telah pun berumur 133 tahun. Satu usia yang cukup-cukup lanjut berbanding dengan 62 tahun tadi. Ia telah beredar daripada Spice Garden menjadi Waterfall Garden dan tukar kepada Jabatan Kebun Bunga dan juga Jabatan Botani. Saya akui seperti yang disebutkan oleh YB. Datok Keramat bahawasanya pada tahun Julai 2008 kita telah pun berjaya mendapatkan status *George Town World Heritage* pada Julai. Ini adalah usaha-usaha yang dibuat oleh Barisan Nasional sebelum itu untuk mendapatkan status itu. Kadang kita tahu bahawasanya banyak *benefit* yang akan kita dapat daripada. apabila kita mendapatkan status bandaraya warisan itu namun apa yang berlaku hari ini adalah selepas ditadbir oleh Pakatan Harapan, habis rumah-rumah *pre-war* telah pun terjual. Tidak ada kawalan yang dibuat. Ini yang merisaukan kita. Betul status kita dapat tapi tak menjaganya dengan baik. Akhirnya apa yang berlaku hari ini.

Keduanya, Taman Botani ini kalau dipromosikan tak semestinya dibuat hanya melalui dengan perbadanan. Tak semestinya hanya dengan diperbadankan sahaja kita boleh mempromosikan Taman Botani ini. Kita boleh promosi cara lain. Menggunakan *Penang Tourism* tak silap saya untuk mempromosikan tanpa perlu diperbadankan. Begitu juga apa yang berlaku apabila kita memperbadankan Bukit Bendera. Apabila berlaku diperbadankan, kakitangan-kakitangan yang sedia ada diberi, ada yang diberhentikan dan ada yang dicarikan kesalahan mereka supaya mereka diberhentikan. Begitu juga yang berlaku dengan PBA. Ada juga *staff* diberhentikan kerana tidak sehaluan, dan juga PDC dan sebagainya. So kita tak mahu diperbadankan nanti, kakitangan sedia ada dengan Jabatan Botani ini diberhentikan tanpa sebab ataupun dicari alasan untuk memberhentikan mereka. Begitu juga dengan kuasa yang diberikan.

Saya berpandangan bahawasanya Pengurus Besar, ni Fasal 15(3) ini, Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab kepada Pengerusi dan hendaklah di kuasa tugas dan fungsi sebagai seperti mana yang diperkatakan oleh perbadanan termasuklah bagi a,b,c dan d. Saya rasa seorang Pengurus Besar hanya bertanggungjawab perbadanan itu, jawatankuasanya. Kenapa kepada seorang? Kalau diberi kuasa penuh. kepada Pengurus Besar hanya satu bentuk pengerusi sahaja yang dinamakan sebagai Ketua Menteri ini bermakna urusan dua (2) orang sahaja. Sepatutnya diberikan kepada Pengurus Besar untuk berurusan membentangkan semuanya kepada lembaga. Bukannya kepada seorang sahaja.

YB. Dato' Speaker, begitu juga perkara 40(1a) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan atau pembesaran syarikat-syarikat atau badan-badan lain untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sama ada di bawah kawalan atau separa kawalan, perbadanan sendiri atau dengan secara bebas. YB. Dato' Speaker, ini juga Fasal atau klausa yang ada niat untuk melantik pihak ketiga untuk menjalankan perniagaan di atas tapak itu dan kalau ini dilakukan, ini bermakna meletakkan perbadanan dalam hutang, masalah pengurusan dan juga sebagainya dan berkemungkinan juga nanti lepas pada ini kalau hari ini kita masuk percuma di Taman Botani, mungkin hari ini kita akan dikenakan caj dan kita tak tahu mungkin caj tu murah dan mungkin caj tu mahal hanya membolehkan orang luar itu pergi kerana mahal, anak tempatan anak Pulau Pinang tak dapat masuk kerana tak mampu membayar caj atau *entrance fee* yang dikenakan.

Jadi YB. Dato' Speaker, saya berharap juga seperti mana kata Yang Berhormat Penanti tadi *the last public consultation* adalah pada 2011. Sebab itu kita mendengar ramai rungutan NGO di luar sana yang membantah Rang Undang-Undang ini dan saya bersuara bagi pihak mereka juga supaya kalau boleh kaji semula, dibuat *public consultation* mutakhir mungkin selepas daripada ini untuk mendengar pandangan mereka kerana yang menjaga, yang menghargai ini bukan Kerajaan Negeri sahaja, rakyat Pulau Pinang keseluruhannya menghargai dengan apa yang ada dalam Taman Botani itu dan saya juga berharap supaya EXCO Alam Sekitar meluluskan arahan undang-undang pada hari ini. Saya mencadangkan supaya diwujudkan Jawatankuasa Khas Dewan untuk melihat, mendengar suara NGO dan juga untuk mengkaji semula warta ini, Rang Undang-Undang ini termasuklah juga mencari ataupun memahami *Penang Waterfall Gardens Enakmen 1923* ini yang telah pun ada hari ini dan berjaya menjaga Taman Botani sehingga ke hari ini.

Jika saya tidak menyokong Rang Undang-Undang ini untuk diluluskan dan saya minta supaya ditangguhkan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin ambil bahagian dalam sesi perbahasan. Saya ingin persilakan. Sila YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 63(2), saya ingin mencadangkan agar klausa 9e yang menyatakan 'tidak lebih daripada 20 orang anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk tidak lebih daripada 2 orang anggota yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan botani, hortikultur atau kepakaran yang bersesuaian' digantikan perkataan 'tidak lebih daripada' kepada 'sekurang-kurangnya' iaitu akan dibaca sebagai 'tidak lebih daripada 20 orang anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk sekurang-kurangnya 2 orang anggota yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan botani, hortikultur dan kepakaran yang bersesuaian'. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah pun menerima satu pemberitahuan daripada YB. Pulau Tikus. seperti mana yang telah pun dibacakan oleh YB. Pulau Tikus dengan tujuan untuk membuat satu pindaan terhadap fasal yang ke-9 yang bersabit dengan keanggotaan perbadanan (e) yang telah pun

dibacakan oleh YB. Pulau Tikus. Maka dengan ini, selaras dengan peraturan saya ingin menguruskan cadangan untuk pindaan ini terlebih dahulu. So rakan-rakan Yang Berhormat, pindaan telah pun dikemukakan oleh YB. Pulau Tikus. Saya ingin menguruskan pindaan tersebut supaya adakah dia diterima ataupun ditolak. Saya ingin menguruskan cadangan pindaan daripada YB. Pulau Tikus terlebih dahulu sebelum kita pergi ke Rang Undang-Undang.

Maka saya nak minta Ahli-ahli Yang Berhormat, bersabit dengan pindaan yang telah pun dicadangkan iaitu meminda dari Fasal 9(e) di mana dibaca 'tidak lebih daripada 20 orang anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk....' dipinda dari 'tidak lebih daripada' ke 'sekurang-kurangnya' dua (2) orang anggota yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan botani, hortikultur ataupun kepakaran yang bersesuaian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin dapat pandangan dan sila Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bahas ke atas pindaan ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang di-Pertua, sebenarnya Taman Botani Pulau Pinang seperti banyak Taman Botani di Negara Malaysia sudah lama tidak memainkan peranan yang seharusnya bagi sebuah Taman Botani. Maka usaha yang dan cabaran yang amat tinggi perlu di atasi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang jika kita ingin menjadikan Taman Botani Pulau Pinang ini sebagai Taman Botani yang selaras dengan objektif dan fungsi perbadanan yang telah pun dinyatakan di sini. Oleh kerana cabaran adalah begitu tinggi, maka pengetahuan dan kepakaran, kemahiran dalam bidang botani....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Pulau Tikus, tadi saya sudah bacakan. Saya akan membolehkan Ahli Yang Berhormat Pulau Tikus untuk bagi pandangan nanti bila kita sampai ke bacaan kali yang ke-2 di mana fasal demi fasal. Cuma saya nak maklum kepada Dewan bahawa saya terima satu pindaan daripada YB. Pulau Tikus bersabit dengan Fasal 9(e) itu. So, sebelum ke bacaan kali yang ke-2, masih lagi kita bahas terlebih dahulu. Saya minta maaf. Sila, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya juga turut ingin serta dalam perbahasan dalam memberi pandangan tentang Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri Botani Pulau Pinang 2017. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-Undang ini di atas alasan-alasan seperti berikut. Taman Botani ini merupakan satu tempat yang menjadi tumpuan ramai. Keseluruhan rakyat Pulau Pinang menggunakan Taman Botani ini untuk tujuan-tujuan sendiri. Ada yang pergi sana bersenam, saya sendiri pergi sana untuk bersenam. Ada yang pergi sana untuk berkelah bersama-sama dengan keluarga. Ada yang pergi sana untuk mengambil gambar semasa upacara perkahwinan dan sebagainya dan ramai juga yang pergi sana untuk hanya duduk dan menikmati alam sekitar, terutamanya warga emas. Saya mendapati bahawa kadang-kala Taman Botani ini dalam keadaan yang tidak terurus. Terdapat juga rungutan-rungutan daripada para pengunjung ke Taman Botani ini tentang tahap kebersihan Taman Botani ini. Keselamatan di Taman Botani ini, saya rasa masih ada lagi yang mungkin ingat satu kejadian yang menimpa seorang pelancong yang telah datang untuk bersiar-siar di Taman Botani ini di mana terdapat satu ranting pokok yang begitu besar yang jatuh ke atas beliau yang menyebabkan beliau meninggal dunia di Taman Botani. Kita tidak boleh menyalahkan pekerja-pekerja yang bekerja di Taman Botani ini. Tetapi saya yakin seperti yang telah dimaklumkan oleh YB. Ahli Kawasan Dewan Undangan Negeri Datok Keramat. Penubuhan Perbadanan ini akan dapat memantapkan pengurusan dan juga perkara-perkara yang berkenaan dengan Taman Botani ini.

Saya yakin sejak kebelakangan ini Kerajaan Negeri dituduh dengan macam-macam tohmahan bahawa kita tidak prihatin kepada alam sekitar, tidak menjaga alam sekitar, menjalankan bangunan yang tidak terkawal, menjalankan pembangunan di lereng bukit dan sebagainya. Ini merupakan satu jawapan dan usaha murni oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dan saya merujuk kepada Dewan yang mulia ini kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menyatakan kerisauan mereka, kegusaran mereka dalam tidak menyokong Rang Undang-Undang ini. Pertamanya berkenaan dengan umur Kurator yang telah dibangkitkan oleh YB. Penanti. Saya rasa umur tidak menjadi isu...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Saya bukan kata. Saya kata kebergantungan. Itu yang saya kata.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Biar saya habis dulu Yang Berhormat. Umur tidak menjadi isu. Saya rasa lebih tua seseorang, beliau akan menjadi lebih mahir dalam sesuatu bidang, Perkara yang dibangkitkan oleh YB. Penanti dengan segala hormatnya saya rasa tidak begitu relevan kepada isu yang dibangkitkan. Dan berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong berkenaan dengan keanggotaan perbadanan. Saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Seksyen 9 (1), terutamanya Seksyen 9 (1) C dan E. Dalam Seksyen 9 (1) C ia adalah berbunyi seperti berikut, "Tiga (3) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, dan Pegawai Kewangan Negeri". Selain daripada itu juga Seksyen 9 (1) E telah memperuntukkan tidak lebih daripada 20 orang anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk tidak lebih dari dua (2) anggota yang mempunyai kepakaran dalam Pengurusan *Botanic Agriculture* atau kepakaran yang bersesuaian. Saya fikir dalam sikap keterbukaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah mengamalkan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus, sesiapa yang berminat untuk menjadi ahli perbadanan ini bolehlah memohon. Dan saya yakin sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi Ahli atau Dewan Undangan Negeri di Kawasan tertentu seperti YB. Kebun Bunga, YB. Penanti, YB. Balik Pulau sendiri atau YB. Pulau Betong. Sekiranya begitu berminat untuk memberi sumbangan untuk menjadikan Taman Botani ini bertahap antarabangsa untuk menarik perhatian, menarik pelancong-pelancong kita bolehlah memohon untuk menjadi ahli dalam Taman Botani ini. Dalam perbadanan ini. Saya juga yakin bahawa NGO-NGO yang selalu suka memeluk pokok, yang selalu menghentam Kerajaan, akan menerima baik cadangan-cadangan yang telah dibuat dalam peruntukkan undang-undang ini dan saya yakin juga ADUN-ADUN dalam Dewan Undangan Negeri ini yang mencintakan alam sekitar, yang mencintakan alam sekitar, sampai sanggup berpuasa dari 7 pagi sampai 7 malam juga akan menyokong undang-undang ini. Dan saya rasa ini adalah satu undang-undang yang begitu baik. Tidak ada sebabnya kita ingin membantah. Kalau kita mencintakan alam sekitar, memelihara alam sekitar dan kita begitu beria-ria menonjolkan diri bahawa kita adalah orang yang membela alam sekitar. Ini adalah undang-undang yang begitu cocok sekali untuk kita memastikan Taman Botani Pulau Pinang menjadi Taman Botani yang akan menarik pelancong dan bertahap antarabangsa.

Akhir kata Seri Delima menyokong penuh Rang Undang-Undang ini. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Boleh saya jawab tak apa yang dia sebut tu?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini adalah sesi perbahasan. Sila Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Dengan *point-point...*(dengan izin), sekali saya ucap dengan bahasa Inggeris juga okey. Taman latar belakang. Taman Botani Pulau Pinang ialah Taman Botani yang tertua di Malaysia iaitu berusia lebih daripada 130 tahun. Ini Rang Undang-Undang ini menyaksikan kalau Rang Undang-Undang ini ditubuhkan memang ini kena membatalkan Enakmen Taman Botani Pulau Pinang. Enakmen No. 11 iaitu *Penang Waterfall Garden Enactment 1923*. Ini Enakmen kena *repeat*. Saya pun tak pasti bolehkah kita *refill* Enakmen untuk tahun 1923 Enakmen *Penang Waterfall Garden Enactment* sebelum kita *repeal* ini bolehkah kita tubuh lagi satu Enakmen itu satu isu segi perundangan. Taman Botani juga dikenali sebagai *Waterfall Garden* satu-satunya Taman Botani yang kedudukan di pinggir bandar. Taman Botani mempunyai keluasan 72 ekar daripada keseluruhan 502 ekar. Merupakan tempat rekreasi untuk semua lapisan masyarakat untuk menjalankan aktiviti jogging, bersantai, berkelah dan sesi fotografi terutama sekali di hari minggu. Kepentingan Taman Botani Pulau Pinang menjadi tempat beberapa kumpulan tai-chi menjalankan senaman dari hari Isnin hingga Jumaat, menjadi tempat tarian zumba, menjadikan tempat penduduk flat menjalan aktiviti riadah dan keluarga untuk membina gaya hidup sehat, merupakan dengan keindahan flora dan fauna, menjadi tempat anak-anak muda menjalankan pelbagai aktiviti seperti jogging, berbasikal dan mendaki bukit dan sebagainya.

Isu pengkorporatan Taman Botani Pulau Pinang. Taman ini ialah milik penduduk Pulau Pinang setelah pengkorporatan boleh dijual kepada sesiapa sahaja. Taman ini jadi menjadi tempat masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana rendah menjalankan aktiviti riadah dan kekeluargaan memandangkan kebanyakan golongan ini tinggal di rumah kos rendah atau flat yang sesak dengan kekurangan ruang untuk menjalankan pelbagai aktiviti. Jika Taman Botani dikorporatkan dengan bayaran masuk pasti akan menjadi satu batu, satu penghalang kepada golongan membina gaya hidup yang sihat.

Lebih-lebih meningkatkan kos sara hidup. Warga emas yang merupakan pesara dan dikenakan bayaran untuk menjalankan aktiviti tai-chi pasti akan memberikan gambaran buruk di kaca mata masyarakat. Pengkorporatan taman ini akan mendorong kepada projek pembangunan di Taman Botani dengan Bukit Bendera untuk menjadi tempat tarikan pelancongan asli. Kebimbangan ialah keindahan alam sekitar akan dikorbankan untuk projek pembinaan hotel, chalet, kafeteria, kereta kabel dan sebagainya. Hari ini penduduk boleh menggunakan Taman Botani tanpa sebarang limitasi. Tetapi dengan pengkorporatan pasti akan menghadkan bilangan pengunjung. Membuka ruang kepada komersial papan tanda iklan mencatatkan keindahan alam semula jadi. Ada satu kajian di buat di sini, di UPM ini kajian tunjukkan apabila *you* korporatkan memang biodiversiti mestiancam. Biodiversiti boleh kurang dan boleh *be affected*. *The biodiversity will be affected the evidences from 421 countries whenever you open it up as a place for tourism and this evidence is incontrovertible because it is research paper by UPM and this printed in a journal. I can pass it to whoever wants including Seri Delima.*

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Belum. Ada banyak lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendekkan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T Jayabalan A/L A. Thambyappa):

No. No. It is very big issue, okay. Pengkorporatan taman ini juga akan kena menggagalkan usaha dan inisiatif setengah sukarelawan yang menjaga kebersihan dan keceriaan kawasan taman. Pengkorporatan Taman Botani akan menghalang golongan sukarela mengakses ke taman itu. Prinsip *Public control over public resources* tidak diwujudkan lagi. Peningkatan kos pengurusan akan jejakkan kecekapan dan produktiviti. *Administrative cost will definitely go up* kalau *you* banding dengan Penang Hill, Bukit Bendera apabila sebelum korporatkan, 15 pekerja sahaja. Lepas korporatkan 89 pekerja. Bermakna *administrative cost* akan bertambah. *Its enough evidence to say administrative cost to go up and* Kerajaan Negeri hari ini hanya pemegang amanah segala aset milik penduduk dan tidak berhak untuk membuat sebarang keputusan untuk generasi yang akan datang. Ini bukan untuk generasi-generasi dulu, generasi sekarang dan generasi yang akan datang. Memang kita yang pegang amanah, *we have to look into future generation and any attempts to corporatize this solve of public part the rest, And more avidence to be one seculate on the commons and the issue of corporatize has got serious reportation and remember refer to NGO, I have been talking a lot of NGO. So far not have any feedback from NGO saying they welcome the corprotization. So this is another isu yang kita hadapi remember we have facing an election we attempt to antagonize the public was important issue I think reputation have going to be serious .*

Tugas Kerajaan Negeri adalah untuk menggalakkan orang ramai untuk berkunjung ke Taman Botani untuk membina gaya hidup sihat kalau dikorporatkan bilangan pengunjung pasti akan dikurangkan kerana bayaran dikenakan. Cuba siasat dan buat kajian, soal selidik beberapa orang penduduk di Pulau Pinang yang berkunjung ke Bukit Bendera, Taman Rama-Rama, dan Taman Burung-Burung yang telah dikenakan bayaran. Saya cadang *the must be public consultation I think is very important the public consultation because the public large mix be inform public consultation.* Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Batu Uban. YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya berdiri menyokong usul dengan pindaan dan ingin membahaskan Rang Undang-Undang secara umum.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pindaan fasa itu nanti kita akan pinda dalam, bila waktu masuk dalam jawatankuasa.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Perbahasan secara umum.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, sila.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya Rang Undang-Undang ini memenuhi secara penuh cadangan daripada Rancangan Khas Taman Botani. Rancangan Khas Taman Botani mengikut undang-undang telah pun melalui proses penuh Pendengaran Awam. Semasa proses penuh Pendengaran Awam Deraf Rancangan Khas tersebut telah dibentangkan untuk orang maklumat orang awam dan maklumbalas mereka telah pun diterima.

Pada masa itu, satu Panel Pendengaran dan Siasatan telah pun dilantik, Ahli Panel tersebut merangkumi saya, pada masa itu belum jadi Ahli Dewan Undangan Negeri, bersama dengan Tengku Edora, iaitu salah satu pengasas *Fans Of Botanic Garden* dan juga pernah menyandang jawatan Pengarah Taman Botani. Ahli yang satu lagi adalah Prof. Francis Loh yang juga dikenali sebagai ahli salah satu pengasas Aliran. Ketiga-tiga kami pada masa itu telah meneliti Pengurusan Taman Botani, cabaran-cabaran, masalah-masalah yang telah dihadapi dan membuat siasatan melalui lawatan dan temuduga dengan Taman Botani di Singapura dan juga Kew Botanic Garden di Negara United Kingdom. Kami juga banyak mengadakan perbincangan dengan penjawat-penjawat awam Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk memahami situasi Taman Botani di seluruh negara dan juga situasi di Negeri Pulau Pinang ini.

Antara cabaran-cabaran yang paling susah ditangani di Taman Botani Pulau Pinang adalah satu, pengambilan pekerja seperti telah dinyatakan oleh YB. Datok Keramat tadi perlulah, *you know*, berasaskan garis panduan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Jabatan Perkhidmatan Awam hanya mengambil pekerja mengikut kategori-kategori dan statifikasi-statifikasi yang ada dalam sistem mereka. Maka, pengambilan pekerja untuk Taman Botani yang menguruskan penanaman pokok dan tumbuhan tersebut kebanyakannya adalah daripada Jabatan Pertanian. Mereka adalah kelulusan pertanian, namun tanam padi, tanam sayur adalah berbeza daripada taman bunga dan konservasi bunga dan *archiving – archiving* multi-kultur dan sebagainya. Tambahan lagi sesungguhnya dengan sedaya-upaya Pengarah Taman Botani cuba untuk menjadikan Taman Botani Negeri kita berjaya tetapi dia tidak mempunyai kuasa untuk membuat penguatkuasaan untuk mendenda. Motosikal naik masuk Taman Botani, orang curi pokok, curi bunga tetapi pekerja Taman Botani tiada kuasa untuk menghalang mereka, mereka tiada peraturan untuk digunakan untuk membuat denda di Taman Botani agar orang tidak boleh curi pokok...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon penjelasan. Saya nak tanya Perbadanan Bukit Bendera bersebab YB. Pulau Tikus sebut pasal dia tak ada kuasa sebab dia bukan, dia tak ada kuasalah, dia *just* jabatan kerajaan tetapi Perbadanan Bukit Bendera selepas di Perbadankan pada 2009 mempunyai kuasa tetapi kenapakah pada Mei, 16, 2017 pada masa kini keluarkan Laporan PAC berkenaan dengan pencerobohan Bukit Bendera. Kenapakah Perbadanan Bukit Bendera tidak membuat penguatkuasaan terhadap pencerobohan yang dilakukan?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya rasa itu soalan lain. Saya akan teruskan dengan perbahasan saya. *It means* tak boleh dituju kepada saya. Untuk meneruskan perbahasan saya, satu adalah pengambilan pekerja, dua adalah penguatkuasaan dan ketiga juga jarak daripada Pusat Pentadbiran Negeri kita iaitu di KOMTAR berbanding dengan Taman Botani juga jauh jadi agak sukar untuk Negeri, *you know*, tadbirkan Jabatan Taman Botani ini adalah satu sebab mungkin akan menyenangkan pentadbiran jika dia jadikan satu perbadanan sendiri dan tambahan pula tadi saya ada mula menyatakan bahawa cabaran Taman Botani adalah amat tinggi kerana peranan yang paling utama dalam mana-mana Taman Botani yang *genuine* benar-benar Taman Botani adalah untuk mengenalpasti dan mengenali apakah tumbuhan-tumbuhan yang asal, *native*, kepada rantau mereka kawasan mereka haruslah menjadi pakar bagaimana agar memelihara tumbuhan tersebut agar tidak *extinct* menjadi lenyap terus. Maka keperluan ini bukan sahaja daripada pengambilan kemahiran dan mungkin kemahiran juga adalah terhad di negara kita. Latihan perlu dibuat rangkaian dan perhubungan dengan Taman Botani–Taman Botani lain di Negara lain dibuat. Maka rangkaian dengan perhubungan dengan Taman Botani lain boleh dilakukan dengan lebih efektif dan senang, boleh memainkan peranan mereka dengan lebih senang jika Perbadanan Taman Botani ini ditubuhkan daripada ia diuruskan sebagai salah satu Jabatan Kerajaan sahaja kerana ia merumitkan proses.

Untuk menjayakan semua itu, ia *at the end of the day...* (dengan izin) *moneys make the world go round*, perbelanjaan diperlukan untuk latihan rangkaian dan sebagainya. Maka, semua Taman Botani pun tidak boleh menafikan bahawa mereka perlu ada kebolehan untuk mengutip derma untuk mendapat punca pendapatan untuk organisasi mereka. Taman botani-taman botani di negara lain menggunakan cara lain untuk mendapatkan wang. Ada yang di dalam keseluruhan Taman Botani mereka ada tempat-tempat tertentu yang disewa keluar, untuk konsert, untuk perkahwinan ataupun pada hari-hari tertentu, masa tertentu ada aktiviti besar-besaran, sambutan besar-besaran yang diadakan di Taman Botani yang diuruskan agar dia sesuai dengan keperluan Taman Botani tersebut, ataupun ada Taman Botani yang menguruskan restoran dia sendiri dan ini juga merupakan peluang pendapatan untuk restoran.

Maka saya telah membaca Rang Undang-Undang ini dengan teliti untuk mengenalpasti kerisauan ramai kawan-kawan saya di luar itu sama ada dengan Rang Undang-Undang ini adakah orang awam yang pergi jogging di Taman Botani akhirnya perlu membayar wang. Mengikut bacaan saya di Rang Undang-Undang ini tidak menyatakan bahawa yuran masuk akan dikenakan. Rang Undang-Undang ini hanya memberi kebolehan kepada Perbadanan ini untuk buka restoran mungkin boleh dapatkan pendapatan, mungkin tempat-tempat tertentu disewa keluar untuk perkahwinan ataupun konsert seperti saya menyatakan tadi. Jika kebolehan untuk mengenakan yuran tidak diberikan kepada perbadanan ini, maka Taman Botani Pulau Pinang tak kira siapa nak sewa pun kena berikan secara percuma. Maka, saya berharap bahawa dengan sesungguhnya sesiapa yang mengambil alih sebagai Ketua Menteri pada masa-masa depan mereka masih perlu menjawab kepada rakyat, mereka masih kepada rakyat tidak bermaksud bahawa pada masa hadapan siapa-siapa Ketua Menteri jika ingin mengenakan yuran untuk masuk kepada Taman Botani dia tidak perlu jawab kepada rakyat. Jadi saya rasa tidak perlu risau kerana yang ada di sini tidak menyatakan bahawa 100% Taman Botani akan mengenakan yuran masuk dan jika dia kenakan yuran masuk, 20 anggota badan Taman Botani inilah pada masa tersebut yang perlu menjawab. Bagi kelulusan Rang Undang-Undang ini saya rasa dia tidak perlu menghalang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih kepada YB. Pulau Tikus. Seterusnya ada lagi penggulangan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, YB. Dato' Speaker. Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana diberi peluang untuk berbahas perkara ini. Secara ringkas Rang Undang-Undang Dato' Yang di-Pertua Dewan yang baru diperkenalkan ini adalah Rang Undang-Undang untuk perbadanan, (dengan izin)...meng*corporatized*, korporatisasikan Taman Botani. Dan juga di bawah Seksyen 3 satu Rang Undang-Undang ini memberi hak, merizabkan mana tanah Negeri termasuk apa-apa tapak tanah yang dipantau atau dirizabkan. Maksudnya jikalau Rang Undang-Undang ini diluluskan mana-mana tanah Negeri boleh diterasingkan dan diperuntukkan untuk perkara ini untuk menjadi taman, (dengan izin)...*alienated and allocated*. Pertama sekali hasrat saya YB. Dato' Speaker, tak ada percanggahan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memanfaatkan rakyat untuk memberi lebih keberkesanan atas mengendali Taman Botani ataupun juga apa-apa tapak tanah yang akan dimenjadikan satu taman, tapi hasrat saya petang ini adalah menimbulkan ataupun menyalakan (dengan izin)...*highlight* mengenai *drafting* mengenai penggubalan Rang Undang-Undang yang di depan kita ini. Kekhawatiran khasnya, dengan singkat dan pendek kata adalah mengenai beberapa klausa, beberapa *section...* (dengan izin) mengenai Rang ini yang di dalam pandangan saya adalah memberi lebih kuasa kepada pihak korporat yang mungkin dalam keadaan yang kurang pemantauan mungkin akan menjejaskan kepentingan rakyat Pulau Pinang.

YB. Dato' Speaker, saya minta membuat satu contoh memberi satu contoh di dalam Dewan yang mulia ini, menggambarkan Fort Cornwallis, Padang Kota, sebelum itu bila saya masih budak, saya tinggal di dekat Padang Kota, Esplanade dan tiap-tiap kali saya boleh memanjat ke atas kubur, kubu, minta maaf, kubu, untuk bermain di atas, tetapi sekarang jikalau saya nak pergi, saya mahu pergi ke tempat ini, saya kena bayar ini akibat juga korporatasasi untuk anak cucu dan orang Pulau Pinang, untuk orang Pulau Pinang sekarang, mereka kena bayar. Yuran yang dinyatakan tadi oleh YB. Pulau Tikus, YB. Pulau Tikus kata setahu beliau yang baca, di dalam Rang Undang-Undang ini, tak ada mana-mana tempat menyatakan yuran kena dibayar oleh orang yang melawati Taman Botani pada masa depan selepas Rang Undang-Undang ini diluluskan. Tetapi ia juga tidak mengatakan tak ada yuran. So, kes saya, di dalam saya nak *highlight* kan, menyalakan, beberapa sahaja, pendek sahaja. Pertama sekali maklumat dan notis amatlah pendek, kita memberitahu kepada kerajaan bahawa apabila Rang Undang-Undang dibawa ke Dewan yang mulia ini, sila pohon berikan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan dengan lebih awal supaya kita boleh meneliti. Pendek kata, saya amat kesal berdiri di sini. Tidak selesa juga kerana pada peringkat ini kita dipaksa untuk meluluskan satu Rang Undang-Undang yang diberi kepada pihak-pihak ADUN-ADUN *backbenchers* hanya beberapa hari sebelum Dewan dimulakan. Bagaimana dengan

kita untuk meneliti seksyen 70 atau 80 ini tanpa juga (dengan izin) penglibatan orang awam di kawasan, YB. Dato' Speaker, di kawasan saya selepas mengetahui bahawa korporatisasi Taman Botani dan tapak yang lain. Selepas mengetahui Rang Undang-Undang ini (dengan izin)... *constituent call me up* mereka telefon saya datang ke tempat pejabat saya meminta supaya saya bawa satu mesej kepada Dewan yang mulia ini. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri saya tidak mampu tidak boleh berfungsi dengan tiga (3), empat (4) ataupun lima (5) hari notis di mana Rang Undang-Undang diberi kepada kita. Saya juga dalam perbincangan mesyuarat dengan pihak kerajaan EXCO bahawa kita minta lebih masa untuk meneliti.

Saya balik kepada YB. Pulau Tikus yang mengatakan ada proses penuh pendengaran awal. Saya hendak tanya bila proses itu. Tahun mana abad ini ataupun abad yang lalu. Saya hendak tanya YB. Pulau Tikus maklum mana balas dari siapa, berapa? Sepuluhkah? Tigakah? 3,000 kah? Tahun bila? Saya juga hendak tanya kepada kerana saya ada kepentingan demi rakyat di kawasan Kebun Bunga ini. Saya juga hendak tanya berapa yang telah diberitahu mengenai korporatisasi ini untuk maklumat Dewan yang mulia ini mungkin ada yang tidak berapa faham Rang Undang-Undang ini kerana tidak baca. Saya hendak bawa satu seksyen, Seksyen 54 juga. 54 mengenai *prosecute, power of prosecution....* (dengan izin) jikalau hujahan tadi YB. Pulau Tikus mengatakan *enforcement...*(dengan izin) melaksanakan undang-undang adalah sukar dan oleh itu terpaksa ada Rang Undang-Undang ataupun korporatisasi ini yang sendiri di dalam Rang Undang-Undang ini Seksyen 54 menyatakan berhasrat dan dideraf, ditulis dibuat bahawa Korporat Taman Botani tiada berkuasa untuk melaksanakan jikalau ada kes jenayah. Jikalau ada baca ia tentu tahu jikalau ada baca kesemuanya seperti yang ia kata ia tentu tahu. Ada lagi banyak tapi saya hendak pendek kata, saya tidak mahu ambil masa yang panjang notis pendek.... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Padang Tembak. Saya YB. Padang Kota. Biar saya siapkan....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jangan tembak buta-butanya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Kerana tidak ada momentum. Saya hendak cepat *finish the all thing....* (dengan izin) *sorry* saya minta maaf. Mengenai isu Singapura tadi ada dinyatakan oleh YB. Datok Keramat bahawa Singapura telah dijelajah oleh kumpulan kita dan pergi ke sana dan kita ada banyak maklumat yang diberi kepada kita. Saya sendiri pun banyak pergi ke banyak *botanical* termasuk di Australia, di Eropah, banyak lagi tapi saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini YB. Dato' Speaker, adalah Pulau Pinang Taman Botani sejarah saya tidak payah menyebut sudah sebut oleh banyak tapi Pulau Pinang Taman Botani bersangkut-paut berdekatan dengan gunung yang tinggi, ia bukan seperti Taman Botani di Singapura, *sorry*, bukit minta maaf ia bukan seperti Singapura tertinggi pun 500 kaki sahaja tidak ada 2777 kaki yang tertinggi berdekatan dengan bukit dengan Taman Botani. Kawasan Taman Botani ia cukup (dengan izin) khas dan *special* istimewa. Ini istimewa kerana dan juga penting dan juga amat berstrategi kerana YB. Dato' Speaker, Taman Botani tidak sama dengan banyak Taman Botani di Brisbane, New York nama tidak nama di California di banyak tempat dia Taman Botani kita tempat *water catchment area*, itulah salah satu sebab orang British datang tidak memilih Phuket tetapi memilih Pulau Pinang. Phuket dan Pulau Pinang bersaing apabila saya hendak pendek kata bersaing untuk sebagai satu tempat strategik *military* tetapi Pulau Pinang menang kerana Taman Botani. Taman Botani ada sumber air yang terjernih, bermutu, berkhasiat dan mereka gunakan Jalan Burma untuk menyalurkan air ke Jeti. Ini sejarah tetapi maksud saya Taman Botani tidak seperti Taman Botani yang banyak negara yang lain kerana ia Taman Botani yang ada bukit ataupun gunung yang tinggi dan juga perlindungan haiwan yang cukup banyak dan kerana *water catchment* dan juga fauna dan apa lagi.

Tetapi untuk melindungi semua ini bukan asas bukan (dengan izin)....*cut all the matter* bukan yang penting yang bukannya saya hendak bincangkan di sini. Tadi banyak bunga-bunga retorik di dalam Dewan ini tetapi apa yang penting di sini adalah sistem yang kita kena sempurnakan adalah bagaimana kita mendrafkan, menulis, menyiapkan Rang Undang-Undang ini.

Dengan ini saya masuk ke apa yang penting. Isu yang Kedua, berkeperluan untuk berunding dengan awam. Jadi saya sudah tanya tapi saya rasa jikalau tidak silap *I stand to be corrected*....(dengan izin) perundingan awam penting dan perlu dibuat dengan secara meluaskan dan juga dan pada masa ini bukan pada abad yang lalu ataupun dengan tiga puluh orang murid-murid di satu sekolah sahaja berbekalkan jikalau *you* hendak seseorang ADUN ataupun sesiapa bekalkan keterangan yang cukup jangan kata oh, sudah dibuat, oh tiga orang sudah sains, *the questionnaire* Pulau Tikus saya sudah buat. Bukan macam itu. Kita Profesor Francis Loh tanya sebelum ini bagitahu kepada ADUN Kebun Bunga yang meliputi kawasan itu apa yang laporan ini membekalkan laporan.

Due process of law...(dengan izin) YB. Dato' Speaker, proses terlibat dengan pihak kepentingan dan pihak yang berkepentingan untuk mengumpulkan input mereka bertukar pandangan mencapai persefahaman umum adalah penting di dalam proses ini. Saya tidak hendak panjang lebar tetapi jikalau tanpa proses ini siapa yang membuatkan keputusan untuk Rang Undang-Undang ini saya hendak tanya mungkin tidak ada jawapan dari sini mungkin ada saya hendak tanya semua EXCO, siapa yang memastikan meluluskan Rang Undang-Undang ini dan yang mengatakan korporat perbadanan proses ini adalah terbaik untuk Taman Botani. Adakah cara yang lain yang YB. Dato' Speaker, jikalau ada sesiapa yang berhujah yang menyatakan bahawa hanya korporat boleh menyelamatkan Taman Botani. Jikalau ada yang sebut sebegini saya hendak tanya ada cara yang lain kah? Jikalau ada yang mengatakan sebagai kerajaan kerana proses pengawalan Taman Botani pada peringkat ini tidak berkesan oleh itu kita terpaksa berubah kepada cara korporat. Bolehkah saya tanya dengan sistem di dalam deraf ini di mana struktur masih adalah pegawai kerajaan termasuk Ketua Menteri sebagai Pengerusi apa bezanya dengan sistem sekarang di mana Taman Botani wujud dan dengan cara korporat. Jikalau korporat sebuah korporat perbadanan boleh mengupah pihak pakar untuk buat kerja yang berkesan kenapa Kerajaan Negeri sebagai (dengan izin)....*state authority* tidak boleh ubah yang berkesan untuk buat untuk penjelasan kesemua rakyat Pulau Pinang apa yang tidak sama mengenai korporat dan satu jabatan yang dikendalikan oleh Kerajaan Pulau Pinang atau kerajaan sebuah negeri adalah (dengan izin)....*legal structure* dia.

Saya hendak jelaskan ini amat penting YB. Dato' Speaker, rangka undang-undang di dalam korporat berdasar kepada *company law* iaitu perniagaan, *management*, pengurusan, *profit* dan *share holding*....(dengan izin) saham tapi di sebelah sana struktur sebuah jabatan berkesan atau tidak ini masalah satu lagi tapi struktur jabatan ini dia *the magic word accountability* dengan saham korporat dia akaun kepada korporat dengan jabatan dia akaun kepada rakyat kerana kerajaan masih mengendali. Memang adanya penghujahan, pertikaian *emphasis* yang kata korporat lebih bagus dan pengendalian awam lebih bagus *public management* ataupun *private* diswastakan. Tapi tanpa menghilangkan fokus kita bukan mengenai bagaimana berkesan mengendali botani yang saya mahu memberitahu kepada Dewan yang mulia ini adalah mengenai proses kita buat dan mengenai akibat Rang Undang-Undang ini diluluskan yang saya khawatirkan kerana di dalam Seksyen 6, Subseksyen 4, Subseksyen C (dengan izin) YB. Dato' Speaker, khasnya mengatakan permintaan penyerahan hak semula memulangkan, menggadaikan, banyak lagi hak boleh diberi dikeluarkan oleh perbadanan mungkin untuk yang pihak yang kurang faham khasnya (dengan izin)....*the cooperation may upon such term it teams* ini Seksyen 6, subseksyen (4), subseksyen (c) *convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer and otherwise dispose of or deal with movable and immovable property*. Memang di dalam satu pelaksanaan rangka undang-undang di dalam sesebuah negeri ataupun sesebuah korporat ataupun sesebuah syarikat dia memang ada seksyen macam itu...(dengan izin) YB. Dato' Speaker, tetapi apa yang saya khawatir sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Kebun Bunga adalah mengenai hak yang boleh di *transfer* diagihkan dikeluarkan, diberikan kepada pihak ketiga.

Masalah YB. Dato' Speaker, masalah yang kita hadapi hari ini masalah yang kita hadapi hari ini adalah mengenai harta tanah ataupun hartanah awam, *public* kadang-kadang di dalam pengendalian *management* ataupun pengurusan melalui cara undang-undang *legal structure* disalurkan dengan niat baik disalurkan kepada pihak kedua kemudiannya ke pihak ketiga. Saya meneliti Seksyen 36 juga di dalam Rang Undang-Undang ini YB. Dato' Speaker, mengatakan bahawa tidak ada pendek kata tidak ada hartanah beralih dan hartanah tidak beralih *move on and not move on property* boleh disalurkan ataupun dikeluarkan atau pun *disposes off* tanpa keizinan kerajaan ini memang falsafah dan juga seksyen yang bagus yang diterapkan di sini tetapi jikalau *you* memandangkan Seksyen 1 Subseksyen 4c dia memberikan satu hak kepada korporat untuk menyalurkan hak rakyat, tanah rakyat, amanah rakyat kepada pihak ketiga dengan lebih keluasan pendek kata, *you can give*...(dengan izin) boleh beri 10% tetapi yang hak untuk (dengan izin).... *disposes off* oleh pihak kerajaan adalah mungkin 80% sahaja. Maksudnya amanah yang dipegang oleh sesebuah kerajaan telah diagih kepada korporat kemudiannya mungkin saya bukan berhasrat negatif tetapi mungkin di dalam struktur diabaikan disalahgunakan. Jadi, tanggungjawab kita sebagai ADUN adalah khasnya sebagai ADUN yang berpelajaran undang-undang

adalah memastikan menegur dengan sesungguhnya dengan ikhlas dengan hasrat yang baik kepada kerajaan supaya rang undang-undang ini satu tidak boleh diluluskan dengan secara neglect full dengan izin macam ohh beri tiga (3) hari *you* baca kemudiannya balik dan lulus itu sahaja kerana kita pegang amanah yang cukup besar untuk Pulau Pinang dan masa depan anak cucu Pulau Pinang. Oleh itu, saya tak mau panjang lagi ada banyak lagi...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendekkan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Pendekkan, saya buat kesimpulan, saya mintalah jikalau boleh kita halusi dan telitikan seksyen-seksyen sebelum dan berikan mesti saya nak *emphasize....(dengan izin)* berikan ADUN tempatan peluang untuk mengetahui perkara ini jangan 3 hari, 4 hari sebelum itu baru bagitau dan untuk diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Berapa kali kita kena bagitau kepada dewan ini supaya maklumat ADUN sebagai wakil rakyat adalah suci adalah penting kerana kita bertanggungjawab dengan rakyat dan 3 hari, 4 hari, *no....(gangguan)*.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta penjelasan Dato' Speaker, *I must give* penjelasan, *sit down*. Kita sedang berbahas dan kita tidak mahu buat apa-apa tuduhan kerana ini adalah menyalahi peraturan so kita boleh berbahas. *Let me finish the lawyer you are standing first*. Yang Berhormat saya minta maaf jadi saya minta Yang Berhormat untuk, YB. Dato' Speaker, kita perlu mematuhi peraturan dewan, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh YB. Kebun Bunga adalah saya rasa tak berasas langsung....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya ingin mengungkit peraturan-peraturan...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Dato' Speaker, *is this the way to try to stop me?....(gangguan)*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga juga bukan 3 hari, 4 hari lah kalau ikut peraturan mesyuarat anda sudah....(gangguan). Sila-sila bagi habiskan, Yang Berhormat bagi finishlah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya hanya nak menyatakan cukup kesal bukan kerana ini Kebun Bunga saya kena jawab dan saya akan buat kesimpulan saya hanya mintalah dengan ikhlas dengan sesungguhnya bahawa kita boleh dapat satu solusi yang sempurna dan baru kita boleh jawab kepada rakyat jelata bagaimana yang memang ada kebaikan cadangan ini hanya proses ini kena dibuat dengan lebih cantik lagi dan saya hanya harap dalam rang undang-undang ini boleh *reviser* atau disemak semula dan juga dengan proses pendengaran awam yang betul dan bukan dengan laporan dan baru boleh diluluskan, terima kasih YB. Dato' Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat penjelasan, tadi kata tak mahu diganggu sekarang tadi Yang Berhormat menggunakan Perbadanan Bukit Bendera sebagai perbandingan isu berhubung dengan kuasa untuk mendakwa. Isu kuasa untuk mendakwa boleh Yang Berhormat sebagai peguam menyatakan selain daripada keizinan pendakwaraya mana-mana badan ada hak untuk mendakwa atau tidak?...(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Bukan saya tak nak jawab kerana ini kelirukan Dewan tadi saya kata..ya..ya kelirukan Dewan saya gunakan ini Seksyen 54 yang saya gunakan yang di deraf disini Rang Undang-Undang Botani bukan Bukit Mertajam pula Bukit Bendera yang ini seksyen 54 *you can go and reading you* boleh baca...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan Peraturan 46 13c "Menggunakan Perkataan-Perkataan Yang Menyakitkan Hati". Tadi dia telah mempersoalkan kejujuran saya sama ada pendengaran awam telah dijalankan untuk Rancangan Khas Taman Botani dan dia menyindir saya bahawa jangan kata apa budak-budak sekolah beberapa orang di Pulau Tikus diambil untuk pendengaran awam. Jadi saya rasa saya perlu jawab soalan-soalan tersebut....(gangguan). Soalan dikeluarkan oleh anda untuk makluman oleh Dewan yang mulia ini, Rancangan Khas Taman Botani telah mula digubal pada tahun 2011, publisiti dan penyertaan awam dalam deraf Rancangan Khas Taman Botani ini berlangsung daripada Januari hingga Mac tahun 2012. Susulan daripada itu, pihak kerajaan telah menerima 110 maklum balas daripada orang awam daripada 110 maklum balas ini kesemua mereka dijemput untuk menghadiri mesyuarat di mana satu persatu Jawatankuasa Siasatan akan berbingang dan bertanya mendalami kerisauan dan maklum balas mereka. Daripada 110 ini, lima (5) wakil NGO ataupun wakil daripada lima (5) NGO telah hadir dan 22 individu telah hadir untuk Mesyuarat Siasatan. Lima (5) NGO yang hadir adalah Persatuan Sahabat Kebun Botani Pulau Pinang, PIBG Sekolah Menengah Chung Ling, Former's Scout St. Xavier Institution, C.A.T dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia. Jadi bukan budak-budak sekolah ataupun beberapa orang dan untuk menjawab soalan tentang adakah saya baca buku ini? Dan mengapa saya menyatakan bahawa ada kebolehan untuk membuat penguatkuasaan, saya ingin menceraikan Yang Berhormat bahawa selain daripada Klausa 54 yang sebenarnya adalah standard saya bukan peguam saya pun tahu bahawa jika Perbadanan Taman Botani ingin mengambil tindakan peguaman ke atas mana-mana pihak, dia perlu menulis surat kepada pendakwaraya untuk memaklumkan hasrat dan bertanya izin ini adalah standard bagi banyak Badan-Badan Kerajaan. Maka sebagai peguam sepatutnya anda tahu.

Saya ingin membaca Klausa-Klausa 47 dan 49. 47 - menyatakan membutirkan bahawa saya tidak akan baca kesemua perkataan tetapi penjelasan kepada Dewan yang mulia, 47 - menyatakan bahawa ada tindakan-tindakan yang dibutirkan itu tidak boleh dilakukan oleh sesiapa pun kecuali Pengurus Besar atau mana-mana Pegawai Perbadanan yang diberi kuasa melaksanakan tugas-tugasnya. Tindakan contohnya adalah membawa masuk jentera, memburu, memotong, merosakkan, mencederakan, membakar tumbuh-tumbuhan, memusnahkan ataupun mencacatkan apa-apa benda, membina bangunan. Ya, tindakan-tindakan seperti ini dalam Rang Undang-Undang ini dia menyatakan hanya Pengurus Besar ataupun Pegawai yang dilantik boleh membuat demikian. Maka siapa-siapa penjajah awam ka atau pun nak bina struktur haram dalam Taman Botani adalah melanggar undang-undang. Nak memotong pokok Taman Botani adalah melanggar undang-undang kecuali dia merupakan Pengurus Besar ataupun Pegawai-Pegawai yang dilantik.

Klausa 48 seterusnya memberi kuasa untuk sita, menangkap dan sebagainya, dia membaca Pengurus Besar, Pegawai Perbadanan yang diberi kuasa atau Pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh tanpa waran semasa berada dalam Taman Botani

- (a) menangkap mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini.
- (b) menyita apa-apa kenderaan traktor, jentera, alat-alat atau benda-benda lain termasuk apa-apa termasuk dengan tapak penjajah jika dia mempunyai sebab bagi mempercayai bagi digunakan atau sedang digunakan bagi melakukan apa-apa kesalahan dibawah enakmen ini.
- (c) meroboh atau memindahkan apa-apa bangunan atau mengambil apa-apa benda yang didirikan di dalam Taman Negeri tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan. Menangkap mana-mana orang termasuk penjajah haram yang melakukan atau cuba melakukan pencerobohan, vandalisme dan kacau ganggu didalam Taman Botani.

Klausa-klausa yang telah saya baca itu adalah apa yang saya telah bangkitkan dalam perbahasan saya tadi dimana dahulu Pengarah Taman Botani tiada kuasa untuk denda untuk menyatakan tak boleh potong pokok dengan Rang Undang-Undang ini boleh jadi YB. Kebun Bunga sebagai peguam anda harus tahu bahawa Badan Kerajaan yang ingin mendakwa sesiapa perlu meminta kelulusan daripada pendakwaraya. Yang Berhormat yang kata saya tak baca buku ini sepatutnya sudah baca klausa 46, 47 yang ditulis dengan begitu jelas sekali dan saya minta tarik balik ayat-ayat yang menyakitkan hati tersebut....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan emosi. YB. Kebun Bunga menjelaskan apa yang telah disebutkan dan saya nak tamatkan sesi perbahasan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya hanya sebut Seksyen 54 mengenai *prosecution*, pelaksanaan atau pun enforcement saya tak bangkitkan kesemua ini. Yang Berhormat Dato', Dato' pula YB. Pulau Tikus yang sendiri membawa kesemua yang tidak (dengan izin)...with your respect tidak relevan saya katakan prosecution kenapa you jump to the wrong...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Anda kata *prosecution* sebagai jawapan mengapa saya kata Rang Undang-Undang ini memberi kuasa penguatkuasaan, saya minta semak verbatim..saya minta semak verbatim, saya minta kata-kata yang menyindir saya yang menyakitkan hati saya ditarik balik, terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Saya juga nak jawab satu lagi dengan izin...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Dato' Yang di-Pertua, penjelasan itu sebab mengapa apabila Yang Berhormat membangkitkan Klausula 54 saya nak minta penjelasan tetapi Yang Berhormat kata tidak mahu diganggu tetapi setelah habis perbahasan nampaknya Yang Berhormat walaupun muda sangat tetapi ingatan tak ada. Yang Berhormat cuba kaitkan apa gunanya kita membadankan Taman Jabatan Botani kalau berbanding Perbadanan Penang Hill pun tak ada kuasa mendakwa. Jadi apa bezanya kita mahu jadikan Jabatan Botani kepada Perbadanan Botani, kalau tak ada hak untuk mendakwa mana-mana pesalah Yang Berhormat pun buat begitu kalau kes jenayah, mana ada hak kalau diperbadankan. Saya tanya di bawah Perlembagaan Malaysia, siapakah ada hak untuk memulakan pendakwaan melainkan dengan keizinan pendakwaraya?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker, saya nak jelaskan yang kedua-dua yang Berhormat bawa isu luar...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, sudah. Sila duduk. Okey saya rasa....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Ini penting, ini penting. Betul tadi YB. Kebun Bunga katakan, ini penting. Betul, tadi liputan, Dengar dulu 26 Oktober....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang lain duduk. YB. Jawi pun duduk....(gangguan). YB. Jawi, saya sudah jelas. Okey, okey yang lain duduklah, duduk....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Bukan tiga (3) hari. Saya nak takut liputan *reporter*....(gangguan).

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey....(gangguan). Yang lain....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Sudah tiga (3) hari.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduklah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terdapat lebih kurang....(gangguan).

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. Saya telah menjawab, Kebun Bunga bukan tiga (3) hari tau, empat (4) hari. Kita urus dengan....(gangguan) Yang itu kena jelas di sini....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

20 hari, 20 hari.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Sekurang-kurang....(gangguan).

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sudah. Sudah....(gangguan). Kebun Bunga dulu....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Kita boleh tanya, Setiausaha ada(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduklah. Ini Dewan ada aturan yang perlu diikuti. Yang dihantar pun ikut peraturan juga. Yang bahas, pun ikut peraturan. Dan untuk saya, okey. Perbahasan yang bolehlah, diterima di Dewan. Saya nak minta penggulungan. Sila. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya minta Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya minta perbahasan. Saya baru masuk Dewan, saya ada hak....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya minta Yang Berhormat Yang di-Pertua, nyatakan peraturan mana, di mana urusetia perlu hantar notis dokumen kepada Ahli-Ahli sebelum Dewan bersidang. Sebab Yang Berhormat tidak sebut....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Boleh saya jawab.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ada kekeliruan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) :

YB. Dato' Speaker, saya nak minta menyertai perdebatan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang semua bahan-bahan cetakan yang untuk urusan mesyuarat, semua kita hantar dan perlu ikut juga Peraturan Mesyuarat yang telah pun ditetapkan.

Pemberitahu maklumat pun sekurang-kurangnya dalam 21 hari, anda kena *submit* soalan. 14 hari anda kena *submit*, yang itu semua dan urusan segala penyata ini pun akan dihantar ke meja Yang Berhormat sebelum Dewan dimulakan. So, maka tiga (3) hari ka, keempat 4 hari itu, memang silap sangatlah. Silap sangat. Saya nak Ahli Datok Keramat.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya, YB. Dato' Speaker, Saya masih tadi di kawasan banjir. Saya masuk ke Dewan *struck purposely* untuk menyertai perdebatan ini. Saya sudah menyediakan perdebatan ini selama 10 tahun.... (gangguan). Nanti saya kaitkan YB. Dato' Speaker...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Then, Yang Berhormat lain kali tolong, tolong masuk awal.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ya. Kawasan saya dilanda banjir.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Injury time. 10 minutes be given and then Datok Keramat.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) :

Okay.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau tidak...(gangguan) semua akan minta saya. Tak boleh.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Dato' Yang di-Pertua Dewan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Seri Delima merayulah, beri 10 minitlah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

10 minit sahaja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Okey, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lain kali kena masuk awal. Kalau tak ada, saya tutup.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ya, YB. Dato' Speaker. Saya menyertai perdebatan ini kerana saya ingin menyatakan bahawa *Bill* ini begitu penting. *Bill* ini begitu penting kerana ada satu *politic to view or* menaikkan taraf *Botanical Garden* kita. Dulu tak ada *political view* dan saya tadi dengar ada halangan sikit. Ada suara-suara sumbang yang dia tidak nampak *short sighted*, nampak tidak begitu jelas. Saya nak ingin menjelaskan bahawa, saya nak ingin menjelaskan bahawa *botanical garden* kita, Pulau Pinang itu ditubuhkan tahun 1884. Semua *botanical garden* itu begitu lama dan ada maaf saya tengah ada, ada panggilan untuk berkenaan banjir juga.

Okey, YB. Dato' Speaker, Singapore, 1859 orang-orang British datang sini untuk mereka merupakan, kebiasaan menubuhkan *botanical garden* di Singapore, di Calcutta, di Sri Lanka ada *botanical garden* yang dan *botanical garden* kita sebelum ini, di bawah Jawatankuasa di bawah *Secretariat* dan tiada satu *legal standing* yang jelas. Dan ada tiga (3) *botanical garden* yang telah disenaraikan sebagai setaraf *UNESCO Status* iaitu di *Kew Gardens, United Kingdom*, di *Orto Botanico* di

Europe dan juga *botanical garden's Singapore* di Singapura. Ada tiga (3) *botanical garden's* seluruh dunia yang mempunyai taraf UNESCO. Dan saya pernah melawat setiap kali saya melawat *botanical garden*, kerana saya sangat suka *botanical garden* Pulau Pinang. Setiap satu (1) bulan, saya mengunjung ke sana sekurang-kurangnya 20 kali. Antara semua Yang Berhormat sini, saya jarang nampak. Tapi saya, satu (1) bulan 20 kali saya di *botanical garden*. Masa tak sama. Lain kali saya jemput semua, saya punya masa 6.30. Saya jemput semua 6.30 sampai 7.30 pagi....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya pun 6.30 petang.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Petang. Saya punya masa, 6.30 sampai....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya pergi pukul 8.00. Pagi-pagi 8.00.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Tak nampak. Tak nampak. Tak nampak. Kalau saya nampak, mereka akan beritahu saya YB. Rayer datang. Tapi tak nampak. Okey, saya pergi *botanical garden*, begitu suka dan saya suka juga pergi *botanical garden* di tempat lain. Saya pernah melawat *botanical garden* di Brazil, Rio De Janeiro melebihi umur 200 lebih tahun juga. Rio De Janeiro, *botanical garden* di Rio De Janeiro. Berbeza dengan kita, lebih tropikal seperti juga *Nasional Forest*. *Botanical garden* kita dengan jalan tar, tapi di *botanical garden* di Rio De Janeiro macam masuk hutan. Macam masuk hutan, pokok itu ratusan tahun lebih tua daripada kita. Dan ada *botanical garden* seperti kalau pergi Singapore, ia lebih moden. Lebih moden, jauh lebih moden. Lebih moden tidak semestinya baik. Atau saya lebih suka *botanical garden* macam Rio De Janeiro, lebih semula jadi, semula jadi. Dan kalau *botanical garden* saya pergi Taiwan juga, Taipei ada *botanical garden*. Tapi saya kecewa, maaf Berapit. Saya kecewa dengan *botanical garden* di Taipei, kerana kita jauh lebih baik daripada *botanical garden* di Taipei. Saya pernah pergi *botanical garden* di Jeju, Korea. Jeju, saya pernah pergi sana juga. Saya lihat, kita memang begitu tertarik, tetapi masalah kita, pengurusan kita sebelum ini dibawah Jawatankuasa ataupun dibawah *Government Department*. Tak ada gaya gerak, tak ada *umph*. Tak ada *umph*. *Maintain* pokok begitu sahaja. Tak ada *umph*. Apabila Singapore, mendapat Singapura mendapat taraf UNESCO status, saya mengeluarkan kenyataan sebagai Direktor GTWHI, *George Town World Heritage Incorporated*, memuji dan juga *congratulated* mereka kerana mereka mendapat status UNESCO Heritage Site. Dan inilah kejayaan, dan saya ingin lihat *botanical garden* Pulau Pinang naik ke taraf yang lebih tinggi lagi. Supaya menjadi kebarangkalian keempat sebagai *botanical garden* keempat mendapat UNESCO Heritage yang *site*. Kita mempunyai potensi, kita mungkin tidak setanding dengan Rio De Janeiro, tapi saya rasa kita perlu, perlu kita lebih lama daripada Kepong. Kepong punya FRIM, ada satu *garden* di sana kita lebih elok daripada Putrajaya punya *botanical garden*. Kalau *you* pergi Putrajaya *botanical garden*, *nothing*. *Nothing, compared to Penang*. Kita jauh lebih baik. Dari segi jaga, *comparing to the botanical garden* di Putrajaya.

So, saya rasa kita mempunyai *political view*, saya tunggu 10 tahun *Bill* ini. Tak ada orang kata ini *Bill* ini tidak elok. Ini, sana sini saya pun, kita *Bill* ini menyatakan bahawa, *Penang State Park (Botanic Corporation Bill 2017)*, ini membuka ruang. Kalau saya *legalistic* lah membuka ruang untuk menubuhkan satu, *second botanical garden*. Kalau Seberang Jaya, apa Seberang Jaya, Seberang Perai ada *opportunity* untuk *botanical garden*, tak sehebat kita punyalah. Mungkin Taipei punya okeylah. Kecil-kecil Taipei punya, Bukit Panchor....(gangguan). Okey, okey. Saya pergi Taipei punya, mungkin Berapit kena bawa saya pergi tengok yang cantiknya. Tapi ini buka *opportunity* kita untuk buka satu *botanical garden* di Seberang Perai. Atau Air Itam, mungkin tak ada tempatlah. Mungkin. *This is a opportunity*. Balik Pulau, barangkali. So, janganlah ingat ini adalah *bill* kawasan saya, bukan *bill* kawasan YB. tertentu, bukan. *This is a very a*, saya bincang dengan *Legal Advisor*, dia setuju sangat ini *generic*.... (gangguan). Ini *botanical garden* so, membuka tak sama *botanical garden* apa berbagai bentuk Seberang Perai boleh *botanical garden* juga tapi di bawah pengurusan ini. Tapi kita kena elokkan dulu *Island* punya baru fikir untuk Seberang Perai. Kita boleh kaji menubuhkan *second botanical garden*.

Kalau Putrajaya, *man make* atau panggil buatan manusia, tapi *we can start something*. Saya rasa ini adalah satu kesungguhan politik untuk menaikkan taraf *botanical garden* dan membuka ruang *opportunity* masa depan untuk satu *botanical garden* yang baru. Dan saya baca *Bill* ini ada satu klausa berkenaan dengan fi, tak tahu ada orang bincang fi tak? Saya bincang tapi saya bagi pihak semua orang yang selalu pergi *jogging* di *botanical garden* ingin mendapat insurans daripada Kerajaan Negeri. Adakah orang yang pergi *jogging* kena bayar tak?

Selama 100 lebih tahun kita tak bayar...(gangguan), eh!! tidak boleh. Saya untuk semua *joggers* di *botanical garden* dapat insuran kerajaan kalau kita pergi *jogging*. *Seminggu* seringgit pun tak boleh mesti *free* seperti 100 lebih tahun seperti 100 tahun dahulu tapi kalau ada sekyen-seksyen tertentu, ada pameran khas macam pameran orkid sebegini boleh tapi saya rasa, saya rasa ini perlu dititikberatkan, takkan selalu pergi setiap hari *jogging* kena buat bayaran tertentu. Saya rasa ini 100 lebih tahun itu penting kerana kita tak mau perkara ini jadi satu yang besar. Tapi saya rasa *Bill* ini mempunyai hala tuju dan juga pandangan yang baik supaya kita dapat kerana saya ingin juga berkongsi *report of development and...(gangguan audio) of Botanical Gardens November 2007*. Laporan ini berumur 10 tahun disediakan oleh NGO's, disediakan NGO's tentang dan dalam laporan setebal 73 muka surat ini menyatakan bahawa antara cadangannya ialah *corporatisation of the garden*. Tanda ini laporan 2007 oleh NGO ini menyatakan bahawa apabila *advantage* dia atau kebaikan dia mempunyai fleksibiliti dalam mengubah staf. Kedua boleh ubah dari segi satu organisasi. Ketiga *refund raising of garden activities* iaitu mendapatkan dana untuk aktiviti *garden*. Keempat dan juga mendapat input daripada *state holders* daripada segi pengurusan *garden*. Kelima mempunyai fleksibiliti yang lebih baik untuk menentukan tanggungjawab. Saya rasa ini antara kebaikan apabila *botanical garden* dinaikkan ke taraf yang lebih tinggi daripada satu jawatkuasa kecil yang di bawah Setiausaha Kerajaan kepada satu *platform* yang lebih besar kerana kita ingin lihat *botanical garden* di Pulau Pinang yang begitu lama di rantau ini yang menjadi satu *tropical garden* yang sama taraf dengan *botanical garden* lain sama ada di Rio de Janeiro ataupun boleh bersaing juga dengan Singapura. Kita sebenarnya hanya kekurangan dari segi *research*, dari segi saintifik penyelidikan. Kita kurang dari segi itu kalau kita kuat dari segi itu saya rasa kita sememangnya boleh sebenarnya boleh menjadikan lebih baik daripada Singapura dan saya rasa yang dan beberapa tahun ini kita telah membuat deraf *special year plan* dan sebagainya dan saya harap melalui penubuhan perbadanan ini terdapat satu perancangan ataupun input agar lebih elok yang lebih terancang untuk masa depan kita.

Saya sebenarnya sangat suka hati apabila membaca kesungguhan Kerajaan Negeri yang membentangkan *Bill* ini ingin menaikkan status *botanical garden* ke tahap yang lebih tinggi dan seperti Rang Undang-Undang yang lain ini yang merupakan *Enabling Act, enabling registration* dan terdapat satu *Management Committee*, terdapat satu perbadanan daripada anggota-anggota dan sebagainya dan ini sebelum ini hanya *civil servants* yang uruskan perbadanan, uruskan *Botanical Garden*.

Dan kalau dinaikkan status lebih tinggi saya rasa dia akan menjadikan dari segi pemeliharaan, pemuliharaan, penyelidikan tumbuhan dan berkaitan, tidak akan menjadikan dia sebagai status Taman Negeri dan saya rasa ini yang bagus dan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana mempunyai *political view* dan inisiatif untuk mengusahakan satu Rang Undang-Undang yang dapat memelihara dan melindungi *Botanical Garden* kita dan pada masa yang sama membuka ruang untuk menambahkan *Botanical Garden* yang kedua barangkali di Seberang Perai. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Dato' Keramat sudah.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Sudah tunggu lama. Bagi 5 minit sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tadi panggil semua tak mau sekarang baru mai.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Tadi ada...(gangguan). Datok Keramat 5 minit sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Datok Keramat buat penggulungan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Terima kasih kepada yang menyokong, terima kasih kepada mereka yang mempunyai kerisauan dan kebimbangan kebimbangan masing-masing terhadap beberapa seksyen-seksyen di dalam Rang Undang-Undang ini. Saya ingin mula dengan menyatakan seperti mana saya nyatakan dalam perbahasan saya pada awal tadi. Objektif utama kita adalah untuk membawa Taman Botani kepada satu tahap yang lebih tinggi. Orait, dan saya telah rujuk seperti mana Air Itam rujuk

kepada tiga (3) Tapak Warisan UNESCO Taman Botani yang wujud di dunia ini iaitu di Brazil, di Singapura dan di London.

Dan *of course* kita saya telah buat rujukan kepada Singapura kerana dia adalah jiran kita sebenarnya kita hampir usia yang sama Singapura lebih tua sikit. Dan saya juga telah buat rujukan banyak spesimen daripada Pulau Pinang sebenarnya dalam Perang Dunia Kedua telah diambil ke Singapura. Dan saya sendiri telah pun pergi ke Singapura jumpa dengan Kurator di Taman Botani di situ dengan Kurator kita Dr. Saw dan rombongan daripada Pulau Pinang.

Dan seksyen-seksyen saya tak mau ulangi di sini tetapi memang tidak boleh dipertikaikan ataupun dicadangkan pun bahawa Kerajaan Negeri tidak akan mengindahkan pemantapan pengurusan Taman Botani melalui Rang Undang-Undang ini.

In fact hakikat dia adalah sebaliknya saya boleh dengan ringkas merujuk kepada beberapa seksyen terutamanya Seksyen 21(A) iaitu saya ulangi kerana penting kerana ada banyak kerisauan bahawasanya dengan Rang Undang-Undang ini kita akan *take a few step back when in fact we are going to move very-very much forward in the right direction* (a) fungsi perbadanan adalah untuk mewujudkan taman semula jadi yang berpotensi sebagai Taman Negeri dan memaksimumkan faedah daripadanya.

Tadi pun apabila saya buat hujahan saya, saya telah mula nyatakan ada banyak orang yang keliru dia ingat ni Rang Undang-Undang untuk Taman Botani di Kebun Bunga bukan, seperti mana YB. Air Itam kata saya kata ini adalah satu peluang untuk kita lihat pada tapak-tapak lain yang dikenal pasti sesuai untuk juga dipertimbangkan dijadikan Taman Botani.

But of course as I said in my speech earlier Taman Botani di Kebun Bunga *is the oldest and we have to look into that first*. Selain daripada (a), (b) menasihati Pihak Berkuasa Negeri mengenai perkara berhubungan dengan pemeliharaan, penggunaan, pengawalan, pengurusan dan kemajuan Taman Negeri.

Jangan risau semua ada di sini secara khusus dinyatakan kita akan jaga Taman Botani dengan lebih baik dengan ada Rang Undang-Undang ini. *Number (e) 21(e)* menjaga dan mengekalkan alam semula jadi mengikut satu sistem pengurusan secara bertaraf antarabangsa. Saya juga boleh rujuk kepada Seksyen 22 iaitu berkenaan *powers* ataupun kuasa perbadanan.

Dan apa yang dinyatakan kita lihat kepada (a) kuasa adalah termasuk untuk buat kajian, penyelidikan, pendidikan dan pemeriksaan ke atas Taman Negeri dan memberi perkhidmatan dan kemudahan yang cukup dan cekap apa maksud ini. Ini adalah untuk menjadikan *enhance* lagi keadaan Taman Botani yang sedia ada, kalau kita tak faham perkataan-perkataan ini yang begitu mudah difaham saya ingat susah. *So, please do not have any hesitation or any worries* kekhuatiran bahawa dengan Rang Undang-Undang ini keselamatan Taman Botani itu akan terjejas tidak, sebaliknya sebenarnya.

Kalau kita lihat pada Seksyen 22(b) juga saya baru sebut perkataan keselamatan. Dinyatakan secara spesifik di sini mengambil kuasa kita untuk mengambil langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan hidup kepelbagaian biodiversiti dalam Taman Negeri agar pemeliharaan ciri-ciri asal dan semulajadi dapat kita capai.

Semua dinyatakan secara spesifik Dato' Speaker. Saya juga hendak pergi kepada beberapa perkara lain yang juga disentuh. *I think* YB. Chow dan YB. Dato' Speaker telah pun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang ini dikemukakan di Dewan ini menurut peraturan undang-undang di bawah peraturan-peraturan kita dan isu berkenaan dua (2) atau tiga (3) hari baru dapat notis *I think* itu saya tak akan ulangi apa yang telah pun dinyatakan oleh YB. Dato' Speaker dan YB. Padang Kota.

Berkenaan YB. Batu Uban menyatakan tentang isu kalau yang enakmen yang dahulu tak dimansuhkan *actually* saya cuma rujuklah kepada Sekyen 63, seksyen itu berbunyi pemansuhan *Penang Waterfall Gardens Enactment 1923* adalah dimansuhkan *is there, for your information that's a legal issue* dan banyak perkara-perkara perundangan juga telah pun dirujuk dan saya percaya perkara yang dirujuk itu adalah berkenaan perkara perundangan yang *standard* di dalam mana-mana Rang Undang-Undang berkenaan suatu perbadanan dan saya hairanlah bagaimana YB. Kebun Bunga boleh bangkitkan isu-isu tersebut saya akan cuba *respond* sedikit.

Saya datang juga kepada satu lagi perkara yang memang secara am semua telah sentuh berkenaan notis, isu notis. *Of course* notis itu saya pun hendak jawab tapi saya ingat YB. Pulau Tikus telah panjang lebar nyatakan dan saya terima kasih kepada beliau walaupun telah begitu marah tadi, tetapi *anyway* betul apabila kita buat kajian tentang Rang Undang-Undang ini yang penting kita guna kepakaran daripada kurator yang baru masuk ke Pulau Pinang dan *let me talk about this curator by the*

way because I think Penanti did say about his age and so for thing CM said I think is that not relevant factor but of course can I just inform this house saya nak maklum pada Dewan Undangan Negeri Dato' Speaker.

Di dunia ini ada satu *award* yang diberikan kepada *Botanist-Botanist*. And ada satu *award* yang dikenali sebagai *The Edinburgh Botanist Award* dan di dunia ada lima (5) orang sahaja yang telah dianugerah ialah Dr. Saw. Dan dia ada sekarang di Negeri Pulau Pinang. So, I think kepakaran dia kita tidak boleh langsung kita tidak boleh langsung dinafikan. Dan saya juga hendak menyatakan tadi bahawasanya berkenaan isu perundingan dengan awam memang selain daripada kepakaran Dr. Saw yang kita gunakan seperti mana saya nyatakan tadi kita juga telah buat rujukan secara khusus kepada Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera. Di mana seperti mana dimaklumkan oleh Pulau Tikus saya ulangi memang Perundingan Awam telah pun diadakan di mana ramai yang telah pun dijemput semua pendapat-pendapat pandangan-pandangan mereka ini pun kita ambil kira.

Dato' Speaker, satu lagi perkara lagi dibangkit oleh pihak kesemua orang di sini kesemua Ahli Dewan yang mulia ini ialah berkenaan isu *fees and of course* Air Itam memang kata tak mau *fees* untuk apa ni masuk taman tersebut. Saya cuma nak umumkan kepada Dewan ini berkenaan isu *fee*. Rang Undang-Undang ini didahului tadi saya nyatakan kepada semua *the Penang Waterfall Gardens Enactment, can I inform everyone in this house* bahawasanya *Penang Waterfall Gardens Enactment* yang pertama adalah tarikh 1923. saya baca di dalam apa kuasa-kuasa yang diberi kepada *committee* di peringkat itu bukan perbadanan tapi ialah jawatankuasa yang melihat kepada pengurusan taman.

I just read this 1923 Penang Waterfall Gardens Enactment (dengan izin)...Dato' Speaker, Section 3 subsection (1) the governor the governor may make such rules as unnecessary for the carrying out of this ordinance and main part particular and without prejudice to the generality of the forguin power and I go to the subsection (b) make rules for the conduct of the business of the committee and for the duties of officers employed and for the administration by the committee of any sums received from the sale of plants and from voluntary donations and subscriptions in accordance in the terms of such donation and subscription.

Kalau kita lihat pada kuasa yang diperuntukkan jawatankuasa pada waktu tersebut 1923 jelas tak disebut bahawa mereka ada hak untuk kutip *fees because it doesn't say one of the powers is to the administration of fees received it only talks about administration of any sums received from sale of plants and from voluntary donations, subscriptions three (3) things.*

But let me tell this Dewan as well, selepas 1923 enakmen ini telah di ada satu pindaan, dua (2) pindaan in fact yang pertama dibuat tahun 2005 sebelum kita ambil alih pentadbiran dan saya baca apa yang berlaku pada Penang Waterfall Gardens Enactment 1923 and I read again...(dengan izin) saya ada Bahasa Inggeris di sini.

*"Power to make rules for administration of revenue and conduct of business. Section 3 subsection (1) the state authority may make such rules as a necessary for the carrying out of this is enactment and make a particular and without prejudice in a generality of the for going power subsection (b) I read... (dengan izin) Dato' Speaker, make rules for the conduct of the business of the committee and for the duties of the officers employed and for the administration by the committee of any sums received from the sale of plant, from voluntary donation subscriptions and in 2005 charges fees and other form of collection what so ever in accordance the terms of sub payment". And this is repeated di dalam satu lagi revision yang dibuat pada tahun 2010 di mana antara lain kuasa yang diberikan kepada jawatankuasa untuk menguruskan *fee* ataupun *charges* yang dikutip. Jadi di dalam daripada 2005 sudah pun ada satu kuasa yang diberikan untuk *fee* dikutip tetapi memang tidak dikutip.*

Now, saya nak beri satu contoh berkenaan mengapa ada klausa berkenaan *fee* ini di dalam Rang Undang-Undang ini. Ia adalah memang kita setuju, saya sebagai wakil Kerajaan Negeri di sini saya berpendapat juga dan bersetuju dengan YB. Air Itam untuk menggunakan kawasan taman bersih *to use the use of the gardens bersih do not be subject to any fees* tetapi saya beri contoh di negara lain di mana ada taman-taman kebanyakan mereka membuka penggunaan taman secara bersih tidak tertakluk kepada *fee*.

Tetapi di dalam sesuatu taman itu mungkin ada satu produk yang begitu mahal yang adalah satu tarikan kepada orang awam dan *tourist*, pelancong dan sebagainya yang memerlukan banyak kos untuk menguruskannya tarikan itu produk itu boleh dikenakan *fee*. Saya beri contoh jiran negara jiran kita seperti di Singapura. Di Singapura, *Singapore Botanical Gardens* baru-baru ini saya ingat lima (5) atau *if I am not mistaken five (5) years only been started the gardens by the bay and in five (5) years if I am not mistaken five (5) years. Gardens by the bay* di dalam lima (5) tahun telah menjadi salah satu taman

tarikan taman yang terunggul di dunia *top 10, one of the top 10*.

Gardens by the bay ada satu taman yang besar yang mana awam boleh guna secara percuma untuk riadah *and* jalan dan sebagainya *exercise* dan sebagainya *no problem*. Tetapi di dalam *gardens by the bay* saya ingat kalau kita sudah pergi di *situ they all* mereka ada dua (2) tarikan iaitu *The Flower Dome*, iaitu satu dome kaca dengan banyak bunga daripada keseluruhan dunia di dalamnya dan di tepinya adalah *cloud forest*. Taman itu tidak dikenakan *fee* tetapi apabila masuk kepada *flower dome* atau *cloud forest* kita perlu bayar fi. Terpulanglah apabila Taman Botani Negeri Pulau Pinang kita ini maju ke hadapan kalau kita berupaya untuk buat produk-produk yang baru di dalam taman ini ataupun tingkatkan beberapa produk yang ada sekarang di situ, beberapa *flower areas and so far maybe that's when we can consider for the purposes of administrating the said product*. Itu adalah sebabnya tetapi saya pun bersetuju dengan YB. Air Itam kepenggunaan taman bersih memang sepatutnya tidak tertakluk kepada apa-apa.

Lagi satu YB. Dato' Speaker, berkenaan klausa *charges* atau *fees* yang penting kita juga ambil maklum ialah kita beraspirasi atau bervisi untuk naik ke hadapan, mara ke hadapan pergi ke satu tahap yang lebih tinggi. Kalau boleh, *it is a tall order but like I said just now*, kalau boleh kita hendak capai pengiktirafan tapak warisan UNESCO sama seperti Singapura. Apabila kita capai itu mungkin garis panduan UNESCO itu akan memerlukan *charges* dikenakan untuk beberapa perkara dan itu juga memerlukan kita membuat penyediaan agar kita ada kuasa berbuat sedemikian, itu yang saya hendak nyatakan di peringkat ini.

Saya juga hendak menyatakan di sini berkenaan apa yang telah dinyatakan di sini tentang kekhawatiran beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyatakan kuasa diberikan untuk kita beri kontrak dan sebagainya kepada pihak ketiga dan oleh itu kuasa kita akan hilang. *Actually at the end of the day*, saya percaya itu adalah tidak tepat, YB. Dato' Speaker...(dengan izin) kerana selain daripada, tadi pun kita pun juga ada satu isu, sama juga berkenaan dengan isu ini, Kebun Bunga kata kita bagi semua kuasa kepada Pengerusi, Pengerusi sendiri seorang yang boleh buat keputusan, *this is not true*. Kalau kita lihat pada skim Rang Undang-Undang ini, yang penting kita lihat kepada keanggotaan Seksyen 9, keanggotaan Perbadanan. Keanggotaan Perbadanan tidak terdiri daripada Pengerusi sahaja, tetapi Pengerusi adalah Pengerusi tetapi ada banyak lain juga, ada Timbalan Pengerusi, tiga (3) orang anggota iaitu SUK, Pegawai Undang-undang Negeri dan PKN, Pengurus Besar iaitu Kurator dan keanggotaannya seramai 20 orang dan sebagainya. Memang itu adalah komposisi Perbadanan, nombor satu, bukan Pengerusi sendiri buat keputusan, Perbadanan akan buat keputusan. Tetapi komposisi adalah seperti di Seksyen 9.

Nombor dua dan yang terpenting *is the same to all clause*, YB. Dato' Speaker, *I refer to Seksyen 20, at the end of the day*, Perbadanan ini adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri, ia akan jawab kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri *at the end of the day* adalah dipilih oleh rakyat umum. Perbadanan ini mesti jawab, saya baca Seksyen 21, Pihak Berkuasa Negeri iaitu Kerajaan Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi kepada Perbadanan arahan yang bersifat am dan selaras dengan peruntukan Enakmen ini berhubung dengan pelaksanaan fungsi Perbadanan dan Perbadanan hendaklah melaksanakan arahan itu. Jangan risau, *at the end of the day*, Pengerusi *does not decide*, Perbadanan *does*, Pengerusi *as the Head, that is the composition. At the end of the day Perbadanan decides but if the State Government says no, we can give them the direction and they have to follow our orders*.

YB. Dato' Speaker, Ini semua termaktub, kita perlu baca secara keseluruhan, kita tidak boleh petik satu seksyen tanpa membaca bersama-sama dengan lain, dan itu sebagai peguam kita semua tahu, kita buat sedemikian setiap hari di dalam mahkamah sebagai peguam. Saya ingat itu adalah *point-point* penting yang telah pun dibangkitkan tadi, yang lain mungkin dalam perbahasan telah pun dinyatakan. Tetapi mungkin saya hendak cuma seperti mana saya mulakan tadi kerana sudah lama, saya hendak akhiri dengan beri komitmen bahawasanya Rang Undang-Undang ini sememangnya adalah untuk kebaikan, untuk *enhance* keadaan Taman Botani yang sedia ada di Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Datok Keramat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017 dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya", lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang mengadakan peruntukan bagi pengendalian pengawalan, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelidikan tumbuh-tumbuhan, flora dan fauna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya di kawasan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa.

Setiausaha Dewan:

Fasal 1 dan 2.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 dan 2, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Fasal 3 hingga 5.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 3 hingga 5, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Fasal 6 hingga 20.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 6 hingga 20, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan pindaan kepada Fasal 9(1)(e).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seperti mana yang saya telah menerima pemberitahuan daripada YB. Pulau Tikus dan pindaan terhadap Fasal 9(1)(e) yang berbunyi "tidak lebih daripada 20 orang anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk tidak lebih daripada perkataan "tidak lebih daripada itu" dipinda menjadi "sekurang-kurangnya" dan menjadi ayat (e) tidak lebih daripada 20 orang anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk sekurang-kurangnya 2 orang anggota yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan Botani Horticulture atau kepakaran yang bersesuaian".

YB. Pulau Tikus saya beri sedikit masa untuk buat ulasan bersabit pindaan ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya ingin menarik perhatian kepada tiga (3) perkataan yang terakhir, "kepakaran yang bersesuaian". Jika klausa ini tidak dipinda maka ia akan bermaksud keanggotaan yang ada 20 orang itu, 18 orang tidak ada kepakaran yang bersesuaian langsung kerana kenyataan itu menyatakan juga tidak dipinda bahawa tidak boleh ada lebih daripada dua (2) orang yang bersesuaian untuk menjadi anggota. Maka ada masalah dengan kenyataan ini. Tambahan lagi seperti saya katakan tadi, cabaran adalah tinggi dan untuk dua orang sahaja yang tahu tentang Botani, yang tahu tentang *horticulture* kena menangani 18 lagi orang anggota yang mungkin mempunyai pendapat yang bercanggah. Adalah amat susah bagi mereka untuk mencapai tujuan dan kongsi Perbadanan adalah perlu pindaan kepada sekurang-kurangnya dua (2) orang anggota ataupun tolong lantik 18 orang yang langsung tidak ada kesesuaian kepakaran dengan Perbadanan ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pulau Tikus, moga dengan itu saya hendak memohon kepada Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan pindaan kepada Fasal 9(1)(e) adalah seperti berikut, "tidak lebih daripada 20 orang anggota yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk sekurang-kurangnya dua (2) orang anggota yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan Botani Horticulture atau kepakaran yang bersesuaian".

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya Fasal 6 hingga 8, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 9 yang telah dipinda, adakah Fasal ini sebagaimana yang dipinda, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 10 hingga 20, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Fasal 21 hingga 25.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 21 hingga 25, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-Ahli Dewan:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Fasal 26 hingga 31.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 26 hingga 31 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-Ahli Dewan:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Fasal 32 hingga 44.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 32 hingga 44 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-Ahli Dewan:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Fasal 45 hingga 64.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 45 hingga 64, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama suatu enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang mengadakan peruntukan bagi pengendalian pengawalan, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelidikan tumbuh-tumbuhan, flora dan fauna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya di kawasan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tajuk penuh dan Fasal yang mengundang, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)

YB. Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Datuk Keramat, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". "Ya", lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Perbadanan Taman Negeri (Botani) Pulau Pinang 2017, maka dengan ini adalah diperundangkan oleh kuasa Undang-undang Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan:

Usul daripada YB. Ahli Kawasan Pulau Betong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dipersilakan YB. Pulau Betong. Hilang?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB Yang di-Pertua, usul saya berbunyi begini "Bahawa Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan untuk mengarahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil kira rungutan dan keluhan rakyat Pulau Pinang yang terkesan secara langsung akibat banjir kilat yang sering berlaku kebelakangan ini. Mengusulkan agar semua pembangunan di lereng bukit diberhentikan serta-merta sehingga pemaju menyediakan pelan penyuraian air dan pelan penambakan tanah dan lereng-lereng bukit yang berkait secara langsung dengan cadangan pembangunan. Semua kelulusan di kawasan-kawasan bukit ditangguhkan sehinggalah pelan perparitan menyeluruh bagi kawasan berkaitan dibina atau pemaju memberi akur janji akan bertanggungjawab sepenuhnya jika banjir berlaku dan disabitkan oleh pihak berkuasa bahawa banjir berlaku disebabkan oleh keadaan tersebut. Semua pembangunan di tanah bukit melebihi 70 meter, saya sudah perbetulkan kepada 76 meter tidak dibenarkan dan tidak diluluskan dalam apa jua keadaan sekalipun. Sebarang kelulusan untuk pembangunan hendaklah selaras serta mematuhi dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang telah digubal oleh pentadbiran terdahulu dan masih menjadi asas kepada perancangan Kerajaan Negeri sehingga kepada RSNPP yang baru diluluskan".

Terima kasih YB. Dato' Speaker, telah banyak diperkatakan tentang isu banjir yang diutarakan oleh hampir kesemua wakil-wakil rakyat yang berada di dalam Dewan yang mulia kali ini dan isu pertama adalah tentang kesemua pembangunan di lereng bukit diberhentikan serta merta sehingga pihak pemaju menyediakan Pelan Penyuraian Air dan Pelan Pengukuhan Tanah di lereng bukit berkait rapat secara langsung dengan cadangan-cadangan pembangunan. Saya ingin menarik perhatian kepada SNPP 2020 dalam Dasar Spatial Utama DSU, menyatakan dengan jelas dalam DSU 10, kawasan-kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) seperti kawasan KSAS Berisiko Bencana, KSAS Bernilai Warisan dan KSAS Sokongan Hidup akan dipelihara dan dikekalkan. DS 55 mengatakan bahawa pembangunan secara mampan akan dilaksanakan bagi memastikan keseimbangan atas pembangunan fizikal dan kepentingan alam sekitar terjamin. Agensi-agensi pelaksana seperti UPEN, JPBD, MBPP, MPSP dan Pejabat-Pejabat Daerah dan Tanah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia. Dalam DS 55 juga menyatakan bahawa mempraktikkan kesemua prinsip-prinsip dasar alam sekitar negara sebagai teras untuk dipatuhi dalam semua pembangunan fizikal negeri iaitu menghormati dan berkeprihatinan terhadap alam sekitar mengikut standard moral dan etika yang tinggi. Kedua memelihara ekosistem semula jadi untuk memastikan keutuhan kepelbagaian biologi dan sistem-sistem sokongan hidup. Dan ada juga disebutkan di situ bahawa memastikan semua pembuat keputusan di sektor awam dan swasta, pengguna-pengguna tersebut, NGO dan orang awam mempunyai komitmen yang tertinggi terhadap perlindungan dan kepertanggungjawaban ke atas alam sekitar ketika membentuk, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti masing-masing.

YB. Dato' Speaker, sementara itu dalam Dasar Khusus (DK) dalam RSNPP 2020, menyatakan perkara 4.2 Tanah Bukit. Dengan jelas mengatakan bahawa tekanan pembangunan yang tinggi di bahagian pulau menyebabkan kawasan bukit berketinggian melebihi 76 meter atau 250 kaki semakin terancam. Peng wartaan kawasan tanah bukit sebagai kawasan pengekalan serta penguatkuasaan garis panduan perancangan dan pengawalan kawasan tanah bukit perlu untuk memastikan kawasan ini terus dipelihara dan menjamin keseimbangan ekologi negeri.

YB. Dato' Speaker, dalam DK 3 L1, DK 3, aktiviti pemotongan tanah bukit akan dikawal melalui penguatkuasaan garis panduan kawasan berisiko. DK L1 menegaskan mengekalkan kawasan yang berada di paras 76 meter atau 250 kaki dan ke atas sebagai kawasan yang berbukit, kawasan alam

semulajadi termasuk tanah-tanah yang diwartakan dalam Akta Pemeliharaan Tanah 1960, Warta Tanah Bukit.

DK 2, sebarang pembangunan perbandaran yang meliputi pembangunan perumahan, perhotelan, resort, perdagangan dan perindustrian serta aktiviti pertanian tidak dibenarkan bagi kawasan yang tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960 atau sebarang tanah yang berada pada paras melebihi 76 meter atau 250 kaki atau berkecerunan melebihi 25 darjah. DK3 L3 mensyaratkan tanah-tanah yang telah diberikan kelulusan oleh Pihak Berkuasa bagi tujuan pengeluaran warta dari Warta Tanah Bukit untuk tertakluk kepada kehendak-kehendak perancangan dan garis panduan risiko yang digunakan oleh negeri.

YB. Dato' Speaker, DK3 L4 pembangunan secara terhad di kawasan istimewa di bawah aras ketinggian 76 meter atau lebih memerlukan kawasan ketat dan mematuhi garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan mendapat kelulusan DIA serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancangan Negeri. DK3 L5 mensyaratkan semua pembangunan di kawasan yang kecerunan tanah melebihi 25 darjah sama ada tertakluk kepada tanah Warta Tanah Bukit atau berada pada paras 76 meter atau kurang masih tertakluk kepada kehendak perancangan dan garis panduan kawasan berisiko tinggi yang digunakan negeri.

YB. Dato' Speaker, jelas dalam dasar RSNPP memang menetapkan bahawa tidak boleh dibuat apa-apa jua bentuk pembangunan di atas kawasan 76 meter ataupun 250 kaki dan juga kecerunan 25 darjah. Semua perkara ini yang tercatat dalam RSNPP 2020 yang telah digubal oleh Kerajaan Barisan Nasional dan digazetkan pada tahun 2007 tidak pernah disemak semula oleh Kerajaan Pakatan dan digunakan sehingga ke hari ini. Telah jelas memberikan garis panduan tentang kawasan sensitif alam sekitar. Dokumen ini adalah sah, sah yang diluluskan di dalam Dewan dengan mengambilkira kehendak dan keperluan rakyat Pulau Pinang untuk menjaga negeri ini dan anak negeri ini untuk hari ini dan masa depan.

YB. Dato' Speaker, apa itu banjir? Banjir adalah pengaliran air dalam kuantiti yang banyak melebihi jumlah yang biasa terutamanya di kawasan yang biasanya adalah kering. Apa itu banjir kilat? Banjir kilat adalah sejumlah air yang banyak secara tiba-tiba dalam masa yang singkat dan memberi kesan yang mudarat. Kesan banjir, YB. Dato' Speaker ialah kerosakan harta benda dan pemilikan, munculnya penyakit, kehilangan nyawa, gangguan kemudahan awam, kerosakan infrastruktur, kesesakan lalu lintas dan kehilangan produktiviti. Apa yang menyebabkan banjir semakin teruk YB. Dato' Speaker? Hujan semakin lebat dan yang diasosiasikan dengan perubahan cuaca dunia. Tiga, kawasan celus atau *impermeable*, air bertambah kerana perubahan kandungan tanah daripada tanah dari kawasan hijau ke hutan konkrit dan kawasan pembangunan yang padat dan kurangnya kawasan hijau dan celus air. Yang ketiga, tanah runtuh, *land slide*, hakisan *erosion* mengakibatkan kelodak dalam parit dan kawasan aliran air, pemotongan bukit mendedahkan tanah kepada hakisan.

Yang keempat, sampah sarap menutup atau menghalang laluan ataupun pengaliran air. Masyarakat yang tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam parit dan sungai.

Yang kelima, air terkumpul di kawasan aliran dan yang keenam jumlah dan keluasan parit yang mencukupi dan memadai untuk mengalirkan air. Sistem perparitan tidak sistematik dan terancang dan tidak mengikut garis panduan MSMA dan yang ketujuh penyebabnya ialah air pasang tinggi membantutkan air mengalir ke laut.

YB. Dato' Speaker, hujan adalah sumber air tetapi adakah hujan itu penyebab banjir kilat? Taburan tahun 2003, menunjukkan bahawasanya jumlah tahunan hujan ialah sebanyak 2,888 milimeter. Hujan, lima hari hujan lebat daripada 1 hingga 5 Oktober berterusan selama setinggi 534 milimeter. 2008, jumlah tahunan hujan 2,570 milimeter. 2015, jumlah hujan tahunan 3,068 milimeter. 2016, jumlah hujan tahunan 2,175 milimeter dan pada 15 Julai merekodkan 210 milimeter. *Trend* graf menunjukkan bahawasanya sejak tahun 2007, kejadian hujan lebat berterusan. Dan hujan dan banjir masa kini di Pulau Pinang semakin kerap. Banjir kilat berlaku di kawasan yang kurang berlaku hujan. Kawasan *hotspot* banjir kilat telah melebar terutamanya di kawasan Air Itam, Paya Terubong dan juga Sungai Relau dan Sungai Ara.

Banjir dan banjir kilat ini dijangkakan semakin kritikal jika keadaan perubahan cuaca dunia menjadi lebih ketara. Pembangunan di kaki bukit dan tepi bukit sewaktu pembangunan, pembinaan hakisan berlaku ke atas tebing bukit yang tidak ditutup. Selepas pembinaan bertambah lagi air di kawasan kalis air. Yang ketiga *surface run off* mengalir dengan laju ke kawasan lebih rendah dan terdapat penarahan bukit atau *hill cutting* apabila hujan, jalan, parit dan rumah dan bangunan dan padang dan semuanya dipenuhi selut atau kelodak atau tanah merah yang turun dari bukit-bukit yang dipotong.

Saya hendak tegaskan di sini YB. Dato' Speaker bahawa sistem perparitan ataupun *urban drainage* dan juga keseluruhan sistem perparitan Negeri Pulau Pinang tidak ada, tidak sempurna dan dikatakan masih di dalam peringkat perancangan tetapi tidak pasti bila akan siap sepenuhnya. Pemaju dan kontraktor pula tidak mematuhi atau mengikut Manual Saliran Mesra Alam atau MSMA. Sungai perlu *diupgradekan* dan kita juga mengharapkan agar Kerajaan Pusat mengambil perhatian terhadap perkara ini. Pemasangan pam-pam yang bersesuaian dan ini merupakan *section major*. Sementara itu Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi *non-structural masses* pula adalah dengan menyediakan Pelan Perparitan di peringkat daerah, amalam banjir, ramalan banjir dan meningkatkan pengetahuan masyarakat dan pendidikan mengenai banjir. Namun YB. Dato' Speaker, perkara penting yang perlu diatasi Kerajaan Negeri adalah perancangan guna tanah untuk pengawalan pembangunan, dua, mengambil perhatian tentang kesan alam sekitar, perparitan, pengangkutan dan kesan sosial bagi setiap pembangunan. Yang ketiga, pengawalan yang ketat ke atas bukit, atau *hill slope*. Yang keempat, pengawalan ketat bagi setiap pembangunan atas dan pinggir bukit dan yang kelima pengawalan dan pengukuhan di tebing sungai atau *river bank protection*.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin menyarankan, menegaskan dan memohon kepada Kerajaan Negeri supaya menghentikan pembangunan pemberian kelulusan khas kepada pemaju yang tertentu yang seperti yang berlaku hari ini. Bahkan dalam soalan, jawapan bertulis kepada soalan bertulis juga terdapat empat (4) kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan berisiko tinggi yang telah diberikan kelulusan khas oleh pihak Kerajaan Negeri.

YB. Dato' Speaker, saya mohon supaya usul saya ini diterima oleh sidang DUN pada hari ini kerana terlalu banyak insiden yang berlaku, yang memudaratkan bahkan ada banyak keratan-keratan akhbar menunjukkan bencana atau angkara manusia, yang disebut SM Muhamad Idris, Presiden ACM, bagi kenyataan yang dibuat oleh YB. Padang Kota dan sebagainya. YB. Dato' Speaker, usul ini adalah usul penting dan ianya merupakan suara rakyat dan saya minta Kerajaan Negeri mempertimbangkan dan meluluskan usul ini. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pulau Betong. Saya ingin memohon usul ada sokongan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bertam, sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Ya, terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan. Saya berdiri bagi menzahirkan sokongan saya kepada usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Pulau Betong. Melalui jawapan kepada soalan bertulis saya, oleh EXCO Kerajaan Tempatan, Lalulintas dan Tebatan Banjir Pulau Pinang, YB. Chow Kon Yeow telah memaklumkan bahawa Pulau Pinang telah dilanda banjir sebanyak 119 kali dalam tempoh 2013 sehingga 2017.

Dalam ucapan Bajet 2018, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengumumkan bahawa pada 15 September 2017, Pulau Pinang telah dilanda hujan yang paling lebat dalam sejarah apabila menjadi mangsa tempas Taufan Doksuri. Empangan Air Itam telah mencatatkan 270 milimeter hujan dalam satu malam sahaja. Iaitu bersamaan dengan taburan hujan untuk sebulan. Paras air Empangan Air Itam telah meningkat daripada 78% kepada 100% penuh dalam hanya satu malam. Satu bulan setengah kemudian, dalam kolum soal jawab dalam Suratkhbar Berita Harian, edisi Ahad, bertarikh 12 November 2017, Yang Berhormat EXCO, YB. Chow Kon Yeow telah memaklumkan bahawa banjir yang telah berlaku pada 4 dan 5 November 2017 adalah yang terburuk dalam sejarah Pulau Pinang. YB. EXCO juga telah menjawab bahawa hujan adalah faktor utama kerana Pulau Pinang dilanda hujan luar biasa yang dipanggil Hujan 100 tahun.

Pada 5 November 2017, stesen hujan kita mencatatkan sehingga 372 milimeter (mm) dalam tempoh 15 jam sahaja. Ia bersamaan dengan jumlah hujan selama satu setengah bulan. Purata hujan normal dalam tempoh sebulan sepatutnya hanya 250 mm sahaja. Selain hujan, air laut yang pasang sehingga 3 meter juga menyebabkan berlakunya pertembungan sehingga berlakunya banjir besar pada hari tersebut. Selain itu, Pulau Pinang turut dilanda ribut kuat dengan kelajuan angin sehingga 64 kilometer sejam atau bersamaan dengan 40 batu sejam. Persoalan kita di sini, dalam 119 kejadian banjir,

dua (2) kejadian adalah disebabkan hujan yang dibawa oleh Taufan Doksuri pada 15 September, manakala dikatakan bahawa kejadian pada 5 November adalah disebabkan oleh saki baki Taufan Damri yang melanda Vietnam.

Walau bagaimanapun, untuk 117 kejadian lagi, walaupun taburan hujan hanya mengambil masa dua (2) hingga tiga (3) jam, banjir kilat telah pun berlaku. Kawasan-kawasan di Pulau Pinang yang mengalami banjir mengakibatkan kerugian amat buruk dan mengakibatkan kerosakan berskala besar. Jadi apa puncanya terjadi banjir di Pulau Pinang? Selain hujan sebagai faktor utama, air laut pasang yang bertembung dengan hujan, ribut taufan, kita juga dimaklumkan bahawa sistem saliran sedia ada di Pulau Pinang tidak mampu menampung jumlah air yang luar biasa. Di Pulau Pinang kita mempunyai banyak utiliti lama yang menyukarkan lagi sistem saliran untuk terus bergerak lancar. Walau bagaimanapun, ada pihak yang memberi pandangan bahawa punca utama ialah kemarahan alam terhadap kerakusan manusia yang menyebabkan pemanasan global dan perubahan iklim dunia.

Di negeri kita sendiri Pulau Pinang tidak pasti lagi bila akan berlaku hujan lebat, tidak pasti lagi bila taufan akan melanda dan tidak pasti bila pula banjir besar akan berlaku. Kejadian banjir yang berlaku di negeri kita Pulau Pinang ada yang berpendapat disebabkan oleh pembangunan yang tidak terkawal, lereng bukit digondol dan ditarah tanpa belas kasihan, kepada alam sekitar dan kemanusiaan kerana sikap tamak manusia memburukkan keadaan, kejadian tanah runtuh dan banjir besar di Pulau Pinang bulan laludan bulan ini dan 117 kejadian banjir lagi sepanjang 2013 hingga 2017 menjadi bukti bahawa sistem perparitan dan sungai negeri kita tidak lagi dapat menampung air berlebihan akibat hujan luar biasa, tiada lagi penampungan untuk air menyerap ke dalam bumi kerana hutan dan bukit digondol dan ditarah. Keadaan air banjir yang berwarna coklat atau lebih dikenali warna teh tarik adalah petunjuk kepada aktiviti-aktiviti di atas.

Di Pulau Pinang sahaja lebih daripada 100 lokasi dikesan mengalami penarahan bukit seperti di Tanjong Bunga, Paya Terubong dan Bukit Bendera. Penarahan dan pembotakan ini berpunca daripada pembangunan dan pertanian. Berbalik kepada usul yang dibawa oleh YB. Pulau Betong saya percaya ini adalah merupakan satu usul yang meletakkan keselamatan dan kebajikan rakyat sebagai keutamaan. Baru-baru ini pada kejadian banjir pada 15 September 2017 dan 5 November 2017, kita telah menyaksikan dua kejadian tanah runtuh dan kedua-duanya berlaku di dalam KADUN Tanjong Bunga. Satu melibatkan tanah runtuh dan satu lagi mendapan tanah dan juga bererti keruntuhan iaitu di Lengkok Lembah Permai Tanjong Bunga dan satu lagi di perumahan Jalan Persiaran Tanjong Bunga 3. Kedua-dua kejadian ini mengejutkan kita dari tidur untuk membawa dan menyokong usul ini. Siapa kita yang boleh memberi jaminan bahawa kedua-dua kejadian ini tidak akan berlaku lagi. Saya menyokong penuh usul usul yang dibawa oleh YB. Pulau Betong, kenapa usul ini disokong oleh saya dan wajibnya juga disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Ini satu persoalan, kita difahamkan bahawa yang tahun 2008 sehingga 2015 sebanyak 56 pemajuan atas tanah tinggi dan lereng bukit telah dilaksanakan di dalam KADUN Tanjong Bunga sahaja, saya difahamkan bahawa projek yang telah disiapkan bangunan tinggi dan sebagainya adalah sebanyak enam (6) buah. Projek yang dalam sedang pembinaan sebuah dan dalam proses cadangan adalah sebanyak sembilan (9) buah.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada kita yakin bahawa projek-projek yang telah disiapkan, projek-projek yang dalam proses pembinaan dan ianya akan dibina selamat untuk diduduki dan kebal daripada runtuh disebabkan hujan lebat dan sebagainya. Saya ingin merujuk kepada sebelum saya menghabiskan ucapan, merujuk kepada satu artikel oleh penulis Mohd Hafis Idris yang dilaporkan dalam Utusan Malaysia, Jumaat 10 November 2017, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon untuk membaca, di bawah tajuk "Struktur tanah tidak kukuh". "Pakar perancangan bandar hairan bagaimana projek di kawasan lereng bukit di Tanjong Bunga boleh diluluskan. Kita memilih Tanjong Bunga sebagai salah satu contoh kerana kawasan berkenaan merupakan tanah letrik tidak berbatu atau tanah kosong danditidak sesuai untuk dilaksanakan pembinaan. Menurut Pensyarah Perancang Bandar Dan Wilayah Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Yang Berbahagia Professor Madya Hamid Saad, tanah jenis itu tidak mempunyai struktur yang kukuh dan mudah berlaku pergerakan tanah apabila hujan. Masalah ketara terhadap projek perumahan mewah di lereng bukit di Tanjong Bunga adalah kerana kawasan itu dari jenis tanah yang tidak berbatu. Sebab itu apabila hujan kita dapat lihat tanah lumpur yang dibawa ke muara sungai adalah jenis tanah yang tidak berbatu sekaligus menyebabkan air banjir yang mengalir juga berwarna merah". Katanya ketika dihubungi di sini. "Beliau mengulas peringatan menurut Professor Hamid pemaju projek perumahan di Pulau Pinang dilihat sanggup mengadaikan alam sekitar kerana tapak projek yang menjadi punca banjir besar negeri itu secara jelasnya adalah tidak sesuai untuk pembangunan. Dalam hal itu tegasnya, Pihak Berkuasa Tempatan memainkan peranan yang sangat penting dalam meneliti setiap permohonan yang diterima daripada pemaju iaitu memastikan jenis tanah yang sesuai bagi setiap projek perumahan. Kalau kita

bandingkan dengan projek perumahan lereng bukit yang dikawal oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, saya kira mereka jauh lebih baik kerana kebanyakan projek di Lembah Klang sudah mengambil iktibar daripada *incident* Highland Tower yang runtuh pada 1993". Manakala pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga Universiti Teknologi Malaysia Prof Dr. Maktar Mohamad pula berkata, "Apa yang berlaku di Pulau Pinang bukan tentang banjir semata mata tetapi masalah kestabilan cerun di projek perumahan mewah. Pembangunan kata beliau pembangunan projek perumahan di kawasan bandar tidak boleh dihalang kerana peratusan penduduk yang tinggal di bandar juga semakin tinggi namun isu bagaimana PBT menguruskan pembangunan itu. Banjir kilat boleh disebabkan banyak faktor dan paling utama disebabkan oleh hujan lebat dan kedua pengurusan air *run-off* daripada hujan. Masalah ini di negara kita adalah hanya cara menguruskan masalah itu dengan membina lebih banyak parit melihat juga mencadangkan agar membina parit dengan lebih dalam dan sebagainya. Dan menurut beliau banjir kilat selalunya berlaku disebabkan peratusan tanah dan jalan yang telap air semakin berkurangan kerana pembangunan yang tidak terkawal. Ada penyelesaian yang perlu diambil dengan segera". Laporan ini bukan daripada kata-kata, pandangan ahli politik mahupun NGO tetapi daripada pakar-pakar ahli akademik daripada universiti-universiti. YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Bertam, sila.

YB Timbalan Ketua Menteri I :

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ingin mencadangkan cadangan pindaan kepada usul yang dikemukakan oleh Ahli Kawasan Pulau Betong, pindaan ini berbunyi begini "Bahawa Dewan yang mulia ini membuat suatu ketetapan agar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat akan bekerjasama untuk menubuhkan satu Jawatankuasa bersama untuk menangani implikasi perubahan iklim. Sekiranya rujuk kepada cadangan asal bahawa Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan untuk mengarahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ayat yang pertama saya, bahawa Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan agar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat akan bekerjasama untuk menubuhkan satu Jawatankuasa bersama untuk menangani implikasi perubahan iklim. Yang kedua mengambil kira rungutan dan keluhan rakyat Pulau Pinang yang terkesan secara langsung akibat musibah banjir yang sering berlaku kebelakangan ini mengusulkan agar, ayat ini hampir sama dengan apa yang dicadangkan dalam para kedua, iaitu kesemua pembangunan hasil di kawasan sensitif alam sekitar akan dikaji semula oleh Jawatankuasa bersama agar semua cadangan perancangan pembangunan dapat dikawal dan dipantau secara menyeluruh dan terperinci. Jawatankuasa bersama dengan sokongan teknikal dan kepakaran semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan membuat audit ke atas semua projek yang sedang dijalankan di seluruh Pulau Pinang untuk memastikan penguatkuasaan yang lebih ketat ke atas keselamatan tapak pembinaan. Semua pembangunan di atas tanah bukit melebihi 76 meter tidak dibenarkan dan tidak diluluskan selaras dengan Rancangan Struktur Pulau Pinang 2020 yang diwartakan pada 2007. Saya menggunakan Peraturan Seksyen 34(i) iaitu usul tanpa pemberitahuan usul bagi meminda sesuatu usul yang sedang dibahaskan di dalam Dewan dan saya juga menggunakan Seksyen 40(i) aturan untuk meminda usul-usul iaitu sesuatu pemindaan itu mestilah ada kena mengena dengan usul yang hendak di pinda itu. Apa yang dipinda memang tidak jauh berbeza dengan apa yang dicadangkan cuma yang ketaranya adalah Peraturan Seksyen 34(i)... (gangguan), 40(i)...jadi saya ingin mencadangkan pindaan, sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak. Ahli ahli Yang Berhormat saya telah pun terima cadangan pindaan ataupun usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Kawasan Pulau Betong dan sebelum saya nak uruskan cadangan dan pindaan ini saya nak mohon supaya dapat sokongan majoriti terhadap cadangan ini. Minta sokongan majoriti.

[Ahli-ahli Kerajaan semua berdiri untuk menyokong]. Sila duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat seperti mana yang telah pun dibaca oleh YB. Pantai Jerejak maka usul yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kawasan Pulau Betong dipinda menjadi seperti mana yang telah dibaca oleh YB. Pantai Jerejak di mana "Bahawa Dewan yang Mulia ini membuat ketetapan agar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat akan bekerjasama untuk menubuhkan satu Jawatankuasa bersama untuk menangani implikasi perubahan iklim. Mengambil kira rungutan dan keluhan rakyat Pulau Pinang yang terkesan secara langsung akibat musibah banjir yang sering berlaku kebelakangan ini dan mengusul agar kesemua pembangunan khususnya di kawasan sensitif alam sekitar akan dikaji semula oleh

Jawatankuasa bersama agar semua cadangan perancangan pembangunan dapat dikawal dan dipantau secara menyeluruh dan terperinci. Jawatankuasa bersama dengan sokongan teknikal dan kepakaran semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan membuat audit atas semua projek pembangunan yang sedang dijalankan di seluruh Pulau Pinang untuk memastikan penguatkuasaan yang lebih ketat ke atas keselamatan tapak pembinaan. Semua pembangunan di atas tanah bukit melebihi 76 meter tidak dibenarkan dan tidak diluluskan selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang diwartakan pada 2007".

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita berada dalam sesi perbahasan atas usul yang telah dipindahkan yang telah saya bacakan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas dipersilakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr. Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya nak menzahirkan rasa sedih saya. Dulu pun saya buat usul, okey mereka menggunakan suara majoriti mereka, kuasa majoriti mereka untuk menghalang saya menyuarakan akhirnya apa jadi *Penang Transports Council* pun buat sekali saja, setahun sekali saja... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya sudah jelaskan semua...(gangguan), semua dokumen yang perlu diserahkan sudah diserahkan dan menunggu kelulusan kalau Yang Berhormat boleh membantu mendapatkan kelulusan saya percaya *Penang Transport Council* boleh meneruskan kerja-kerja...(gangguan) .

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya sedih YB. Dato' Speaker, kerana suara-suara minoriti dalam Dewan ini dihalang untuk dibahaskan dalam Dewan ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong ini tak ada yang halang....(gangguan). Ikut peraturan sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Usul saya ditolak....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ini tuduhan Pulau Betong buat tuduhan...(gangguan). Saya minta tarik balik...(gangguan). Kata kita menghalang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kerajaan Negeri tak ada idea nak buat usul....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan kata begitu, kita tidak menghalang, ini menyakitkan hati saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey yang lain tak apa saya cuba nak perbetulkanlah, saya pun buat ikut peraturan tak ada siapa nak dihalang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Ada sahaja usul saya buat, mesti akan dipintas, diciplak. Kenapa tak ada usul daripada awal lagi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan diciplak, tapi dipinda.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yelah, dipinda atau diciplak....(gangguan) Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, okey dipinda...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini kena jaga-jaga, jangan cakap, ini buat sangat jahat. Tidak diciplak, dipinda, kerana itu ikut peraturan. Saya harap Pulau Betong kena....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Okey saya terima. Dipinda.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey, betulkan bahasa ini, jangan main-main di sini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Okey, dipinda.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagus, macam ini bagus.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kenapa Yang Berhormat....(gangguan) *backbencher*, buat usul sendiri daripada awal lagi? Kenapa setelah saya buat, baru Yang Berhormat semua nak pinda, nak pinda. Kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ikut peraturan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul, peraturan mengizinkan, tapi patut daripada awal lagi buat usul. Kenapa tak mahu buat usul sendiri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi *chance* lah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Apa bagi *chance*, berapa ramai Yang Berhormat, 30 orang takkan tak pandai nak buat usul?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi *chance* kepada anda.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

No! Saya tak setuju usul saya dipinda, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak bagi penjelasan, pandangan sikit ya. Kita *backbencher*, macam saya selalu bagi usul tapi sebab Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dia bagi keutamaan kepada pembangkang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silap saya pulak....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan bagi keutamaan. Yang Berhormat daripada dulu lagi selalu bersuara, usul beliau selalu ditolak. Itu nasib dialah. Tetapi kenapa usul saya yang dipinda? Kenapa dipinda? Kenapa tak diciplak dari awal lagi? Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya cukup tak setuju Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, ini kali kedua.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apalah, nyatakanlah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, ini amat dikesali. Amat dikesali, kerana ini adalah usul Kerajaan Negeri untuk bukan sahaja nak menolak....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jangan lari ya, jangan cuba tinggalkan dewan ya, jangan lari ya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kita tidak boleh menerima....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat belum jelaskan tentang tuduhan palsu dan fitnah tadi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ya, saya baru nak cakap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jangan lari, jangan ambil kesempatan ini untuk lari dari Dewan. *I said, you don't run.*

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

No, I'm not running. I'm run kerana kamu telah menolak usul saya, telah dipinda.

Y.A.B. Ketua Menteri:

You don't run, you stay back.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Slow, slow.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

No, tidak bermakna. Saya buat usul, memikir usul ini, tiba-tiba dengan mudah kena dipinda.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, yang lain diam. Saya jelaskan kepada Yang Berhormat. Yang lain tolong, ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat telah kemukakan usul dan saya telah pun semak mengikut Peraturan Mesyuarat dan telah dilulus. Itu pun mengikut Peraturan Mesyuarat. Maka kalau ada Yang Berhormat yang nak pinda, itu kuasa mereka.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Betul, tetapi kenapa Yang Berhormat, mereka tidak beritahu daripada awal?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa, hujahlah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak bersetuju, saya tidak bersetuju untuk usul saya dipinda.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak okey lah, tak setuju.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak bersetuju.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Pulau Betong, pindaan ini tak baguskah? *You tell us*. Tak baguskah pindaan ini?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bukan usul bagus tak bagus, tapi saya dah memikirkan saya usul dan membincangkan, tetapi kenapa nak dipinda? Asyik pinda, dua (2) kali pinda dah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Pinda, biasalah pinda. Pinda untuk buat lebih baik lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ya pinda lebih baik lagi, usul tak *complete*, usulnya tak sempurna, kita pindalah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin bahas?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Dato' Speaker...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tak mahu lagi *stay* di sini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tadi cakap tak lari, sekarang lari....(gangguan). Pengecut, jangan lari, pengecut!

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Nanti *settle* kat luar....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Be a man, jangan lari macam ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya tak lari....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dia tak lari, dia jalan sahaja....(gangguan). Okey terima kasih.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Barisan Nasional sebulat suara....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, Telok Ayer Tawar belum jelaskan kenyataan beliau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sebulat suara, lari, ya....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Apa yang dia sebut pun bukan di Dewan, *settle* di luar. Tiada hak mana-mana Yang Berhormat dihalang oleh saya, saya buat apa mengikut peraturan mesyuarat. Yang usul telah pun diluluskan, dan saya pun kena hormat mereka yang nak buat pindaan mengikut peraturan. Dan Dewan ini saya rasa satu-satunya Dewan yang meluluskan beberapa kali usul daripada Pembangkang pun. Yang banyak pula ditolak pula datang dari Kerajaan. Penanti, saya mohon maaf.

Sila, Machang Bubuk nak bahas kerana banyak hujah telah pun dikemukakan dan saya minta pendek dan padat.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker, dan ini sekalilah menunjukkan keikhlasan dan keazaman politik daripada wakil-wakil rakyat UMNO, Barisan Nasional, dalam memperjuangkan isu-isu pembangunan yang perlu dikawal. Ini sekali menunjukkan mereka tidak mahu membincang dalam Dewan yang mulia ini. Usul telah diterima oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, sememangnya mereka perlu berada di dewan untuk sama-sama kita mendengar pandangan daripada semua wakil rakyat yang mewakili kawasan masing-masing. Maka saya begitu kecewa sekali kerana kita bukan sekadar tidak dapat berbahas, tetapi memang usul yang telah dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong tadi memang ada banyak kelemahan yang telah dipinda oleh Ahli Kawasan Dato' Pantai Jerejak. Dan memang sepatutnya saya tadi, saya ingat kita dapat sekali lagi bersama-sama dengan wakil-wakil rakyat UMNO, Barisan Nasional ini untuk sama-sama kita berjuang, untuk mempertahankan alam sekitar kita. Dan bukan dengan cara sedemikian, untuk kita bincang atau membawa satu (1) isu yang begitu penting.

Dan saya nak menegaskan bahawa pindaan itu perlu kerana kenapa pihak UMNO, Barisan Nasional, wakil-wakil rakyat UMNO, Barisan Nasional hanya menunding jadi kepada Kerajaan Negeri sahaja. Dan sepatutnya *climate change* atau perubahan iklim ini dia merentasi sempadan dan juga parti-parti politik. Dia bukan kepentingan parti politik, dia kepentingan orang awam. Dan dia bukan sekadar tanggungjawabnya terletak di bawah Kerajaan Negeri sahaja. Maka saya setuju perlunya ada satu *joint community*. Jawatankuasa bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Tak bolehlah hanya mengharapkan yang Kerajaan Negeri untuk menjalankan tanggungjawab ini untuk memastikan *climate change* itu. Untuk menangani implikasi buruk *climate change* itu. So saya nak kata apa masalah yang kita hadapi hari ini. Masalah yang di depan kita adalah perancangan pembangunan itu. Hanya dengan perancangan pembangunan yang mementingkan, yang kelestarian alam sekitar dan juga perlunya ada mitigasi dan adaptasi yang lebih terperinci dan juga menyeluruh barulah boleh kita membuat pembangunan yang lebih terapi. Dan kita bukan membantah pembangunan, tetapi kita harap penguatkuasaan dari segi pemantauan ke atas pembangunan itu perlu diperketatkan. Maka dengan ini sekali lagi saya menyokong pindaan yang telah dibuat oleh YB. Pantai Jerejak dan saya harap sekali lagi UMNO, Barisan Nasional, mereka masih ada peluang lagi. Saya tahu mereka di luar, saya harap mereka boleh insaf dan balik kembali ke Dewan untuk sama-sama kita memperjuangkan satu (1) usul yang memang sudah dikatakan, dibentangkan oleh YB. Pulau Betong. Maka kenalah tunjukkan keikhlasan beliau dalam isu ini.

Dengan ini saya menyokong pindaan tersebut. Terima kasih YB. Dato' Speaker,

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, hujah yang *no need to repeat* lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Boleh, saya akan ringkaskan, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya akan cuba ringkaskan. Ketika usul ini pada asalnya dicadangkan daripada YB. Pulau Betong, dan disokong oleh YB. daripada Bertam, saya percaya. UMNO dan Barisan Nasional cuba menunjukkan bahawa mereka begitu prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat. Itu adalah persepsi yang diberikan, wira alam sekitar. Kononnya UMNO dan Barisan Nasional begitu peka terhadap isu-isu yang melibatkan alam sekitar, khususnya yang berlaku di Pulau Pinang. Dalam perbahasan tersebut juga, macam-macam perkara dibangkitkan. Dan semuanya menjurus kepada menyalahkan Kerajaan Negeri kepada banjir kilat dan isu-isu melibatkan alam sekitar yang berlaku di Pulau Pinang sejak kebelakangan ini.

Tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Dalam seminggu ini, kita telah lihat dalam berita, televisyen dan juga surat khabar, kejadian-kejadian banjir di beberapa negeri-negeri lain seperti di Johor Bahru berlakunya banjir. Di Lebuhraya Persekutuan di Kuala Lumpur berlakunya banjir. Di Negeri Sembilan berlakunya banjir, di Putrajaya berlakunya banjir. Di Kedah berlakunya banjir, di Pekan berlakunya banjir. Terima kasih YB. Seberang Jaya. Semua kejadian-kejadian ini berlaku disebabkan oleh (dengan izin)...*global warming*. Fenomena yang sejak kebelakangan ini berlaku dengan lebih pantas lagi. Juga berkenaan dengan berlaku disebabkan oleh kenaikan dalam paras air laut. Saya bukanlah saintis, tapi disebabkan oleh pencairan kutub utara dan kutub selatan....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Ini bukan masalah naik air laut...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak apa Batu Uban, dengar syarahan saya dahulu, dan arahan saya. Kita lihat semua sahaja disalahkan, Kerajaan Negeri disalahkan dan saya telah berulang kali menyatakan bahawa dalam insiden yang berlaku baru-baru ini, semua yang ada di sini adalah daripada Pulau Pinang. Pergilah sendiri lihat kawasan-kawasan seperti Jalan Shaik Madar, Shaik Eusoff, Kampung Pisang, Jalan P. Ramlee, Sungai Pinang, banjir kilat berlaku bukan disebabkan terdapat pembangunan yang mendadak dan pembangunan yang tidak terkawal. Bukan kata kita telah memotong lereng bukit dan membina bangunan-bangunan di lereng bukit. Ia berlaku disebabkan oleh satu (1) fenomena yang membelenggu seluruh dunia, *the whole world...* (dengan izin) *is affected*. Jadi saya percayalah usul yang telah dibuat oleh YB. Pulau Betong ini adalah satu (1) (dengan izin), sandiwara politik UMNO, Barisan Nasional. Tidak ada sebarang niat ikhlas dan suci untuk membela nasib rakyat di Pulau Pinang. Dan tiba-tiba bila dibuat pemindaan oleh YB. Pantai Jerejak, kita lihat semuanya lintang-pukang lari keluar Dewan. Kalau mereka benar-benar boleh berbahas, saya percaya mereka boleh masuk balik ke Dewan dan mempertahankan pendirian mereka.

Di sini saya sekali lagi ingin mengutuk satu (1), dua (2) orang yang telah dinyatakan dalam perbincangan YB. Pulau Betong terutamanya Pengerusi *Consumer Association*, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S.M. Mohamed Idris yang saya percaya merupakan ejen Barisan Nasional. Yang membuat kenyataan-kenyataan selalu menghentam Kerajaan Negeri. Yang tidak disokong oleh fakta-fakta dan saya juga ingin menyatakan di sini bahawa semua NGO-NGO ini hanya pandai bercakap sahaja. Bila berlaku sesuatu masalah, seperti banjir yang berlaku baru-baru ini, NGO-NGO ini tidak sama-sama turun ke padang untuk membantu, bukan seperti sukarelawan-sukarelawan yang datang daripada merata tempat di negara ini. Kita tak lihat Persatuan Pengguna Pulau Pinang, *Penang Forum...* (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendekkan, sudah pernah dibangkit.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Citizens Awareness Chant Group (Chant), dan *The Star, The People* juga....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dalam perkara ini, saya merayu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berada di sini supaya kita memberi sokongan penuh kepada usul ini yang saya percaya lebih tepat dan saya berterima kasih kepada YB. Pantai Jerejak yang lebih bijak, yang lebih pandai untuk meminda usul ini berbanding kepada usul yang merupakan retorik politik dan sandiwara politik UMNO dan Barisan Nasional. Biarlah rakyat lihat, biarlah rakyat lihat liputan ini dalam surat khabar esok, bahawa pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional tidak boleh diharap untuk membela masa depan rakyat. Saya mohon menyokong, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Sukacita saya memberi pandangan dalam usul yang dipinda oleh YB. Pantai Jerejak, saya ingin ucapkan tahniah kepada YB. Pantai Jerejak sebab melalui pindaan ini Yang Berhormat telah memberi pengisian dan makna kepada isu yang kita bahaskan pada petang ini iaitu berhubung tentang perubahan iklim dan juga pembangunan di Negeri Pulau Pinang yang amat dipantau oleh masyarakat madani di luar. Kita tidak melarikan diri daripada ini. Dari mana-mana pihak termasuk Parti Pembangkang, mahupun masyarakat madani. Dan melalui pindaan ini, kita sebenarnya telah berhadapan dan rela untuk diikat dan dipantau oleh satu (1) Jawatankuasa Bersama yang ingin ditubuhkan bagi mengkaji semula pembangunan di kawasan-kawasan sensitif alam sekitar.

Saya percaya dengan tubuhnya Jawatankuasa Bersama, saya percaya setelah pindaan usul ini diluluskan, maka kita perlu juga tubuhkan Jawatankuasa Bersama dan menjemput Kerajaan Persekutuan untuk sama-sama dalam jawatankuasa ini untuk berhadapan dengan isu yang kita prihatin. Jadi kita pun sedia diikat oleh Jawatankuasa Bersama yang akan diberi mandat membuat keauditan kepada semua

projek-projek pembangunan. Saya rasa ini pengisian yang perlu dalam isu ini dan bukan semata-mata retorik politik sahaja. Pindaan usul ini dengan cadangan Jawatankuasa Bersama akan memberi nyawa dan nafas kepada kerja-kerja pemantauan berbanding dengan apa yang dibentangkan oleh Pulau Betong tadi. Dan selama ini memang Kerajaan Negeri patuh dengan rancangan struktur Negeri Pulau Pinang di mana sekatan berhubung dengan pembangunan di lereng bukit sudah pun dipatuhi oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) mahupun Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dan saya percaya JPBD sekarang dalam kerja untuk menyemak semula Rancangan Struktur Negeri Tahun 2030 juga akan mengambil kira isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat Pulau Pinang. Jadi dengan itu saya sokong usul yang dipinda oleh YB. Pantai Jerejak dan saya percaya jabatan-jabatan yang berkaitan akan perlu memberi kerjasama apabila Jawatankuasa Bersama ini ditubuhkan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Penanti dulu.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahirrahmanirahim. Saya nak mengucapkan berbilang terima kasih kepada Pantai Jerejak yang telah meminda usul yang asalnya membolehkan kami, *backbenches* untuk menyokong usul ini. Saya nak memohon dari Kerajaan Negeri bila menubuhkan jawatankuasa ini, yang antara Pusat dan Negeri untuk melihat kalau kita tengok data bilangan mangsa-mangsa banjir pada 05, 06 November 2017. Kita tengok di sini kalau di Pulau, bilangannya sekejap ya, saya nak bacakan. Kalau di Pulau, bilangannya pada 06 November 2017 adalah 148 mangsa banjir dan di Seberang Perai 4,671. Tetapi kalau kita tengok pada 07 November 2017, mangsa banjir di Pulau tinggal 21 dan di Seberang Perai mempunyai 7,649. Saya nak sebut di sini, maknanya saya juga tanya kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Kenapakah Penanti banjir seminggu? Dari 04 hingga 10 November 2017. 10 November 2017 baru kita dapat, selepas tu baru kita dapat tutup dewan banjir kita. Dan ini melanda macam saya kata, mangsa banjir di Penanti 4,440 orang, 960 rumah dan pada 12 November 2017, terdapat 290 rumah yang mengalami *total lost*. Maknanya tidak boleh diselamatkan. Disebabkan oleh kemusnahan yang membanjiri ramai sangat penduduk, saya bertanya kepada JPS kenapa ini berlaku? Dan kalau saya tengok juga data daripada Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) dan jawapan daripada Pengarah JPS Pulau Pinang, dia dikatakan disebabkan oleh *volume* air yang sangat banyak juga daripada Kedah. Dan juga macam yang saya bincang dengan Pengarah JPS, saya mohon lagi sekalilah kalau *arch bridge* di Ampang Jajar, kawasan Seberang Jaya boleh dibina supaya air boleh keluar dan tidak membanjiri *highway*. Jadi dalam jawatankuasa ini, kalau ikut dari data PEKA dan juga daripada jawapan Pengarah JPS Negeri iaitu Ir. Sabri yang saya nak mengucapkan berbilang terima kasih yang akan meninggalkan Pulau Pinang pada 27 November 2017 ini. Saya nak mengucapkan berbilang terima kasih baktinya kepada Penanti. Jadi isu dia kata, apa yang berlaku, kenapa Penanti hujan seminggu juga ialah *volume* air. Dan *volume* air ini juga ada kena mengena dengan pemotongan pokok ataupun apa yang berlaku di hutan Ulu Muda dan juga di Penanti sebab kita mempunyai bukit-bukit. Jadi saya tengok juga *google map*, bila kawasan Penanti yang sebagai contoh. Sungai Lembu, berada di sebelah Kulim. Jadi kalau mengikut Ulu Muda dan Sungai Muda, dia pergi ke Kulim, air itu pergi ke Kulim *which is next to* Penanti. Apabila Kerajaan Negeri dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN), meletakkan, okey kita kena jadikan Penanti itu disebabkan kita ada bukit untuk letak kubur, tetapi kena tengok katsitu walaupun tidak ada penempatan yang terbaru, yang 10 ekar, yang Kerajaan Negeri mohon itu. Walaupun tidak ada penempatan oleh orang Penanti, tetapi di situ terdapat penempatan orang-orang Kulim. Masalahnya apa yang berlaku di Kulim, apa yang berlaku di Kedah, akan datang ke Penanti. Sebab kita *share* alur sungai, *volume* sungai, yang seperti saya katakan tadi dan kita tidak ada *arch bridge* yang air itu boleh pergi dengan senangnya. So kalau dia tolak balik, dia tolak balik ke sungai. Itu yang menyebabkan Penanti banjir seminggu. Mengkuang Mat Sulong di tepi sungai Kulim banjir tiga (3) hari. Jadi dalam jawatankuasa ini, saya nak mohon sangat kepada Jawatankuasa Pusat yang juga melihat Negeri Kedah supaya jawatankuasa ini melihat apa-apa penggondolan ataupun kawasan tadahan air yang berlaku di sana, jika berlaku di hutan Ulu Muda, ini akan memberi impak kepada Kulim sebab Sungai Muda itu sepanjang 178 kilometer. Dan dia akan juga pergi ke Kulim.

Jadi apa pun sungai yang mengalir itu, akan juga mengalir ke Sungai Dua. Dan Penanti, kita *share the same* sungai. DUN Sungai Dua *we also share the* Sungai Prai dan Sungai Prai itu bersambung dengan Sungai Kulim. Jadi saya nak mohon juga bagi pihak Kerajaan Negeri kalau nak meluluskan apa-apa perkuburan, sebab perkuburan dia akan memotong atau menggondolkan seluruh kubur. Sebagai contohnya *columbarium*, apa yang terjadi *columbarium*, dia hanya tinggi enam (6) tingkat tapi baru-baru ini sebelum banjir besar, berlaku satu (1) tanah runtuh depan *columbarium* Jalan Berapit, *sink hole* disebabkan air dari bukit *columbarium* yang telah digondolkan, dijatuh dalam. Sama dengan sungai yang saya kata dari Mengkuang Dam. Projek pembesaran Mengkuang Dam tidak mengeluarkan air, tetapi air

hujan dari Mengkuang Dam yang tinggi ada sepuluh (10) parit kecil-kecil dia tak nak *contaminated the dam* dan air dari hujan itu yang baru ni berlaku, yang saya pergi kelmarin, dia pergi ke Mengkuang Titi. Pergi ke Mengkuang, jadi memang sensitiviti bukit itu sangat penting. Jadi itu sahajalah saya nak cakap. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, terima kasih Penanti.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua bagi saya peluang untuk berbahas dalam usul ini yang sudah dipindahkan daripada usul asalnya yang dibentangkan YB. Pulau Betong. Saya bangkit berbahas kerana adalah satu (1), pindaan yang munasabah. Ada satu (1) pindaan yang lebih holistik dan sempurna dan untuk satu (1) keadaan *win win situation* di mana pindaan ini terpakai juga kepada seluruh negara. Kita tahu bukan sahaja perubahan iklim yang jadi faktor untuk dalam banjir kilat dan juga tanah runtuh yang jelas di kawasan saya, tanah runtuh di Lembah Permai itu bukan disebabkan hujan, dia runtuh pada masa itu tak ada hujan. Dan juga ini menunjukkan satu (1) pembangunan di lereng bukit dan juga satu kecuiaan yang saya katakan dalam bahasa saya, kecuiaan memantau, kecuiaan kebenaran diluluskan dan kecuiaan daripada pihak pemaju. Jadi sama juga di atas Bukit Bendera, yang ternampak tanah runtuh ini memang dia adalah satu (1) kecuiaan juga kerana adanya projek habitat itu *canopy walk* di belakang sini jelasnya kalau boleh kita lakukan lawatan tapak. Dan satu (1) banjir kilat di kawasan saya, di mana tak pernah berlaku dan semalam lebih kurang seramai 100 penduduk juga merayukan supaya Kerajaan Negeri turun padang, siasatkan punca-punca banjir kilat yang tidak pernah berlaku di sana. Jadi saya juga berharap kalau boleh semua permohonan yang sedang dipohon atau yang belum dipohon, dibekukan supaya kaji semula diadakan dan juga *local plan* bahagian Pulau yang lama derafnya disediakan juga diwartakan sebelum pembangunan di lereng bukit yang dipindahkan dari yang amat munasabah barulah kita mengikut struktur pelan atau *local plan* supaya kita boleh menjalankan satu (1) perancangan kelestarian alam sekitar dan tentang *special project* saya dapat jawapan bahawa *special project* ini hanya saja diberikan kepada pembangunan di tanah bukit atas 76 meter dan ke atas dan difahamkan *special project* ini definisinya tidak jelas kalau boleh definisi *special project* diperjelaskan atau dikeluarkan *special project* ini daripada struktur pelan atau *local plan*.

Jadi itu sahaja saya hendak kongsi pandangan saya supaya ia boleh diambil kira pada masa depan bila dalam EXCO ka atau dalam OSC dan saya harap situasi macam ini boleh lah maksud dilema dalam Dewan ini bolehlah diselesaikan jika kita menghadapi usul dan bahaskan dengan jujur, jangan maki siapa-siapa pun apa guna dan kita disini matang kita *matured, we are not here to pin point, so that its end up...*(dengan izin) seluruh negara dan juga dalam *you tube*, rakyat dan orang ramai di luar akan bezakan siapa betul dan siapa salah dan siapa berkualiti dan siapa tidak berkualiti dalam bahas. Dengan itu saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Tanjong Bunga, YB. Pulau Tikus berikan soalan, hujah yang sudah pernah dibangkit tidak perlu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya ingin membangkitkan kekhawatiran saya dengan nama jawatankuasa ini iaitu jawatankuasa bersama untuk menangani implikasi perubahan iklim. Ini adalah kerana implikasi perubahan iklim ini adalah amat meluas merangkumi cara hidup, *setting* dalam rumah, pengangkutan, sumber *agriculture* dan sebagainya. Implikasi perubahan iklim adalah amat luas dan kerisauan saya adalah apabila jawatankuasa ini dilantik adakah selama-lamanya, maka jawatankuasa ini jika dibiarkan begitu saja namanya mungkin perlu mengambil kira aspek-aspek lain. Oleh disebabkan itu, saya mencadangkan agar perenggan pertama dibaca sebagai "Bahawa Dewan yang mulia ini membuat suatu ketetapan agar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat akan bekerjasama untuk menubuhkan satu (1) jawatankuasa bersama untuk menangani implikasi perubahan iklim dari aspek rancangan bandar dan pembangunan". Tambahan enam (6) perkataan dari aspek perancangan bandar dan pembangunan. Saya juga berminat meneliti definisi kawasan sensitif alam sekitar, saya berharap bahawa jawatankuasa itu akan berusaha untuk mencerahkan, butirkan definisi kawasan sensitif alam sekitar ini.

Tambahan juga jika saya membaca keseluruhan terutamanya perenggan keempat (4) ia seolah-olah peranan jawatankuasa bersama ini adalah untuk memantau, mengaudit dan cuba mengetatkan penguatkuasaan mengikut garis panduan yang sedia ada. Namun sama ada tanah runtuh ke ataupun

kemalangan di tapak pembinaan yang terlalu sering berlaku, saya sudah banyak kali bangkitkan di dalam Dewan ini, saya rasa garis panduan dan polisi tambahan yang lebih proaktif lagi adalah diperlukan. Maka saya cadangkan perenggan keempat (4) ini diteruskan dengan perkataan-perkataan dan menggubal garis panduan dan polisi yang lebih ketat untuk mempertingkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja (*occupational health and safety*) di kesemua tapak pembinaan di Negeri Pulau Pinang kerana tapak pembinaan di lereng bukit di tapak pembinaan dimana-mana tempat garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerja (*occupational health and safety*) adalah kebanyakannya sama. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pulau Tikus, saya minta Ahli Yang Berhormat Ahli Kawasan Pantai Jerejak untuk membuat penggulungan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan, saya ingin membuat penggulungan di atas perbahasan yang telah dinyatakan tadi di atas usul pindaan, di atas usul asal dikemukakan oleh YB. Pulau Betong. Yang pertamanya, saya merasa kesal bagaimana rakan di sebelah sana telah keluar Dewan, lari daripada Dewan dan diharap dapat masuk semula kerana usul ini bukan ditolak tetapi usul ini dipinda mengikut peraturan-peraturan yang telah saya nyatakan. Jadi daripada pandangan-pandangan dalam perdebatan, ulasan daripada semua yang telah memberi ulasan di atas cadangan pindaan usul ini saya mengucapkan terima kasih dan diharap perkara-perkara yang telah dibangkitkan dapat digabungkan di dalam penubuhan jawatankuasa bersama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat khususnya untuk menangani isu yang kita ingin menanganinya secara yang lebih global lagi.

Jadi dengan itu saya menyatakan bahawa usul pindaan adalah seperti mana yang telah saya bacakan tadi. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak, Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul pindaan daripada YB. Pantai Jerejak yang telah pun membuat pindaan atas usul daripada YB. Pulau Betong seperti mana yang telah pun dibaca dan telah pun dibahas tadi maka sekarang saya menanyakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Usul diterima. Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin tangguhkan Dewan untuk sepuluh (10) minit.

Dewan ditangguhkan selama 10 minit.

Dewan disambung semula.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula, sila Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya menyokong.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan. Sebelum itu terdapat satu (1) Notis Ucapan Penangguhan di bawah Peraturan 29 daripada Ahli Kawasan Tanjung Bunga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Tanjung Bunga, tidak lebih daripada tujuh setengah minit.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk berkongsi ucapan penangguhan saya dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas ini.

Saya fikir saya sebagai wakil rakyat mesti membawa suara dan hasrat ke Dewan yang mulia ini untuk debat dan mencari satu (1) penyelesaian agar satu (1) polisi yang dapat memanfaatkan rakyat atau reformasi pendemokrasian yang membawa keadilan kepada rakyat dipersetujui. Dalam dua (2) penggal yang lalu sejak tahun 2008, saya telah cuba membentangkan beberapa cadangan dan pandangan baru di Dewan yang mulia ini misalnya perlancongan berbasikal, *garbage enzyme*, *Big Data*, penubuhan Jabatan Penguatkuasaan, penubuhan Jawatankuasa Transgender, kempen menanam pokok, menyaran Kerajaan Negeri Pulau Pinang *actively take part in policy China 'One Belt One Route'*(dengan izin) agar mempertingkatkan ekonomi kita, kajian semula Pelan Struktur Pelan, membantah pembangunan di lereng bukit, mempertahankan *Middle Bank sea grass bed*, reformasi dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang iaitu *Two Terms Limitation to, Prime Minister*, Menteri Besar dan Ketua Menteri dan lain-lain dan juga *local government bankruptcy acetylene* dan juga kenalkan satu *environment fees* kepada mereka yang membuka pembangunan di lereng bukit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, pada mulanya saya dikritikkan, diejekkan dan diketawakan tetapi tanpa putus asa dan *perseverance* mujurlah Yang Berhormat-Berhormat kemudian yang sedar akan cadangan dan pandangan tersebut dan ada yang diterimakan dan dilaksanakan Kerajaan Negeri. Saya yakin urusan politik adalah urusan rakyat. Kebanyakan perkara atau ideologi boleh ditunaikan dan dilaksanakan asalkan ada keinginan politik yang kuat dan gigih dan ikhlas itulah harapan diharapkan rakyat.

Kini misalnya prinsip *two terms limitation*....(dengan izin) amnya ke atas Penjawatan Perdana Menteri telah pun diumumkan sebagai salah satu *pledge* Pakatan Harapan oleh pengerusinya Tun Dr. Mahathir, ini telah pun disokongkan Timbalan Pengerusi PAN Salahuddin Ayub dan Timbalan Pengerusi PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir bulan lalu. Masing-masing berkeyakinan reformasi pendemokrasian ini akan memanfaatkan dan keadilan kepada rakyat dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Saya sudah pun debatkan banyaknya kebaikan reformasi tersebut pada beberapa Mesyuarat Dewan yang lalu.

Yang di-Pertua Dato' Speaker, saya dah beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini mohon reformasi ini juga berlaku dan dikenalkan ke atas penjawatan bukan sahaja Perdana Menteri juga kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri. Tetapi saya dikritikkan wakil rakyat yang berpandangan sempit hati dan pendek, kini prinsip dan sistem penghadan penjawatan Perdana Menteri telah pun dipersetujui dan dibentangkan oleh Pakatan Harapan sendiri. Justeru itu, saya menasihatkan Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang kita ini yang mentadbir, *take the first step* tunaikan *pledge* tersebut semasa masih berkuasa terutamanya Ketua Menteri membuktikan keikhlasan Pakatan Harapan kena lebih progresif dan buat satu *legacy Penang lead*. Ubahkan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang menghadkan penjawatan Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja agar rakyat yakin Pakatan Harapan boleh diharapkan dan dipercayai *walk the talk*..(dengan izin). Oleh yang demikian, Y.A.B. Ketua Menteri dan Yang Berhormat MMKnya janganlah lepas peluang mencipta satu sejarah dan reformasi yang begitu bermakna kepada Rakyat Negeri Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Dato' Speaker, ubah sebelum diubah PRU ke-14, reformasi sebelum direformasikan GE 14, sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Tanjung Bunga, silakan Yang Berhormat yang akan memberi ucapan balas. Sila Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih kepada Ahli daripada Kawasan Tanjung Bunga atas ucapan penangguhan. Saya ucapkan terima kasih atas nasihat daripada YB. Tanjung Bunga saya rasa ini bukan satu yang baru saya rasa dari segi itu saya rasa YB. Tanjung Bunga agak *consistent* dari dulu sampai sekarang bahawa ini merupakan satu, satu apa ini *passion* kepada beliau dan saya rasa sebagai Kerajaan yang sentiasa membuat, menginginkan pembaharuan ini saya rasa isu-isu yang telah dibangkitkan oleh YB. Tanjung Bunga ini akan diambil kira dari masa ke semasa, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Perai, Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasihlah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama sepanjang berjalan persidangan Dewan ini dari hari pertama sehingga sekarang mungkin kesilapan yang paling besar saya adalah mengizinkan terlalu banyak masa untuk Yang Berhormat sehingga ada yang dua jam, tiga jam berbahas tapi macam mana pun itulah keunikan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang saya amat banggakan dengan prestasi Yang Berhormat-Yang Berhormat mahupun sokongan-sokongan yang diberikan oleh semua Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dato' Yang di-Pertua Dewan saya ada satu soalan, hari ini ada makan malam?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak ada hari ini tak ada.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tak ada makan malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

So dan juga saya ingin juga berterima kasih kepada rakan-rakan media yang telah pun membuat liputan yang begitu luas bersabit dengan perkembangan-perkembangan isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri dan saya bangga juga kerana Dewan ini adalah satu-satunya Dewan yang memberi peluang, masa yang paling cukup sampai perlu berucap berbuih-buih yang di mana saya faham di Dewan-Dewan Undangan Negeri yang lain tidak akan mendapati ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat yang di luar negeri mereka akan faham apanya perbahasan yang mungkin tiada limit.

Maka dengan itu sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli EXCO dan Ahli-ahli Yang Berhormat harap kita boleh jumpa lagi. Saya tangguhkan Mesyuarat dan Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang.